



# LAPORAN TAHUNAN 2016

## ANNUAL REPORT

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**  
**NATIONAL SPORTS COUNCIL OF MALAYSIA**




**KE ARAH KECEMERLANGAN SUKAN**  
**TOWARDS SPORTS EXCELLENCE**



KE ARAH KECEMERLANGAN SUKAN  
TOWARDS SPORTS EXCELLENCE





## iv PERUTUSAN PENGERUSI MESSAGE FROM THE CHAIRMAN

01

PENGURUSAN  
MANAGEMENT

LATAR BELAKANG  
BACKGROUND

TUGAS & FUNGSI  
ROLE & FUNCTION

KUASA-KUASA MAJLIS  
AUTHORITY OF THE COUNCIL

LEMBAGA PENGURUSAN  
THE BOARD OF MANAGERS

AHLI JAWATANKUASA AUDIT  
MAJLIS SUKAN NEGARA  
THE AUDIT COMMITTEE OF NATIONAL  
SPORTS COUNCIL

PENTADBIRAN  
ADMINISTRATION

CARTA ORGANISASI  
ORGANISATION CHART

PENGURUSAN SUMBER  
MANUSIA  
HUMAN RESOURCES MANAGEMENT

13

ATLET  
ATHLETE

PROGRAM ATLET SENIOR  
SENIOR ATHLETE PROGRAMME

PROGRAM PELAPIS  
JUNIOR PROGRAMME

PROGRAM BAKAT  
TALENT PROGRAMME

PROGRAM PEMBANGUNAN  
SUKN PILIHAN  
SELECTED SPORTS DEVELOPMENT  
PROGRAMME

PROGRAM PARALIMPIK  
PARALYMPIC PROGRAMME

PENCAPAIAN PRESTASI  
SEPAJANG TAHUN 2016  
THE ACHIEVEMENTS BY  
PERFORMANCES THROUGHOUT 2016

KEJOHANAN  
ANTARABANGSA  
INTERNATIONAL CHAMPIONSHIPS

KEJOHANAN  
ANTARABANGSA ATLET  
PARALIMPIK  
INTERNATIONAL CHAMPIONSHIPS FOR  
PARALYMPIC ATHLETE

KEJOHANAN  
ANTARABANGSA  
INTERNATIONAL CHAMPIONSHIPS

37

HAL EHWAH DAN  
KEBAJIKAN ATLET  
ATHLETE'S AFFAIRS  
AND WELFARE

PENDIDIKAN  
EDUCATION

BIASISWA  
SCHOLARSHIP

MALAYSIAN ATHLETE  
CAREER AND EDUCATION  
(MACE)  
MALAYSIAN ATHLETE CAREER AND  
EDUCATION (MACE)

INSENTIF DAN KEBAJIKAN  
INCENTIVES AND WELFARE

PROGRAM BINAAN  
BUILD PROGRAMME

53

KEJURULATIHAN  
DAN KEPEGAWAIAN  
COACHING AND  
OFFICERS

PENGURUSAN JURULATIH  
COACH MANAGEMENT

KEPEGAWAIAN DAN  
TEKNIKAL  
OFFICERS AND TECHNICAL

# ISI KANDUNGAN

## TABLE *of* CONTENT

**65**

### PENGANJURAN ACARA DAN KEJOHANAN

ORGANISING OF EVENTS  
AND CHAMPIONSHIPS

#### ANUGERAH SUKAN NEGARA 2015

2015 NATIONAL SPORTS AWARDS

#### TEMASYA SUKMA 2016

2016 SUKMA GAMES

#### PENGANJURAN KEJOHANAN

ORGANISATION OF TOURNAMENTS

**83**

### PERKHIDMATAN SOKONGAN

SUPPORT SERVICES

#### PENGURUSAN BADAN SUKAN KEBANGSAAN

MANAGEMENT SPORTS  
ASSOCIATIONS

#### PEMBANGUNAN MAJLIS SUKAN NEGERI

DEVELOPMENT OF STATE SPORTS  
COUNCIL

#### KERJASAMA DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

INTERNATIONAL COOPERATION AND  
RELATIONS

#### PERSIDANGAN SPORTS PITCH 2016

2016 SPORTS PITCH CONFERENCE

**89**

### KEMUDAHAN SUKAN

SPORTS FACILITIES

#### NAIKTARAF CASA 1, 2, 3 DAN 4

UPGRADING CASA 1,2,3 AND 4

#### NAIKTARAF KEMUDAHAN DI PUSAT LATIHAN PERAHU LAYAR KEBANGSAAN LANGKAWI, KEDAH

UPGRADING FACILITIES AT NATIONAL  
YACHT TRAINING CENTRE LANGKAWI,  
KEDAH

#### VENUE-VENUE MAJLIS COUNCIL VENUES

**93**

### PENYATA KEWANGAN 2016

2016 FINANCIAL  
STATEMENT



## PERUTUSAN PENGERUSI *Chairman's Message*



KHAIRY JAMALUDDIN

Menteri Belia dan Sukan  
Pengerusi Majlis Sukan Negara Malaysia

Youth and Sports Minister  
Chairman of National Sports Council of Malaysia

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,

SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1MALAYSIA.

Industri sukan negara sepanjang tahun 2016 melakar 1001 sejarah yang paling gemilang dan membanggakan khususnya kejayaan luar biasa atlet Malaysia dalam beberapa siri temasya sukan berprestij dunia.

Sukan Olimpik Rio telah melabuhkan tirainya dan kontinjen negara pulang dengan 4 pingat perak dan 1 pingat gangsa. Ini merupakan pencapaian terbaik kontinjen negara dalam sejarah penyertaan di temasya Sukan Olimpik. Dalam tidak sedar melalui temasya sukan ini, Malaysia berjaya menyatukan rakyat yang tidak mengira bangsa, usia maupun latar belakang.

Pada temasya ini, Datuk Lee Chong Wei akur dengan keputusan perlawanan akhir badminton perseorangan lelaki apabila berjaya meraih pingat perak buat negara. Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul harapan negara selama lebih sepuluh tahun ini. Datuk Lee Chong Wei tetap kebanggaan negara dan wira dimata rakyat Malaysia. Terima kasih kerana berjuang habis-habisan selama ini.

Pasangan Goh Wei Shem dan Tan Wee Kiong berentap di pusingan akhir menentang pasangan lawan Fu Haifeng dan Zhang Nan untuk meraih pingat perak buat negara. Manakala kategori beregu campuran pula, gandingan Goh Liu Ying dan Chan Peng Soon turut akur dengan pingat perak selepas tewas di tangan wakil Indonesia.

PEACE UPON YOU AND SALAM 1MALAYSIA.

The national sports industry during the year of 2016 has created a very proudly and enormous 1001 history especially the outstanding achievement by the Malaysian athletes in several world prestigious sports championships series.

Rio Olympic Games has finished and the national contingent managed to bring back 4 silver medals and 1 bronze medal. This is as well the best achievement by the national contingent in the Olympic Games' participation history. Throughout the games, Malaysia has successfully uniting the Malaysian into a very peaceful, harmony and supportive regardless the race, age or background.

During the Games, Datuk Lee Chong Wei has to obey the result of the final men's individual in badminton by just bringing the silver medal for the country. Even though it is hard for us to see, it is even harder for Datuk Lee Chong Wei himself but still, he will always be the national pride and hero in the eyes of all Malaysians. Thank you for all of those fights you have given all this while.

The pair, Goh Wei Shem and Tan Wee Kiong has fought in the final stage against the rival pair's Fu Haifeng and Zhang Nan to earn the silver medal for the country meanwhile for the mixed pair, the combination of Goh Liu Ying and Chan Peng Soon also has to obey to the silver medal after losing to the representatives from Indonesia.

Tuah buat Malaysia dalam acara terjun apabila Pandelela Rinong dan Cheong Jun Hoong berjaya merangkul pingat perak menerusi acara 10 meter platform seirama wanita. Bukan itu sahaja, pingat gangsa tunggal turut berjaya dimiliki oleh atlet berbasikal negara Azizulhasni Awang yang digelar sebagai 'The Pocket Rocketman' menerusi acara Keirin selepas gagal dalam dua percubaan di Beijing 2008 dan London 2012.

Luar biasa! Ungkapan yang sinonim dengan kejayaan cemerlang atlet paralimpik negara di pentas antarabangsa. Sukan Paralimpik Rio melakar sejarah terulung bagi sukan golongan orang kelainan upaya (OKU) apabila kontinen negara berjaya meraih tiga kilauan pingat emas dan satu pingat gangsa.

Atlet pecut negara, Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi berjaya merangkul emas yang pertama dalam acara 100m T36 dan berjaya memecahkan rekod dunia dengan catatan masa 12.07 saat. Emas kedua pula menerusi Muhammad Ziyad Zolkefli dalam acara lontar peluru F20 turut memecahkan rekod dunia paralimpik dengan balingan sejauh 16.84 meter.

Abdul Latif Romly bagi kategori T20 berjaya meraih pingat emas yang ketiga dalam acara lompat jauh sekaligus mencatat rekod baharu dunia dengan lompatan sejauh 7.60 meter. Manakala, pingat gangsa berjaya diraih oleh Siti Radiah Ismail menerusi acara lompat jauh T20 dan memperbaharui rekod Sukan Para Asia dengan jarak 5.20 meter.

Selain temasya berprestij dunia ini, pencapaian cemerlang pelari muda dari Melaka yang berusia 18 tahun, Khairul Hafiz Jantan di temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak turut membuka mata rakyat Malaysia apabila meleburkan rekod 100 meter kebangsaan sejak 18 tahun yang lalu.

Bintang pecut yang sedang meningkat naik ini berjaya memadamkan rekod lama 10.30 saat yang dicipta Watson Nyambek semasa di Sukan Pra-Komanwel 1998. Kini, beliau telah berjaya memecahkan rekod 100 meter kebangsaan dengan catatan masa 10.18 saat di Stadium Sarawak.

Pencapaian hebat yang dipamerkan atlet-atlet negara ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan mereka beraksi dalam merealisasikan impian untuk menggenggam pingat emas dalam kejohanan sukan berprestij dunia.

Diharapkan gelombang kejayaan ini menjadi pembakar semangat buat atlet-atlet negara untuk beraksi pada tahun hadapan semasa penganjuran temasya Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN yang bakal diadakan di Kuala Lumpur dan sasaran utama adalah untuk menjadi juara keseluruhan.

**Wassalamualaikum.**

**Sekian, terima kasih.**



**KHAIRY JAMALUDDIN**

Menteri Belia dan Sukan  
Pengerusi Majlis Sukan Negara Malaysia

Another luck for Malaysia in diving when Pandelela Rinong and Cheong Jun Hoong have successfully earned silver medals through the women's 10 metres synchronized platform. Not only that, the lone bronze medal also has been successfully being earned by the national cycling athlete, Azizulhasni Awang which is called as "The Pocket Rocketman" by Keirin event after failing in two attempts in Beijing 2008 and London 2012.

Unbelievable! A very precise and synonym statement for the outstanding achievement from the national Paralympic athletes in the international level. Rio Paralympic Games has created a very enormous history of its own for the disabled sports categories when the national contingent managed to get three gold medals and one bronze medal.

National sprinter, Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi successfully earned the first gold in 100m T36 event and also breaking the world record with a record of 12.07 seconds. The following gold was earned through Muhammad Ziyad Zolkefli in F20 shot put and also breaking the world Paralympic record by a shot of 16.84 meters.

In T20 category, Abdul Latif Romly has successfully earned the third gold medal in the long jump event and created a new world record by a jump of 7.60 meters. Meanwhile, the bronze medal has successfully earned by Siti Radiah Ismail through the T20 long jump and improvising the ASEAN Para Games record with a length of 5.20 meters.

Other than this prestigious games, a very undeniably great achievement by the 18 year old young sprinter from Malacca, Khairul Hafiz Jantan in Sarawak Malaysia Games (SUKMA) also has opened the eyes of the Malaysian when he managed to break the 18 years old national 100 meters record.

This rising sprinter ace has successfully vaporized the old record of 10.30 seconds owned by Watson Nyambek during the 1998 Pre-Commonwealth Games. Now, he also has successfully break the national 100 meters' record with a time record of 10.18 seconds at Sarawak Stadium.

These great achievements shown by the national athletes have proved their commitment and the spirit of their actions in making their dreams come true to grab the gold medals in any world prestigious sports championships.

Hopefully, the wave of success will be the encouragement for the national athletes to compete more on the following years when the SEA Games and ASEAN Para Games which will be held in Kuala Lumpur and the main objective is to be the overall champion.


Wassalamualaikum.

Thank You.



Youth and Sports Minister  
Chairman of National Sports Council of Malaysia



A photograph of a man with a shaved head and a goatee, wearing a blue and white vertically striped long-sleeved shirt. He is sitting at a light-colored wooden desk, looking down at a laptop keyboard. His hands are resting on the desk surface. The background is dark and out of focus.

# PENGURUSAN MANAGEMENT

Majlis Sukan Negara ditubuhkan di bawah Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 dan Akta Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan 1979). Pelancarannya telah dirasmikan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua pada 21 Februari 1972.

Penubuhan Majlis Sukan Negara adalah selaras dengan Dasar Sukan Negara iaitu bertanggungjawab sepenuhnya ke arah penggalakan, pembangunan dan pencapaian cemerlang dalam sukan-sukan yang dipertandingkan di peringkat tertinggi. Bagi mencapai matlamat ini, satu usaha kolektif yang melibatkan secara langsung dari semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan sukan, majlis-majlis sukan, institusi-institusi pengajian tinggi, badan-badan sukarela serta orang perseorangan telah dipergiat supaya mutu sukan negara dapat mencapai prestasi yang cemerlang.

National Sports Council was established under the Act of Malaysia National Sports Council 1971 and Act of Malaysia National Sports Council (1976 Amendment). It was launched by Yang Amat Berbahagia Tun Abdul Razak Hussein, Malaysia's Second Prime Minister on 21<sup>st</sup> February 1972.

The establishment of National Sports Council is in line with the National Sports Policy which is to be fully responsible towards encouragement, development and excellent achievements for all the sports that will be contested in the highest level. In order to achieve the goals, a collective effort involving directly with the government and non-government sectors, any sports organisation, sports councils, institutions of higher learning, volunteer corporation and also individual has been intensified and finally, creates a high quality of national sports and achieving outstanding performances.



# Objektif

## OBJECTIVES

1

**Memastikan lebih ramai atlet dan atlet para melayakkan diri ke program podium.**

*To ensure more athletes and para athletes to be qualify to podium programme.*

2

**Memastikan pengurusan program pembangunan atlet dilaksanakan secara bersistematis dan berstruktur dengan kerjasama semua pemegang taruh.**

*To ensure the management of athletes' development programme to be executed in a systematic and structured with the cooperation of all stakeholders.*

3

**Memastikan agensi-agensi pelaksana peringkat kebangsaan dan negeri berkeupayaan menguruskan program latihan dengan berkesan.**

*To ensure the national and state executive agencies are capable of managing the training programme effectively.*

4

**Mewujudkan penilaian dan piawaian kebangsaan dalam aspek pembangunan atlet.**

*To establish national standards and assessment in the field of development of athletes.*

5

**Bertindak sebagai pakar rujuk teknikal dalam pengurusan dan pembangunan sukan prestasi tinggi di Malaysia.**

*To act as technical experts in the management and development of high performance sports in Malaysia.*

6

**Menyelaraskan semua perkhidmatan sokongan dalam pelbagai aspek seperti pengurusan kejurulatihan, kemudahan latihan, kebajikan atlet dan tadbir urus di setiap peringkat pembangunan sukan prestasi tinggi.**

*To coordinate the support services in various aspects such as coaching management, training facilities, the athletes' welfare and governance at every level of the development of high performance sports.*

# Fungsi FUNCTION

- > Merancang dan melaksanakan program pembangunan atlet senior dan remaja bagi menghadapi kejohanan-kejohanan sukan peringkat antarabangsa.

*Planning and implementing the senior and junior athletes' development programmes in order to face the sport tournaments in international level.*



- > Merancang dan melaksanakan program pembangunan atlet kelainan upaya senior dan remaja bagi menghadapi kejohanan-kejohanan sukan peringkat antarabangsa.

*Planning and implementing senior and junior disabled athletes' development programmes in order to face the sport tournaments in international level.*



- > Merancang dan melaksanakan program-program pembangunan atlet mengikut pelan periodisasi secara bersistematis dan berstruktur dengan kerjasama semua pemegang taruh.

*Planning and implementing athletes' development programmes accordingly to the periodic plan in a systematic and structured with the cooperation of all stakeholders.*



- > Membantu dan memperkemaskan organisasi sukan peringkat negeri dan kebangsaan ke arah pengurusan sukan prestasi tinggi yang lebih efisien.

*Helping and to streamline the sport organisations in state and national level towards a highly efficiency of high performance sports management.*



- > Menyelaraskan piawaian dan penilaian prestasi yang sesuai sebagai asas penilaian program pembangunan latihan atlet sukan prestasi tinggi di seluruh negara.

*Coordinating standards and appropriate performance evaluation as the basis of assessment of high performance sports athletes' training development programme in Malaysia.*



- > Menyediakan sumber rujukan pengurusan dan pembangunan sukan prestasi tinggi di Malaysia.

*Providing reference management and development of high performance sports in Malaysia.*



- > Menyediakan perkhidmatan sokongan yang sistematis dan berkualiti dalam pelbagai aspek seperti pengurusan kejurulatihan, kemudahan latihan, kebijakan atlet dan tadbir urus di setiap peringkat pembangunan sukan prestasi tinggi.

*Providing a systematic and quality supporting services in various aspects such as coaching management, training facilities, athletes' welfare and human governance in every level of development of high performance sports.*



## TUGAS & FUNGSI

Tugas Majlis Sukan Negara mengikut akta adalah seperti berikut:

- Untuk memberi nasihat kepada Menteri mengenai perkara-perkara berhubung dengan sukan pada amnya dan untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan akta berkenaan dengan sepatutnya dan lebih berkesan.
- Untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti sukan yang dijalankan oleh jabatan-jabatan kerajaan dan agensi kerajaan atau bukan kerajaan.
- Untuk membuat syor-syor kepada kerajaan mengenai cara, langkah dan dasar yang patut diambil bagi memudahkan kemajuan sukan dan jika diluluskan oleh kerajaan melaksanakan atau membantu dalam melaksanakan syor-syor itu ; dan
- Untuk menggalakkan sukan dalam dan luar negara dan untuk menyertai program pembangunan sukan di Malaysia.

## ROLE & FUNCTION

The role of National Sports Council are as follows:

- To provide advice to Minister about the subject regarding the sport generally and to implement the provisions of the act in respect of proper and effectiveness.
- To coordinate sport activities conducted by government departments and government or non-government agencies.
- To give recommendations to the governments about the way, the measures and policies that should be taken to facilitate the advancement of sport and if approved by the Government to implement or to assist in implementing the recommendation; and
- To encourage sports in domestic and abroad sectors and to participate the sport development programme in Malaysia.

## KUASA-KUASA MAJLIS

Kuasa yang diberikan kepada Majlis Sukan Negara adalah seperti berikut:

- Untuk menjalankan penyelidikan dan tinjauan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan sukan.
- Untuk menjalankan kajian-kajian kemungkinan bagi memajukan sukan dan menghendaki, agensi kerajaan dan sektor awam yang mengendalikan acara-acara sukan untuk mengemukakan laporan mengenai aktiviti-aktiviti mereka.
- Untuk menyertai dan membantu dalam pembangunan sukan dan dalam mengadakan atau memperbaiki kemudahan-kemudahan sukan baik di dalam atau di luar negara, sekiranya didapati kerjasama antarabangsa sedemikian boleh meningkatkan lagi taraf sukan negara.
- Untuk menambahkan penyertaan ekuiti dalam projek-projek sukan dan penyediaan kemudahan dan galakan sukan yang diluluskan oleh Menteri berkenaan setelah berunding dengan Menteri Kewangan.
- Untuk memperolehi aset dan mengendalikan perkara-perkara berkaitan pindah milik, gadai janji, dan lain-lain menurut keputusan oleh Lembaga Pengurus.
- Untuk mematuhi mana-mana kontrak, menerima komisyen dan menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diserahkan kepada Majlis atau mengikut mana-mana undang-undang bertulis.
- Untuk menjalankan mana-mana tindakan yang difikirkan perlu dalam mencapai mana-mana objektif yang dinyatakan di atas.

## AUTHORITY OF THE COUNCIL

The authority given to the National Sports Council are as follows:

- To conduct research and review regarding the subject that related to sports.
- To conduct studies of the possibilities to develop sports and requiring the government agency and public sectors which handle the sport events to submit reports regarding their activities.
- To participate and help in sports development and in organising and improving the sport facilities domestic and abroad respectively, if such international cooperation can improve the standard of national sports.
- To increase the equity participation in sports projects and the provision of facilities and encouragement of sport approved by the Minister after consultation with the Minister of Finance.
- To acquire assets and handle matters relating to transfers, mortgages, etc. according to the decision by the Board of Managers.
- To comply with any contract, receive the commissions and carrying out the duties and responsibilities of the submitted to the Council or, as the written law case.
- To carry out any actions which can be considered as necessary in order to achieve any of the objectives as stated above.

## LEMBAGA PENGURUSAN

Lembaga Pengurusan mempunyai kuasa-kuasa eksekutif dan bertanggungjawab mengawasi jentera pengurusan Majlis Sukan Negara. Ianya dipengerusikan oleh Menteri Belia dan Sukan. Ahli-ahli lembaga dilantik oleh Menteri berkenaan setiap 2 tahun. Seksyen 5 dan Seksyen 6 Akta 29, memperuntukkan pelantikan ahli-ahli majlis dan Lembaga Pengurusan bertindak sebagai Pengawal Pengurusan Majlis Sukan Negara.

Ahli-ahli Lembaga Pengurus, bagi Penggal Ke-20 (1 Mei 2016 – 30 April 2018) Majlis Sukan Negara 2016/2018 adalah seperti berikut:

## THE BOARD OF MANAGERS

The Board of Managers has the executive authorities and responsible for overseeing the management of National Sports Council. It is led by the Minister of Youth and Sports. The board members are appointed every two years by the concerning Minister. Section 5 and Section 6 Act 29, provide for the appointment of the members of the Council and The Board of Managers to act as the controller of the management of the National Sports Council.

The members of the Board of Managers, for the 20<sup>th</sup> term (1<sup>st</sup> May 2016 – 30<sup>th</sup> April 2018) National Sports Council 2016/2018 are as follows:

### PENGERUSI / CHAIRMAN



YB. BRIG JEN KHAIRY JAMALUDDIN

### AHLI-AHLI / MEMBERS



Y.A.M. TUNKU TAN SRI IMRAN IBNI ALMARHUM TUANKU JA'AFAR



YB. DATUK HJ. TAWFIQ BIN DATUK HJ. ABU BAKAR TITINGAN



YBHG. DATO' LOKMAN HAKIM BIN ALI



EN. MOHD HASSAN BIN AHMAD



YBHG. TAN SRI DATO' DR. IR. MOHAMED AL AMIN BIN HJ. ABDUL MAJID



YBHG. DATO' HJ. DIN BIN ADAM



EN. SM NASARUDIN BIN TAN SRI SM NASIMUDDIN



YBHG. DATUK MARINA CHIN



EN. AHMAD KHAWARI BIN MOHD ISA



YBHG. DATO' AZHAR BIN MOHAMED ISA

**AHLI JAWATANKUASA AUDIT  
MAJLIS SUKAN NEGARA****THE AUDIT COMMITTEE OF  
NATIONAL SPORTS COUNCIL**

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit bagi tempoh (20 Jun 2016 – 20 Jun 2018) Majlis Sukan Negara 2016/2018 adalah seperti berikut:

Members of the audit committee for the validity period (20<sup>th</sup> Jun 2016 – 20<sup>th</sup> Jun 2018) National Sports Council 2016/2018 are as follows:

**PENGERUSI / CHAIRMAN**

**YBHG. TAN SRI DATO' DR. IR.  
MOHAMED AL AMIN BIN HJ. ABDUL MAJID**

**AHLI / MEMBER**

**EN. MOHD HASSAN BIN AHMAD**

**AHLI / MEMBER**

**YBHG. DATO' HJ. DIN BIN ADAM**

## PENTADBIRAN

Seksyen 8, Akta Majlis Sukan Negara memperuntukkan bahawa Majlis Sukan Negara hendaklah mempunyai jentera pentadbiran yang teratur dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran untuk mengendalikan tugas-tugas harian. Di samping itu, Majlis Sukan Negara bertanggungjawab melaksanakan tugas, kuasa dan arahan dari Lembaga Pengurusan dan Pengerusi Majlis Sukan Negara. Hal ehwal pengurusan dan pentadbiran harian Majlis Sukan Negara diketuai oleh seorang Ketua Pengarah yang dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah dan 7 orang Pengarah Bahagian.

Pegawai-Pegawai Pentadbiran Majlis Sukan Negara ialah:

## ADMINISTRATION

Section 8, National Sports Council Act provides that the National Sports Council shall have a proper administrative in the management and administrative affairs to handle daily tasks and roles. In addition, the National Sports Council is responsible for carrying out their duties, powers, and instructions from the Board of Managers and also, the Chairman of the National Sports Council. The daily management and administrative affairs of the National Sports Council is led by a General Director and being assisted by Deputy General Director and seven Division Directors.

Administration Members of The National Sports Council are:




# *Carta Organisasi*

## *Majlis Sukan Negara*

# *Organisation Chart*

## *The National Sports Council*





## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

### PERJAWATAN

Pengisian jawatan tetap di Majlis Sukan Negara adalah berpandukan kepada Surat Kelulusan Perjawatan tahun 2008 dengan jumlah sebanyak 236 jawatan sahaja. Namun pengisian yang dibuat sehingga akhir tahun 2016 adalah sebanyak 215 jawatan. Pada pertengahan tahun 2016 pula, penempatan silang ke Sekretariat Sukan SEA 2017 telah dilaksanakan melibatkan 18 jawatan dan menjadikan jumlah terkini kepada 197 pengisian sahaja. Pengambilan perkhidmatan secara kontrak masih diteruskan bagi menampung keperluan program yang semakin bertambah iaitu seramai 489 jawatan yang telah diambil berkhidmat sehingga akhir tahun 2016.

KUMPULAN GROUP	TAHUN YEAR					
	2014		2015		2016	
	TETAP PERMANENT	KONTRAK CONTRACT	TETAP PERMANENT	KONTRAK CONTRACT	TETAP PERMANENT	KONTRAK CONTRACT
JUSA JUSA	1	-	2	-	1	-
Pengurusan & Profesional Management & Professional	45	47	44	60	41	64
Pelaksana Executive	170	251	172	379	155	425
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>216</b>	<b>432</b>	<b>218</b>	<b>439</b>	<b>197</b>	<b>489</b>

Jadual 1: Bilangan Penjawatan Tetap dan Kontrak antara tahun 2014 hingga tahun 2016  
Table 1: Number of permanent posts and contract-basis posts between 2014 until 2016

### PENGURUSAN LATIHAN

Selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam untuk meningkatkan pembangunan modal insan, penetapan sasaran 7 hari berkursus diberi penekanan seratus peratus khususnya kepada semua pegawai tetap. Manakala pegawai kontrak turut mendapat peluang mengikuti kursus dan latihan yang bersesuaian sepanjang tahun.

BIL NUM	KATEGORI KURSUS COURSES CATEGORY	TAHUN YEAR					
		2014		2015		2016	
		BIL. KURSUS No. of Courses	BIL. PESERTA No. of Participants	BIL. KURSUS No. of Courses	BIL. PESERTA No. of Participants	BIL. KURSUS No. of Courses	BIL. PESERTA No. of Participants
1	Kemahiran Asas - Pembinaan Kendiri Basic Skills Development	26	383	30	466	36	364
2	Kepimpinan dan Pengurusan Leadership and Management	8	27	14	291	6	42
3	Teknologi Maklumat Information Technology	5	55	9	51	6	98
4	Pengurusan Kewangan Financial Management	5	73	3	60	4	35
5	Pengurusan Sumber Manusia Human Resources Management	1	3	1	4	5	11

## HUMAN RESOURCES MANAGEMENT

### POSTS

The permanent posts placement of the National Sports Council is based on the Letter of Approval for Personnel in 2008 with a total of 236 posts only. However, the emplacement that has been filled until the end of the 2016 is 215 posts. In the middle of 2016, a cross-placement to the 2017 Secretariat of SEA Games has been implemented involving 18 posts and creates a total of 197 placements only. Recruitment service on contract basis are still ongoing to cater the ever-increasing programme recruitments of 489 posts that has been taken to serve until the end of 2016.

<b>6</b>	<b>Pengurusan Rekod Records Management</b>	-	-	<b>1</b>	<b>30</b>	<b>3</b>	<b>7</b>
<b>7</b>	<b>Pengurusan Lanskap Landscape Management</b>	<b>1</b>	<b>19</b>	<b>2</b>	<b>23</b>	<b>1</b>	<b>1</b>
<b>8</b>	<b>Keselamatan dan Pekerjaan Occupational Safety and Health</b>	<b>1</b>	<b>30</b>	<b>1</b>	<b>37</b>	<b>2</b>	<b>29</b>
<b>9</b>	<b>Bahasa Komunikasi Communication Language</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>37</b>	<b>6</b>	<b>78</b>
<b>10</b>	<b>Kursus Kepegawaian Belia dan Sukan serta Program Transformasi Minda</b> <i>Youth And Sports Employees Course And Mind Transformation Programme</i>	<b>1</b>	<b>8</b>	<b>2</b>	<b>5</b>	<b>2</b>	<b>41</b>
<b>JUMLAH TOTAL</b>		<b>49</b>	<b>601</b>	<b>64</b>	<b>997</b>	<b>71</b>	<b>706</b>

## KEWANGAN

Seksyen 9, Akta 29 mewajibkan Majlis menu buhkan “Kumpulan Wang Sukan Negara” yang dikendalikan oleh Lembaga Pengurus. Kumpulan Wang ini mengandungi peruntukan-peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Parlimen, derma dan hasil dari projek-projek Majlis. Di samping mematuhi peruntukan dalam Akta 29 ini, Majlis mempunyai Peraturan Kewangan yang diluluskan oleh Lembaga Pengurus dan peraturan Kerajaan. Kumpulan Wang ini ditubuhkan untuk memainkan peranan sebagai penyeluran peruntukan berkaitan dalam bidang sukan. Ia membolehkan pengwujudan satu penyelaras yang teratur dan ketat antara sektor awam dan swasta.

Pendapatan sebenar Majlis pada tahun 2016 ialah sebanyak RM246,426,193.00. Ianya merupakan peningkatan sebanyak 38% daripada pendapatan sebenar 2015 berjumlah RM177,651,741.00. Sebahagian besar pendapatan 2016 merupakan bantuan Kerajaan Pusat bagi Pendapatan Pembangunan (RMK-10) dan sumbangan Sports Toto.

Jumlah belanja mengurus Majlis bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM218,946,668.00. Ini adalah memperlihatkan peningkatan sebanyak 11% jika dibandingkan dengan belanja mengurus tahun 2015 sebanyak RM197,328,108.00. Perbelanjaan mengurus yang utama bagi tahun 2016 ialah belanja bagi Program Penyediaan Atlet dan Perbelanjaan Pentadbiran.

Selain dari itu, terdapat peningkatan dalam belanja pembangunan bagi tahun 2016 jika dibandingkan dengan tahun 2015 sebanyak RM7,121,197.00. Belanja pembangunan tahun 2016 ialah sebanyak RM9,865,359.00 berbanding bagi tahun 2015 sebanyak RM2,744,162.00. Belanja pembangunan yang utama bagi tahun 2016 ialah Naiktaraf MSN (Casa 4) dan Naiktaraf Prasarana Sukan SEA 2017. Ringkasan belanja mengurus dan belanja pembangunan adalah seperti di lampiran Jadual 1. Bersama-sama kertas ini juga dikemukakan Penyata Kewangan Majlis tahun 2016.

## FINANCIAL

Section 9, Act 29 obliges the Council to establish the “National Sports Fund” run by the Board of Management. It contains financial provisions that has been approved by Parliament, donations and revenue from Council's projects. In addition to comply with the provisions of this Act, the Council has the Financial Regulations approved by the Board of Management and the regulations by the government. It is also has been set up to play a role as the distribution of relevant provisions in sports. It enables the creation of an orderly and stringent coordination between the public and private sectors.

The actual income of the Council in 2016 is as much RM246,426,193.00. It is an increase of 38% of the actual income in 2015 which as much RM177,651,741.00. Most of 2016 revenue has come from the Central Government aid for Revenue Development Plan (RMK-10) and the contribution of Sports Toto.

The total operating expenditure of the Council in 2016 is as much RM218,946,668.00. This is an increase of 11% if compared to the expenditure management in 2015 as much RM197,328,108.00. The main operating expenditure for 2016 is the expenses that has been executed for Athlete Preparation Programme and Administration Expenditure.

Besides that, there is an increase in development expenditure for 2016 as compared to 2015 of RM7,121,197.00. The expenses of development in 2016 is RM9,865,359.00 compared to 2015 by RM2,744,162.00. The expenses of main development for 2016 is upgrading MSN (Casa 4) and upgrading 2017 SEA Games Infrastructure. The summary of managing expenses and expenses of development is as referred to the Appendix in Table 1. Attached here is also presented by the 2016 Financial Statement of the Council.

Jadual 1

Perbandingan perbelanjaan Majlis bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 dapat dilihat mengikut kategori-kategori berikut:

TABLE 1

Comparison of Council's expenditure for 2014, 2015 and 2016 can be seen in the following categories:

	2014	2015	2016
<b>BELANJA MENGURUS</b> <i>MANAGING EXPENDITURES</i>			
<b>Program Penyediaan &amp; Pembangunan Atlet</b> <i>Athlete Development and Preparation Programme</i>	57,275,946	72,392,811	80,397,668
<b>Pembangunan Majlis Sukan Negeri &amp; Persatuan Sukan Kebangsaan</b> <i>State Sports Council and National Sports Association Development</i>	11,241,041	8,452,259	14,441,886
<b>Skim Penggalakkan / Insentif</b> <i>Encouragement Scheme / Incentives</i>	8,189,412	3,745,428	12,550,486
<b>Emolumen</b> <i>Emoluments</i>	11,352,927	11,522,702	11,238,636
<b>Perbelanjaan Pentadbiran</b> <i>Administrative Expenditure</i>	37,334,168	38,836,366	43,329,334
<b>Perbelanjaan Kewangan</b> <i>Financial Expenditure</i>	24,563,777	12,456,886	15,089,266
<b>Anugerah Sukan Negara</b> <i>National Sports Award</i>	760,706	933,994	1,829,545
<b>Skim Jawatankuasa Kumpulan Ahli Sukan</b> <i>Athlete Committee Scheme</i>	2,669,725	2,650,181	2,298,321
<b>Program Sukan Paralimpik</b> <i>Paralympic Games Programme</i>	9,920,534	13,035,692	12,392,436
<b>Program Latihan dan Kepakaran</b> <i>Training and Expertise Programme</i>	118,574	142,512	-
<b>Program Hal Ehwal Atlet</b> <i>Athletes' Affairs Programme</i>	222,403	162,181	-
<b>Komunikasi Korporat</b> <i>Corporate Communication</i>	86,498	66,138	326,805
<b>Pengurusan Jurulatih</b> <i>Coach Management</i>	20,622,092	21,843,438	20,643,437
<b>Persidangan Antarabangsa Organisasi</b> <i>International Organisation Conferences</i>	1,388,915	2,838,913	-
<b>Perolehan Aset Tetap</b> <i>Acquisition of Fixed Assets</i>	1,556,826	8,248,607	4,408,848
<b>JUMLAH KECIL</b> <i>SMALL AMOUNT TOTAL</i>	187,303,544	197,328,108	218,946,668
<b>BELANJA PEMBANGUNAN</b> <i>DEVELOPMENT EXPENDITURES</i>			
<b>Pusat Latihan Khas</b> <i>Special Training Centre</i>	25,008	1,174,909	-
<b>Infrastruktur Gemilang</b> <i>Gemilang Infrastructure</i>	1,559,848	777,402	-
<b>Naiktaraf MSN</b> <i>Upgrading MSN</i>	383,105	-	5,402,667
<b>Kompleks Saujana Asahan</b> <i>Saujana Asahan Complex</i>	348,389	-	-
<b>Akademi Bola Sepak Negara</b> <i>National Football Academy</i>	-	-	-
<b>Naiktaraf MSN (Casa 4)</b> <i>Upgrading MSN (Casa 4)</i>	-	791851	-
<b>Naiktaraf Prasarana Sukan Sea 2017</b> <i>Upgrading 2017 Sea Games Infrastructure</i>	-	-	4,462,692
<b>JUMLAH KECIL</b> <i>SMALL AMOUNT TOTAL</i>	2,316,350	2,744,162	9,865,359
<b>JUMLAH BESAR</b> <i>TOTAL</i>	189,619,894	200,072,270	228,812,027



ATLET  
ATHLETE

## PROGRAM ATLET SENIOR

Melalui Transformasi Sukan Negara 2015, struktur pembangunan sukan negara telah diberikan pendekatan yang baharu dengan memberi lebih banyak tumpuan kepada pengkhususan tugas oleh agensi utama di bawah Kementerian Belia dan Sukan iaitu Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara.

Pihak Majlis telah diberi tugas untuk menerajui pembangunan sukan dari peringkat daerah hingga ke peringkat kebangsaan melibatkan atlet bakat, pelapis dan senior. Program Kita Juara juga telah dibentuk bagi memastikan persiapan negara menghadapi Temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dibuat lebih awal dan hasrat negara menujuarai temasya edisi ke-29 ini tercapai.

Pihak Institut Sukan Negara pula telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan pelaksanaan program Podium bagi persiapan atlet negara menghadapi Temasya Sukan Asia dan Komanwel 2018 nanti di samping memperkuatkan perkhidmatan sains dan perubatan sukan di pelbagai peringkat.

## PROGRAM KITA JUARA

Program Kita Juara yang bermula sejak 2015 telah memasuki Fasa II latihan yang bermula dari Oktober 2016 hingga Mac 2017. Seramai 892 orang atlet daripada 38 jenis sukan telah terpilih untuk menjalani latihan di bawah program ini. Sebanyak 139 orang jurulatih tempatan dan luar negara telah diberi tanggungjawab khusus bagi memastikan misi menjadi juara keseluruhan dapat dicapai pada tahun 2017 nanti.

Pihak Majlis Sukan Negara bersama Institut Sukan Negara dan Majlis Olimpik Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Atlet bermula pada 19 hingga 22 September 2016 bagi memilih atlet-atlet terbaik negara yang telah melepassi 5 kriteria kelayakan yang ditetapkan untuk ditawarkan meneruskan latihan pada Fasa II ini. Kriteria tersebut adalah:

- i. Menduduki ranking 1 - 20 dunia
- ii. Menduduki ranking 1 - 8 Asia
- iii. Menduduki ranking 1 - 3 SEA
- iv. Menyamai pencapaian tempat 1 – 3 di temasya Sukan SEA 2015
- v. Melepas sasaran Fasa I

Pada Fasa ke II ini para atlet diberikan lebih banyak pendedahan latihan dan pertandingan yang berkualiti untuk memastikan atlet mempertingkatkan prestasi masing-masing menjelang Fasa III nanti.

Sebanyak 134 pendedahan latihan dalam dan luar negara telah dirancang oleh pihak persatuan sukan kebangsaan dan jurulatih di bawah program. Manakala sebanyak 315 pendedahan pertandingan telah di masukan ke dalam perancangan Fasa II ini.

## SENIOR ATHLETE PROGRAMME

Through 2015 National Sports Transformation, the structure of national sports development has been given a new approach by giving more focus on the specialisation of duties by main agencies under the Ministry of Youth and Sports namely the National Sports Council and National Sports Institute.

The Council has been given a task to lead the development of sports from district to national level involving talented athletes, junior and senior. "We Are the Champions" Programme (Program Kita Juara) has also been set up to ensure that the country's preparation for the 2017 Kuala Lumpur SEA Games is made earlier in order to achieve the desire to give top notch and top the chart and respectively, to win this 29<sup>th</sup> edition of SEA Games.

The National Sports Institute has been given the responsibility to manage the execution of Podium programme for the preparation of the national's athletes to face the upcoming Asian and Commonwealth Games 2018, as well as reinforcing the sports science and medical services at various levels.

## WE ARE THE CHAMPIONS PROGRAMME

We Are The Champions Programme (Program Kita Juara) which began in 2015, has entered the Phase II of training which has begun since October 2016 until March 2017. A total of 892 athletes from 38 types of sports have been selected to undergo the training under this programme. A total of 139 local and foreign coaches have been given special responsibilities to ensure that the mission of becoming the overall champion will be achieved in 2017 later.

The National Sports Council together with the National Sports Institute and the Olympic Council of Malaysia already held a Committee Meeting of Selection Athletes from 19<sup>th</sup> to 22<sup>nd</sup> September 2016 to choose the best national athletes who has passed the 5 qualifying criteria that has been set in order to be offered to continue the training in Phase II. The criteria are:

- i. Occupying the world ranking from 1st to 20th
- ii. Occupying the Asian ranking from 1st to 8th
- iii. Occupying the SEA ranking from 1st to 3rd
- iv. Equalising the achievement of 1st to 3rd in 2015 SEA Games
- v. Surpassing Phase I target

In the Phase II, the athletes will be given more exposure of quality training and competition to ensure the athletes improve their performance ahead of Phase III later.

A total of 134 training exposures of domestic and international have been planned by national sports associations and coaches under this programme. While 315 competition exposures have been incorporated into this Phase II plan.

# KITA JUARA

## WE ARE THE CHAMPIONS 2017

### BANGKIT BERSAMA





## SUKAN OLIMPIK RIO 2016

Seramai 8 orang atlet program Kita Juara 2017 telah berjaya melayakkan diri ke Temasya Sukan Olimpik RIO 2016 pada Ogos yang lalu. Senarai atlet yang layak adalah seperti berikut:

BIL NUM	ATLET ATHLETES	SUKAN GAMES
1	Heidi Gan	Renang Marathon Marathon Swimming
2	Muhammad Akmal Nor Hasrin	Menanah Archery
3	Johnathan Wong Guanjie	Menembak Shooting
4	Nauraj Singh Randhawa A/L Amarjit Singh	Olahraga Athletics
5	Zaidatul Husniah Binti Zulkifli	Olahraga Athletics
6	Nur Shazrin Binti Mohamad Latif	Pelayaran Sailing
7	Phee Jing En	Renang Swimming
8	Welson Sim Wee Sheng	Renang Swimming

Dimaklumkan juga seramai 8 orang atlet yang berada didalam Program Podium telah berjaya memenangi pingat di Sukan Olimpik Rio 2016 seperti berikut:

## 2016 RIO OLYMPIC GAMES

A total of 8 athletes from 2017 We Are the Champions Programme (Program Kita Juara) has successfully qualified on August ago for the 2016 Rio Olympic Games. The list of qualified athletes is as follows:


BIL NUM	ATLET ATHLETES	SUKAN SPORTS	PINGAT MEDALS
1	Lee Chong Wei	Badminton Individu Lelaki Men's Individual Badminton	Perak Silver
2	Chan Peng Soon / Goh Liu Ying	Badminton Beregu Campuran Mixed Doubles Badminton	Perak Silver
3	Goh Wei Shem / Tan Wee Kiong	Badminton Beregu Lelaki Men's Doubles Badminton	Perak Silver
4	Pandelela Rinong / Cheong Jun Hoong	Terjun 10m Platform Seirama Wanita Women's 10m Platform Synchronised	Perak Silver
5	Mohd Azizulhasni Awang	Berbasisikal Trek Acara Keirin Lelaki Men's Track Cycling Keirin	Gangsa Bronze



**EMPAT** **FOUR**  
butir **PERAK** berjaya  
dimenangi di  
**Sukan Olimpik Rio 2016** | **SILVER** medals successfully  
won at the  
**2016 Olympic Games in Rio**



**ONE** | **SATU**  
**Bronze** medal successfully  
won at the  
**2016 Olympic Games in Rio** | **GANGSA** berjaya  
dimenangi di  
**Sukan Olimpik Rio 2016**



Perenang muda negara Welson Sim telah menyamai rekod kebangsaan kepunyaan beliau dalam acara 200m gaya bebas apabila mencatat 1:47.76s yang dilakukan di Kejohanan Renang Terbuka Singapura pada Mac 2016 yang lalu. Beliau juga telah memperbaharui catatan peribadi terbaik dalam acara 1500m gaya bebas apabila mencatat 15:32.63s mengatasi catatan lama iaitu 15:32.67s.

Kedua-dua perenang Welson Sim dan Phee Jing En merupakan atlet terbaik dalam acara masing-masing di rantau Asia Tenggara dan bakat mereka perlu terus digilap untuk membawa kecemerlangan di peringkat Asia dan mungkin di temasya Sukan Olimpik di Tokyo pada tahun 2020 nanti.

Nur Shazrin dari sukan pelayaran telah menampilkan semangat juang yang tinggi untuk bersaing dengan pelayar hadalan dunia. Beliau telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan pada penampilan sulung di peringkat tertinggi sukan pelayaran apabila menduduki ranking ke-33 daripada 37 pelayar.

Manakala Nauraj Singh Randhawa hampir mencipta sejarah di dalam sukan olahraga apabila mencatat 2.26m di peringkat kelayakan. Berdasarkan ranking, beliau berada di kedudukan 18 daripada 47 peserta dan berada di ranking ke-3 Asia di belakang atlet dari Qatar dan Syria. Pencapaian terbaik atlet negara dalam acara lompat tinggi adalah di kedudukan ranking ke-30 oleh Lee Hup Wei di London 2012 dengan catatan 2.16m.

Jonathan Wong dari sukan menembak sekadar menduduki ranking ke-28 daripada 46 penembak. Jonathan juga gagal memperbaiki pencapaian peribadi beliau iaitu 585 mata dalam acara 10m air pistol apabila mencatat 574 mata semasa pusingan kelayakan.

*Welson Sim, the national youth swimmer has likened his national record to his 200m freestyle when he recorded 1:47.76s at the Singapore Open Swimming Championships in March 2016. He has also renewed his personal best record in the 1500m freestyle when he broke 15:32.63s over the old record of 15:32.67s.*

*Both swimmers, Welson Sim and Phee Jing En are the best athletes in their respective events in the Southeast Asian region and their talents need to be polished more towards bringing excellence in Asia and possibly at the upcoming 2020 Tokyo Olympics Games.*

*Nur Shazrin from the sailing sports has shown a high level of spirit in order to compete with the world famous sailors. She has given a very impressive performance on her debut at the highest level of sailing sports when she has been ranked 33<sup>rd</sup> out of 37 sailors.*

*Meanwhile, Nauraj Singh Randhawa almost created a history in athletics sports with a record of 2.26m in qualifying stage. Based on the ranking, he is the 18<sup>th</sup> from 47 participants and being ranked 3<sup>rd</sup> in Asian behind the athletes from Qatar and Syria. The top achievement of national athlete in high jump is ranked 30<sup>th</sup> by Lee Hup Wei in London 2012 with a record of 2.16m.*

*Jonathan Wong from shooting sports is just ranked 28<sup>th</sup> out of 46 shooters. Jonathan also failed to improve his personal record of 585 points in 10m air gun when he scored 574 points only during the qualifying round.*



## SUKAN PARALIMPIK RIO 2016

Sukan Paralimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil untuk atlet kurang upaya telah membuka tirai kejohanan bermula pada 7 September dan melabuhkan tirai kejohanan pada 18 September 2016 bagi temasya sukan berprestij dan terbesar buat atlet kurang upaya.

Sukan Paralimpik Rio de Janeiro edisi 2016 membabitkan 4,300 atlet kurang upaya dari 161 buah negara. Malaysia tidak ketinggalan menghantar atlet paralimpik kebangsaan ke kejohanan sukan terbesar dunia ini, iaitu seramai 21 orang untuk bertanding dalam 8 acara sukan yang berjaya disertai. Kontinjen Malaysia yang diketuai oleh Dr Ang Kean Koo sebagai Chef de Mission (CDM) serta pembawa Jalur Gemilang, Abdul Latif Romly yang telah mengharumkan nama Malaysia.

Penyertaan atlet-atlet paralimpik negara yang kini berada di dalam Program Podium juga telah mencatatkan sejarah pencapaian terbaik negara dengan memenangi 3 pingat emas melalui Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi, Abdul Latif Romly, Muhammad Ziyad Zolkefli dan 1 pingat gangsa melalui Siti Noor Radiah Ismail. Abdul Latif Romly dan Muhammad Ziyad Zolkefli juga telah berjaya memecahkan rekod dunia dalam kategori masing-masing.

## 2016 RIO PARALYMPIC GAMES

2016 Paralympic Games in Rio de Janeiro, Brazil for handicapped athletes have officially started the games on 7<sup>th</sup> September 2016 and ended on 18<sup>th</sup> September 2016 for the prestigious and biggest sports event for handicapped athletes.

Rio de Janeiro Paralympic Games for 2016 edition involving 4,300 handicapped athletes from 161 countries. Malaysia also grabbing the chances and sending 21 athletes to compete in 8 types of games. Malaysian Contingent lead by Dr Ang Kean Koo as Chef de Mission (CDM) as well as the Jalur Gemilang bearer, Abdul Latif Romly which has blessed Malaysia's name in the eyes of the world.

The participation of national Paralympic athletes who is currently in the Podium Programme has also recorded a historical national's best achievement by winning 3 gold medals through Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi, Abdul Latif Romly, Muhammad Ziyad Zolkefli and 1 bronze medal through Siti Noor Radiah Ismail. Abdul Latif Romly and Muhammad Ziyad Zolkefli have also successfully broke the world record in their categories respectively.

SUKAN PARALIMPIK RIO 2016		2016 RIO PARALYMPIC GAMES BRAZIL	
SENARAI NAMA ATLET MALAYSIA DI SUKAN PARALIMPIK RIO BRAZIL 2016 LIST OF MALAYSIAN ATHLETES IN 2016 RIO PARALYMPIC GAMES, BRAZIL			
SUKAN	GAMES	ATLET	ATHLETES
Olahraga Athletics		Abdul Latif Bin Romly, Amir Firdauss Bin Jamaluddin, Krishna Kumar Haridass, Mohammad Faizal Aideal Bin Suhaimi, Mohamad Ridzuan Bin Mohamad Puzi, Muhammad Ziyad Bin Zolkefli, Nasharuddin Bin Mohd, Siti Noor Lasah Binti Mohammad Ariffin, Siti Noor Radiah Binti Ismail	
Berbasisikal Cycling		Mohd Afiq Afify Bin Rizan, Mohd Faizal Bin Mohamad Noh, Mohd Khairul Hazwan Bin Wahab, Mohd Rauf Nur Bin Misbah	
Memanah Archery		Hasihin Bin Sanawi, Yuhaizam Bin Yahya	
Angkat Berat Powerlifting		Jong Yee Khie, Mohd Shamil Bin Md Saad	
Ping Pong Table Tennis		Mohd Azwar Bin Bakar	
Pelayaran Sailing		Al Mustakim Bin Matrin	
Renang Swimming		Jamery Anak Siga	
Tenis Kerusi Roda Wheelchair Tennis		Abu Samah Bin Borhan	



## KEDUDUKAN JUMLAH PUNGUTAN PINGAT DAN KEPUTUSAN MALAYSIA DI SUKAN PARALIMPIK RIO 2016

Berikut ialah senarai acara yang disertai oleh kontinjen Malaysia dalam Sukan Paralimpik edisi 2016 di Rio Brazil dan jumlah pungutan pingat emas, perak dan gangsa yang berjaya diraih bagi semua acara yang melibatkan atlet Malaysia.

## THE TOTAL AMOUNT OF MEDALS AND RESULT AT 2016 RIO PARALYMPIC GAMES

The following is the list of games and events attended by the Malaysian contingent in 2016 Rio Paralympic Games, Brazil and the total amount of gold, silver, bronze which has been successfully gained for all events involving Malaysian athletes.

SUKAN GAMES	EMAS GOLD	PERAK SILVER	GANGSA BRONZE	JUMLAH PINGAT TOTAL OF MEDALS
Olahraga Athletics	3	0	1	4
Berbasisikal Cycling	0	0	0	0
Memanah Archery	0	0	0	0
Angkat Berat Powerlifting	0	0	0	0
Ping Pong Table Tennis	0	0	0	0
Pelayaran Sailing	0	0	0	0
Renang Swimming	0	0	0	0
Tenis Kerusi Roda Wheelchair Tennis	0	0	0	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN Overall</b>	<b>3</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>4</b>



## KEDUDUKAN RANKING NEGARA MENGIKUT JUMLAH PUNGUTAN PINGAT BAGI MALAYSIA NATIONAL RANKING BY THE AMOUNT OF MEDALS COLLECTED FOR MALAYSIA

BIL Num	EMAS GOLD	PERAK SILVER	GANGSA BRONZE	JUMLAH TOTAL
36	3	0	1	4
<b>RINKKASAN KEPUTUSAN ATLET PARALIMPIK MALAYSIA SUMMARY OF THE RESULTS FOR MALAYSIAN PARALYMPIC ATHLETES</b>				
ACARA Games	<b>ATLET Athletes</b>		KEPUTUSAN Results	MEDAL Medals
Olahraga Athletics				
100m T36 100m T36	Mohamad Ridzuan Bin Mohamad Puzi		Juara (12.07s) Champion (12.07s)	Emas Gold
Lontar Peluru F20 Shot Put F20	Muhammad Ziyad Bin Zolkefli		Juara (16.84m) Champion (16.84m)	Emas Gold
Lompat Jauh T20 Long Jump T20	Abdul Latif Bin Romly		Juara (7.60m) Champion (7.60m)	Emas Gold
Lompat Jauh T20 Long Jump T20	Siti Noor Radiah Binti Ismail		Ketiga (5.20m) Third (5.20m)	Gangsa Bronze

**PENCAPAIAN PUNGUTAN PINGAT ATLET PARALIMPIK  
MALAYSIA PADA PENYERTAAN SUKAN PARALIMPIK  
MULAI TAHUN 1988 – 2016**

**MEDAL COLLECTION ACHIEVEMENTS OF  
MALAYSIAN PARALYMPIC ATHLETES IN  
PARTICIPATION OF PARALYMPIC SPORTS FROM  
1988-2016**

TAHUN YEAR	EMAS GOLD	PERAK SILVER	GANGSA BRONZE	JUMLAH TOTAL
2016	3	0	1	4
2012	0	1	1	2
2008	0	0	1	1
1992	0	1	2	3
1988	0	0	1	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN Overall</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>6</b>	<b>11</b>

**TEMASYA SUKAN MALAYSIA (SUKMA) SARAWAK**

Seramai 1,453 orang atlet (32.8%) di bawah program Majlis Sukan Negara (837 lelaki dan 616 wanita) daripada 4,422 orang yang terdiri dari 24 jenis sukan telah mengambil bahagian di temasya kali ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 200 orang atlet (14%) adalah daripada program Kita Juara, 248 orang atlet (17%) daripada program Pelapis Kebangsaan / Serantau dan 1005 orang atlet (69%) adalah daripada program Pelapis Negeri.

Sebanyak 218 pingat emas, 170 pingat perak dan 176 pingat gangsa telah berjaya diperoleh oleh atlet-atlet di bawah program Majlis Sukan Negara ini melalui 272 acara individu yang telah disertai. Melalui pencapaian atlet-atlet di bawah program Majlis Sukan Negara ini, sebanyak 6 rekod kebangsaan dan 57 rekod temasya telah berjaya diperbaharui berbanding hanya 1 rekod kebangsaan dan 17 rekod temasya pada edisi yang lepas di Perlis.



**SUKAN PARALIMPIAD SARAWAK 2016**

Temasya Sukan Paralimpiad ke XVIII telah berlangsung di Sarawak mulai dari 6 hingga 10 Ogos 2016 dengan disertai oleh 15 buah negeri. Seramai 1,407 atlet istimewa daripada kategori kurang keupayaan anggota, penglihatan, akal dan spastik bersaing dalam 9 acara sukan yang terdiri daripada 6 sukan wajib dan 3 sukan pilihan.

Kontinjen Sarawak berjaya meraih kejuaraan buat kali ke-12 berturut-turut selepas meraih 84 pingat emas, 63 pingat perak dan 73 pingat gangsa. Diikuti tempat ke-2 oleh kontinjen negeri Johor dengan pungutan 35 pingat emas, 25 pingat perak dan 15 pingat gangsa. Tempat ke-3 pula berjaya diduduki oleh kontinjen dari negeri Terengganu dengan 30 pingat emas, 24 pingat perak dan 19 pingat gangsa.

**MALAYSIAN GAMES (SUKMA) IN SARAWAK**

A total of 1,453 athletes (32.8%) under the programme of National Sports Council (837 men and 616 women) from 4,422 people ranging from 24 types of games took part in this event this time. In respect of the amount, a total of 200 athletes (14%) are from Kita Juara Programme, 248 athletes (17%) from National/ Regional Junior Programme and 1005 athletes (69%) are from State Junior Programme.

A total of 218 gold medals, 170 silver medals and 176 bronze medals were successfully acquired by athletes under the National Sports Council through 272 individual events participated. Through the athletes' achievements under the National Sports Council programme, a total of 6 national records and 57 event records were successfully renewed as compared to 1 national record and 17 event records from the last edition that was held in Perlis.

**2016 PARALYMPIAN GAMES IN SARAWAK**

XVII Paralympian Games was held in Sarawak from 6<sup>th</sup> to 10<sup>th</sup> August 2016 and has been participated by 15 states. A total of 1,407 special athletes from different categories such as physically disabled, vision, intellectually disabled and spastic compete in 9 sports events consists of 6 compulsory sports and 3 selected sports.

Sarawak contingent has successfully won the tournament for the 12<sup>th</sup> time in a row after winning 84 gold medals, 63 silver medals and 73 bronze medals. The second place is followed by Johor contingent with a total of 35 gold medals, 25 silver medals and 15 bronze medals. The third place has been successfully dominated by Terengganu contingent with a total of 30 gold medals, 24 silver medals and 19 bronze medals.

Berikut adalah pungutan pingat di Sukan Paralimpiad XVIII Sarawak:

*The following are the total of medals won at XVII Paralympic Games in Sarawak:*

KONTIGEN CONTIGENT	EMAS GOLD	PERAK SILVER	GANGSA BRONZE	JUMLAH PINGAT TOTAL MEDALS
<b>SARAWAK</b> <i>Sarawak</i>	<b>84</b>	<b>63</b>	<b>73</b>	<b>220</b>
<b>JOHOR</b> <i>Johor</i>	<b>35</b>	<b>25</b>	<b>15</b>	<b>75</b>
<b>TERENGGANU</b> <i>Terengganu</i>	<b>30</b>	<b>24</b>	<b>19</b>	<b>73</b>
<b>SABAH</b> <i>Sabah</i>	<b>25</b>	<b>23</b>	<b>26</b>	<b>74</b>
<b>PULAU PINANG</b> <i>Penang</i>	<b>23</b>	<b>10</b>	<b>19</b>	<b>52</b>
<b>PERLIS</b> <i>Perlis</i>	<b>22</b>	<b>6</b>	<b>8</b>	<b>36</b>
<b>W.P KUALA LUMPUR</b> <i>Federal Territory of Kuala Lumpur</i>	<b>19</b>	<b>31</b>	<b>31</b>	<b>81</b>
<b>KEDAH</b> <i>Kedah</i>	<b>16</b>	<b>19</b>	<b>13</b>	<b>48</b>
<b>SELANGOR</b> <i>Selangor</i>	<b>16</b>	<b>15</b>	<b>17</b>	<b>48</b>
<b>KELANTAN</b> <i>Kelantan</i>	<b>15</b>	<b>12</b>	<b>14</b>	<b>41</b>
<b>MELAKA</b> <i>Malacca</i>	<b>14</b>	<b>17</b>	<b>13</b>	<b>44</b>
<b>PERAK</b> <i>Perak</i>	<b>12</b>	<b>17</b>	<b>15</b>	<b>44</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b> <i>Negeri Sembilan</i>	<b>8</b>	<b>13</b>	<b>7</b>	<b>28</b>
<b>PAHANG</b> <i>Pahang</i>	<b>7</b>	<b>10</b>	<b>7</b>	<b>24</b>
<b>W.P LABUAN</b> <i>Federal Territory of Labuan</i>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>5</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b> <i>GRAND TOTAL</i>	<b>326</b>	<b>287</b>	<b>280</b>	<b>893</b>

## PROGRAM PELAPIS

Pelaksanaan program Pelapis pada tahun 2016 ini diteruskan mengikut perancangan yang telah dibuat walaupun terkesan dengan penstrukturkan semula program latihan di peringkat Majlis. Majlis Sukan Negeri diberi tanggungjawab yang lebih luas dalam pelaksanaan program Pelapis Negeri melalui konsep “empowerment” sebagaimana persetujuan semasa mesyuarat Pengarah Majlis Sukan Negeri pada Julai 2015 yang lalu.

## JUNIOR PROGRAMME

*The implementation of the Junior Programme in 2016 continued in accordance with the plans that have been made despite being indirectly affected by the restructuring of training programs at the Council level. National Sports Council has been handed greater responsibility in terms of implementing this Junior Programme through empowerment concept as agreed during the Director of State Sports Council meeting in July 2015.*

## PELAPIS KEBANGSAAN

Seramai 317 orang atlet dari 19 jenis sukan telah menjalani latihan secara sepenuh masa dalam program Pelapis Kebangsaan di bawah kendalian seramai 6 Jurulatih Luar Negara (JLN), 36 Jurulatih Sepenuh Masa (JPM) dan 5 Jurulatih Sambilan (JSM). Atlet-atlet di bawah program telah menunjukkan prestasi yang memuaskan di sepanjang kejohanan yang disertai sepanjang tahun 2016.

## NATIONAL JUNIOR

A total of 317 athletes from 19 sports and games have undergone the full time training in the National Junior Programme under the supervision of 6 foreign coaches (JLN), 36 Full Time Coaches (JPM) and 5 Part Time Coaches (JSM). The athletes under this program have shown a very tremendous and satisfying performance during the participation of tournaments throughout 2016.

Atlet di bawah program Pelapis Kebangsaan telah diberi pendedahan latihan dan pertandingan yang mencukupi untuk memastikan mereka bersedia membawa cabaran negara ke peringkat yang lebih tinggi apabila diperlukan nanti. Sebanyak 130 pendedahan pertandingan dan latihan luar negara telah diberikan kepada atlet dibawah program.

Seramai 10 orang atlet dari Pelapis Kebangsaan telah terpilih untuk memasuki program Kita Juara Fasa II setelah melepassi kriteria kelayakan yang ditetapkan.

## PELAPIS SERANTAU

Pelapis Serantau terus menjadi elemen penting di dalam pembangunan sukan remaja dengan tumpuan terus terarah kepada penambahbaikan program sedia ada. Seramai 88 orang atlet telah menjalani latihan secara sepenuh masa di dalam program Pelapis Serantau di bawah kendalian seramai 6 Jurulatih Luar Negara (JLN), 9 Jurulatih Sepenuh Masa (JPM) dan 1 Jurulatih Sambilan (JSM).

## PELAPIS NEGERI

Kerjasama yang dijalankan bersama Majlis Sukan Negeri di dalam pelaksanaan program pelapis di peringkat negeri diharap akan dapat melonjakkan prestasi atlet di bawah program. Seramai 6730 orang atlet sedang menjalani latihan harian secara sambilan di 266 pusat latihan seluruh negara di bawah kendalian seramai 15 Jurulatih Luar Negara (JLN), 50 Jurulatih Sepenuh Masa (JPM) dan 368 Jurulatih Sambilan (JSM).

Seramai 1005 orang atlet telah mewakili negeri masing-masing dan membantu pencapaian kontingen negeri di Temasya Sukan Malaysia di Sarawak pada bulan Julai 2016.

Seramai 67 orang atlet telah terpilih untuk memasuki program yang lebih tinggi iaitu 6 orang atlet ke program Kita Juara, 32 orang atlet ke program Pelapis Kebangsaan dan 29 orang atlet ke program Pelapis Serantau.

## PROGRAM BAKAT

Melalui penstrukturkan semula program latihan sedia ada usaha diteruskan bagi mengembangkan latihan di peringkat daerah untuk mencungkil lebih ramai bakat-bakat muda yang baru berjinak-jinak dengan sukan yang boleh diberi latihan yang lebih sistematik dan berpanjangan.

Seramai 2608 orang atlet telah dikenal pasti dan diberi latihan harian di bawah jurulatih sambilan seramai 241 orang di 222 buah pusat latihan daerah.

The athletes under the National Junior Programme have been exposed with a sufficient amount of trainings and tournaments to ensure that they will be suit up and ready to bring the national challenges to a higher level when needed. A total of 130 foreign tournaments and trainings exposure have been given to the athletes under this program.

A total of 10 athletes under National Junior has been chosen to enter the Phase II Kita Juara Programme after passing the qualifying criteria.

## REGIONAL JUNIOR

Regional junior continues to be an important element in the development of youth sports with a direct focus on enhancing and upgrading the existing programmes. A total of 88 athletes has undergo the full time training in the Regional Junior programme under the supervision of 6 foreign coaches (JLN), 9 full time coaches (JPM), and 1 part time coach (JSM).

## STATE JUNIOR

A collaborative event which has been established with the State Sports Council in the implementation of state-level junior programme will hopefully to be able to enhance and boost the performance of athletes under this programme. A total of 6730 athletes has undergo the daily training in 266 training centres all over the country under the supervision of 15 foreign coaches (JLN), 50 full time coaches (JPM) and 368 part time coaches (JSM).

A total of 1005 athletes has represented their respective states and directly improving the achievements of the state contingent in SUKMA which was held in July 2016 at Sarawak.

A total of 67 athletes has been chosen to enter a higher level program which is, 6 athletes to Kita Juara Programme, 32 athletes to National Junior programme and 29 athletes to Regional Junior programme.

## TALENT PROGRAMME

Through the restructuring the existing training programmes, the ongoing efforts continued to expand the talent through training in district level in order to unleash even more young talents with the sports which can be given a systematic and prolonged trainings.

A total of 2608 athletes has been identified and been given daily training under the supervision of 241 part time coaches in 222 district training centres.

## PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN PILIHAN

## SELECTED SPORTS DEVELOPMENT PROGRAMME

Program latihan bagi sukan akuatik renang, berbasikal, badminton, olahraga dan sepak takraw di bawah program Sukan Pilihan masih diteruskan walaupun tidak mendapat peruntukan khusus pada tahun 2016 ini. Sebanyak 180 buah pusat latihan telah beroperasi dibawah kendalian seramai 187 orang jurulatih bagi melatih atlet muda di seluruh negara seramai 2162 orang. Sukan Ragbi pula sedang dalam perancangan untuk memulakan program pembangunan pada tahun 2017.

Program Pembangunan Bolasepak Negara (PPBN) juga telah melaksanakan pelbagai program sepanjang tahun 2016. Diantaranya adalah seperti berikut:

BIL NUM	UMUR AGE	KEJOHANAN TOURNAMENTS
1	7, 8, 9	<b>Karnival Akademi Tunas</b> <i>Junior Academy Carnival</i>
2	10, 11, 12	<b>Liga Akademi Tunas Zon</b> <i>Junior Zone Academy League</i>
		<b>Karnival Akademi Tunas Kebangsaan</b> <i>National Junior Academy Carnival</i>
		<b>Kejohanan MSSM B12</b> <i>MSSM U12 Championship</i>
		<b>Supermokh Cup</b> <i>Supermokh Cup</i>
		<b>Liga Zon PPBN</b> <i>PPBN Zone League</i>
3	13	<b>Karnival Kebangsaan PPBN</b> <i>PPBN National Carnival</i>
		<b>Supermokh Cup</b> <i>Supermokh Cup</i>
		<b>Liga Zon PPBN</b> <i>PPBN Zone League</i>
4	14	<b>Liga KPM B14 Tahun</b> <i>U14 KPM League</i>
		<b>Supermokh Cup</b> <i>Supermokh Cup</i>
		<b>Liga Zon PPBN</b> <i>PPBN Zone League</i>
5	15	<b>Karnival Kebangsaan PPBN</b> <i>PPBN National Carnival</i>
		<b>Kejohanan MSSM B15 Tahun</b> <i>MSSM U15 Championship</i>
		<b>Liga Zon PPBN</b> <i>PPBN Zone League</i>
6	16	<b>Karnival Kebangsaan PPBN</b> <i>PPBN National Carnival</i>
		<b>Liga Perempuan B16 Tahun</b> <i>U16 Women's League</i>
		<b>Liga Zon PPBN</b> <i>PPBN Zone League</i>
7	17	<b>Karnival KPM B17 Tahun</b> <i>KPM U17 League</i>
		<b>Kejohanan MSSM B18 Tahun</b> <i>MSSM U18 Championship</i>

Program pembangunan Bola sepak Negara ini juga melibatkan seramai 19,252 pelatih, 966 jurulatih, 46 buah Akademi Tunas, 56 buah Pusat Latihan Daerah dan 14 buah Sekolah Sukan Negeri.

Pemain juga telah didedahkan dengan beberapa edisi pertandingan pendedahan antarabangsa untuk tujuan pendedahan awal kepada pemain untuk bersaing dengan pasukan yang lebih baik.

Program Junior Cycling Malaysia (JCM) juga telah mula dilaksanakan pada tahun 2016 dengan lebih tertumpu kepada pelaksanaan pertandingan di pelbagai peringkat umur. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 7 sirkit pertandingan telah dilaksanakan meliputi pertandingan di MAEPS Serdang, Perak, Kelantan, Johor, Kedah, Putrajaya dan Terengganu.

Jumlah penyertaan atlet yang terlibat secara keseluruhan adalah seramai 7368 orang. Penyertaan atlet kebanyakannya adalah terdiri daripada atlet-atlet program berbasikal kebangsaan, negeri dan kelab-kelab persendirian.

## PROGRAM PARALIMPIK

Tahun 2016 merupakan tahun paling penting dalam sukan paralimpik kerana atlet paralimpik akan berusaha sebaik mungkin untuk melayakkan diri ke Sukan Paralimpik Rio 2016. Program-program yang disusun adalah untuk melayakkan diri ke sukan paralimpik Rio 2016. Sukan-sukan yang terlibat adalah sukan olahraga, berbasikal, angkat berat, tenis kerusi roda, memanah dan lawan pedang kerusi roda.

Sirkit-sirkit juga telah diadakan bagi meneruskan program pencarian atlet pelapis dan program berterusan "Kita Juara 2017". Sebanyak 12 jenis sukan telah mengadakan sirkit pada tahun 2016. Olahraga telah mengadakan sebanyak 4 sirkit. Bolasepak VI, bola tampar duduk dan boccia sebanyak 3 sirkit. Tenpin boling, badminton, ping pong, memanah, angkat berat dan renang 2 sirkit manakala tenis kerusi roda dan goalball masing-masing 1 sirkit.

### ATLET PELAPIS KE SENIOR JUNIOR ATHLETES TO SENIOR

BIL NUM	SUKAN GAMES AND SPORTS	JUMLAH AMOUNT
1	<b>Badminton</b> <i>Badminton</i>	<b>3</b>
2	<b>Memanah</b> <i>Archery</i>	<b>1</b>
3	<b>Olahraga</b> <i>Athletics</i>	<b>10</b>
4	<b>Powerlifting</b> <i>Powerlifting</i>	<b>1</b>
5	<b>Renang</b> <i>Swimming</i>	<b>4</b>
	<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>19</b>

National Football Development Programme (Program Pembangunan Bolasepak Negara, PPBN) also involving a total of 19,252 trainers, 966 coaches, 46 fresh academies (Akademi Tunas), 56 district training centres and 14 state schools of sports.

The players also have been exposed with a lot of tournament editions of international exposures for the purpose of early exposure to the players in order to compete with better teams.

Malaysia Junior Cycling Programme (JCM) also already been executed in 2016 by focusing more on the implementation at various ages. Throughout 2016, a total of 7 circuit tournaments have been held including matches at MAEPS Serdang, Perak, Kelantan, Johor, Kedah, Putrajaya and Terengganu.

The total participation of athletes involved as a whole is 7368 athletes. The participation of athletes mostly made up of national, state and private cycling clubs.

## PARALYMPIC PROGRAMME

2016 was the most important year in paralympic sport because of the utmost efforts that has been shown from the athletes to be qualify to 2016 Rio Paralympic Games. The programmes that have been set up are to qualify to the 2016 Rio Paralympic Games. The sports involved in this are athletics, cycling, powerlifting, wheelchair tennis, archery and wheelchair fencing.

Circuits were also held to continue the search for the junior athletes programme and the up-and-coming programme "Kita Juara 2017". A total of 12 types of sports and games held the circuit on 2016. Athletics made 4 circuits in total. Football VI, sitting volleyball and boccia made 3 circuits. Tenpin bowling, badminton, table tennis, archery, powerlifting and swimming made 2 circuits while wheelchair tennis and goalball made 1 circuit respectively.

Bagi persediaan atlet ke Sukan Para ASEAN 2017, atlet-atlet telah mengikuti kem Kita Juara Fasa I yang telah berlangsung pada 16 - 19 Mei 2016 di Janda Baik, Pahang. Statistik penglibatan atlet adalah seperti berikut:

Regarding the preparation for the athletes towards 2017 ASEAN Para Games, the athletes attended Phase I camp Kita Juara Programme which was held on 16<sup>th</sup> - 19<sup>th</sup> May 2016 at Janda Baik, Pahang. The statistics of athletes involvement are as follows:

**KEM KITA JUARA FASA 1 JANDA BAIK, PAHANG. 16 – 19 MEI 2016**  
**PHASE 1 CAMP KITA JUARA PROGRAMME JANDA BAIK, PAHANG. 16<sup>th</sup> – 19<sup>th</sup> MAY 2016**

<b>BIL NUM</b>	<b>SUKAN GAMES AND SPORTS</b>	<b>ATLET ATHLETES</b>			<b>JURULATIH COACHES</b>		
		<b>LELAKI MALE</b>	<b>WANITA FEMALE</b>	<b>JUMLAH AMOUNT</b>	<b>LELAKI MALE</b>	<b>WANITA FEMALE</b>	<b>JUMLAH AMOUNT</b>
1	Olahraga <i>Athletics</i>	43	16	59	10	5	15
2	Renang <i>Swimming</i>	16	6	22	5	3	8
3	Badminton <i>Badminton</i>	20	4	24	7	0	7
4	Angkat Berat <i>Powerlifting</i>	16	4	20	7	0	7
5	Memanah <i>Archery</i>	11	1	12	4	0	4
6	Tenpin Boling <i>Tenpin Bowling</i>	9	2	11	2	0	2
7	Bola Keranjang <i>Wheelchair Netball</i>	14	0	14	1	0	1
8	Ping Pong <i>Table Tennis</i>	13	4	17	5	0	5
9	Boccia <i>Boccia</i>	8	0	8	8	1	9
10	Berbasikal <i>Cycling</i>	15	1	16	5	0	5
11	Lawan Pedang Kerusi Roda <i>Wheelchair Fencing</i>	5	0	5	2	0	2
12	Tenis Kerusi Roda <i>Wheelchair Tennis</i>	4	0	4	2	0	2
<b>JUMLAH TOTAL</b>		<b>174</b>	<b>38</b>	<b>212</b>	<b>58</b>	<b>9</b>	<b>67</b>



## KEJOHANAN ANTARABANGSA PROGRAM KITA JUARA

### SUKAN TEMPUR

Atlet-atlet pencak silat telah membantu kontinjen negara dalam pungutan pingat emas di *Asian Beach Games Da Nang Vietnam* pada 21 September hingga 3 Oktober 2016. Sebanyak 3 pingat emas telah berjaya di pungut dan 2 daripadanya adalah melalui atlet program Kita Juara iaitu Siti Zubaidah Che Omar (*Tanding Wanita 55kg-60kg*) dan Mohd Taqiyuddin Hamid dan Rosli Mohd Sharif (*Ganda Lelaki*). Satu lagi pingat emas telah berjaya diperoleh melalui Olahragawan Kebangsaan 2015, Mohd Al Jufferi Jamari.

Kejohanan Silat Dunia yang telah diadakan pada 2 hingga 9 Disember 2016 di Bali Indonesia telah menyaksikan pasukan negara memperolehi sebanyak 3 pingat emas, 3 pingat perak dan 3 pingat gangsa. Atlet Kita Juara, Razak Ghazali telah berjaya memperolehi pingat emas dalam acara Putra D manakala pasukan Ganda Putra dan Ganda Putri berjaya memperolehi pingat perak. Pingat gangsa pula disumbangkan melalui acara Putri D (Nurul Ain Sohrab), Putra J (Mohd Khaizul Yaacob) dan Tunggal Putra (Mohd Afifi Nordin).

Joshua Koh I Jie telah berjaya membawa pulang 1 pingat emas dalam acara Epee Lelaki di *South East Asia Fencing Championship* pada 3 hingga 6 September 2016 di Singapura. Beliau telah berjaya menewaskan pencabar utamanya dari Vietnam dan Singapura. Kejayaan ini menunjukkan bahawa pasukan lawan pedang negara mempunyai peluang yang cerah untuk memenangi pingat emas di temasya Sukan SEA 2017.

Di Kejohanan Dunia Taijiquan yang telah diadakan pada 14 hingga 20 Oktober 2016 di Poland, atlet wushu negara telah berjaya memungut sebanyak 8 pingat emas, 4 pingat perak dan 3 pingat gangsa. Pingat emas negara telah disumbangkan oleh Loh Jack Chang (2 emas), Chan Lu Yi (1 emas), Sydney Chin Sy Xuan (3 emas) dan Audrey Chan Yee Jo (2 emas).

### SUKAN AIR

Skuad Optimist yang diberisi oleh 5 atlet cilik berumur dalam lingkungan 13 hingga 14 tahun berjaya menepati sasaran untuk muncul sebagai Juara Berpasukan (Campuran) di kejohanan *Optimist Asian and Oceanian Championship* yang berlangsung pada 28 Mei hingga 5 Jun 2016 di Trincomalee, Sri Lanka. Kejayaan cemerlang diteruskan apabila Muhammad Fauzi bin Kaman Shah iaitu pemenang 2 pingat emas Sukan SEA 2015 menduduki tempat ke-3 dalam acara individu di kejohanan *Optimist World Championship* di Villamoura, Portugal pada 27 Jun hingga 4 Julai 2016. Beliau merupakan atlet Malaysia yang keempat berjaya menyumbang pingat di kejohanan dunia selepas tahun 2001, 2009 dan 2010.

Skuad Ski Air dan Wakeboard yang diketuai oleh Aaliyah Hanifah Yoong telah berjaya merangkul sebanyak 5 emas, 3 perak dan 1 gangsa untuk kategori umur bawah 17 tahun di

### "WE ARE THE CHAMPIONS" PROGRAMME (PROGRAM KITA JUARA) INTERNATIONAL TOURNAMENTS

### COMBAT SPORTS

Pencak silat athletes have helped the national contingent by getting gold medal in Da Nang Vietnam's Asian Beach Games on 21<sup>st</sup> September until 3<sup>rd</sup> October 2016. A total of 3 gold medals have been successfully won and 2 of them are from the "We Are the Champions" programme which is by Siti Zubaidah Che Omar (Women's Tanding 55kg-60kg) and Mohd Taqiyuddin Hamid and Rosli Mohd Sharif (Men's Double). Another gold medal has been successfully won by 2015 National Sportsman, Mohd Al Jufferi Jamari.

Silat World Championship which has been held on 2<sup>nd</sup> until 9<sup>th</sup> December 2016 in Bali, Indonesia has seen the national squad earn a total of 3 gold medals, 3 silver medals and 3 bronze medals. "We Are the Champions" programme (Program Kita Juara) athlete, Razak Ghazali has successfully won a gold medal in the Putra D event while Ganda Putra and Ganda Putri team successfully won silver medals. The bronze medals gained from Putri D event (Nurul Ain Sohrab), Putra J (Mohd Khaizul Yaacob) and Tunggal Putra (Mohd Afifi Nordin).

Joshua Koh I Jie has successfully bring back 1 gold medal from Men's Epee event in South East Asia Fencing Championship on 3<sup>rd</sup> until 6<sup>th</sup> September 2016 at Singapore. In this championship, he has defeated his main rival from Vietnam and Singapore. This success has shown that national fencing team has a bright future and chances in winning gold medal at 2017 SEA Games.

In Taijiquan World Championship which was held on 14<sup>th</sup> until 20<sup>th</sup> October 2016 in Poland, national wushu athletes have successfully collected a total of 8 gold medals, 4 silver medals and 3 bronze medals. The gold medals were gained by Loh Jack Chang (2 golds), Chan Lu Yi (1 gold), Sydney Chin Sy Xuan (3 golds) and Audrey Chan Yee Jo (2 golds).

### WATER SPORTS

Optimists squad are lined up by 5 young athletes from 13 to 14 years old successfully reached the target to emerge as team champion (Mixed) in Optimist Asian and Oceanian Championship which was held on 28<sup>th</sup> May until 5<sup>th</sup> June 2016 at Trincomalee, Sri Lanka. This tremendous success continued when Muhammad Fauzi bin Kaman Shah, the 2 gold medals winner on 2015 SEA Games was occupying the 3<sup>rd</sup> place on individual event in Optimist World Championship at Villamoura, Portugal on 27<sup>th</sup> June until 4<sup>th</sup> July 2016. He has been named as the fourth Malaysia athletes who has successfully contribute medals in world championship after 2001, 2009 and 2010.

Waterskiing squad and Wakeboard which led by Aaliyah Hanifah Yoong has successfully managed to win a total of 5 golds, 3 silvers and 1 bronze for Under 17 category in IWWF Asian Championship which was held on 23<sup>th</sup> until 27<sup>th</sup> August 2016 at Yeonggwang, South Korea. The miracle did not stop only when Aaliyah Hanifah Yoong managed to update and renewed the championship record on jump event, she also managed to win every participation included group event (Mixed).

kejohanan *IWWF Asian Championship* yang diadakan pada 23 hingga 27 Ogos 2016 di Yeonggwang, Korea Selatan. Aaliyah Hanifah Yoong bukan sahaja berjaya memperbaharui rekod kejohanan dalam acara "jump" malah menyapu bersih kesemua acara yang dipertandingkan termasuk acara Berpasukan (Campuran).

Gandingan Loh Zhiayi dan Kimberly Bong telah memberi sinar baharu dalam acara 10m Platform Seirama dengan menduduki tempat ke-3 di kejohanan *Asian Swimming Championship* yang diadakan pada 14 hingga 20 November 2016 di Tokyo, Jepun.

## SUKAN KEKUATAN DAN KUASA

Jaguh lompat tinggi sensasi negara Nauraj Singh Randhawa telah melayakkan diri secara merit ke temasya Sukan Olimpik Rio 2016 sekaligus memecahkan rekod kebangsaan (2.29m) yang dimiliki oleh Lee Hup Wei (2.27m) selama 8 tahun melalui penyertaan di *74th Singapore Open Track & Field Championship* pada 28 April 2016. Beliau merupakan atlet lompat tinggi Malaysia pertama yang layak secara merit dalam acara ini. Lee Hup Wei pernah menyertai di temasya Sukan Olimpik London 2012 (Wild Card) dan Beijing 2008 (kategori B). Walau bagaimanapun, semasa di Sukan Olimpik Rio 2016, Nauraj hanya mampu melakukan 2.26m di pusingan kelayakan dan tidak layak ke peringkat akhir.

Seramai 6 atlet angkat berat telah membantu kontinjen negara bagi meraih mata kelayakan di *Asian Weightlifting Championship* 2016 (Kelayakan Olimpik) pada 21 hingga 30 April 2016 di Tashkent, Uzbekistan. Malaysia telah mendapat 1 kuota NOC layak secara merit ke temasya Sukan Olimpik Rio 2016. Bagi 1 kuota ini, telah diputuskan Mohd Hafifi Mansor (Program Podium) mewakili negara ke Rio menerusi kategori acara 69kg lelaki.

Atlet berbasikal trek negara, Jupha Somnet telah membantu kontinjen negara meraih 1 pingat perak (acara *Point Race Wanita*) dan 1 pingat Gangsa (*Scratch Wanita*) menerusi penyertaan di Kejohanan Berbasikal Asia (ACC) 2016, Izu, Jepun pada 19 hingga 30 Januari 2016. Walau bagaimanapun, Jupha gagal untuk melengkapkan sasaran yang ditetapkan bagi melayakkan diri ke temasya Sukan Olimpik Rio 2016 menerusi acara Omnium.

Menerusi temasya Sukan Malaysia XVIII Sarawak 2016, atlet angkat berat Mohd Fazrul Azrie Mohdad yang mewakili negeri Pahang telah memadamkan 3 rekod kebangsaan menerusi acara *Snatch 85kg* lelaki dengan angkatan 150kg (rekod lama 140kg milik Khairul Anuar Mohammad). Bagi acara *Clean and Jerk 85kg* lelaki pula beliau telah membuat angkatan 176kg (rekod lama 175kg milik Abd Mubin Rahim) menjadikan jumlah keseluruhan angkatan 326kg mengatasi rekod lama 315kg juga milik Abdul Mubin Rahim.

## SUKAN RAKET

Atlet-atlet wanita yang diberisi oleh atlet Program Kita Juara telah berjaya menjuarai kejohanan Skuasy Asia Berpasukan di Taiwan pada bulan Mei apabila menewaskan pasukan dari negara India 2-0.

Loh Zhiayio and Kimberly Bong together have given a new hope in 10m Synchronised Platfrom by placing themselves on the 3<sup>rd</sup> place in Asian Swimming Championship which was held on 14<sup>th</sup> until 20<sup>th</sup> November 2016 at Tokyo, Japan.

## STRENGTH AND POWER SPORTS

The sensational national high jump athlete, Nauraj Singh Randhawa has qualified with merit into 2016 Rio Olympic Games which also has break the national record (2.29m) which owned by Lee Hup Wei (2.27m) for 8 years through the participation in 74<sup>th</sup> Singapore Open Track & Field Championship on 28 April 2016. He is the first Malaysia high jump athlete who has been qualified with merit in this event. Lee Hup Wei used to participate in 2012 London Olympic Games (Wild Card) and Beijing 2008 (Category B). However, during the 2016 Rio Olympic Games, Nauraj only managed to do 2.26m in qualifying around and he did not qualify to the final stage.

A total of 6 powerlifting athletes have helped the national contingent in raising the qualifying points in 2016 Asian Weightlifting Championship (Olympic Qualifier) on 21<sup>st</sup> until 30<sup>th</sup> April 2016 in Tashkent, Uzbekistan. Malaysia get 1 NOC quota to qualify with merit to 2016 Rio Olympic Games. For this 1 quota, Mohd Hafifi Mansor (Podium Program) has represented the country to Rio through Men's 69kg category.

National track cycling team, Jupha Somnet helped the national contingent by gaining 1 silver medal (Women's Point Race) and 1 bronze medal (Women's Scratch) through the participation in 2016 Asian Cycling Championship (ACC), Izu, Japan on 19<sup>th</sup> until 30<sup>th</sup> January 2016. However, Jupha failed to complete the target that has been set to qualify to 2016 Rio Olympic Games through Omnium.

Through 2016 XVII SUKMA in Sarawak, weightlifter Mohd Fazrul Azrie Mohdad, representing the state of Pahang, has extinguished three national records through the 85kg Snatch event category with a lift of 150kg (previous record is by Khairul Anuar Mohammad 140kg). For the 85kg Clean and Jerk category, he made an astonishing lift of 176kg (previous record was 175kg owned by Abd Mubin Rahim) bringing the total to 326kg force overcome the old 315kg record belonging to Abdul Mubin Rahim.

## RACKET SPORTS

Women athletes which were lined up by the athlete from "We Are the Champions" programme (Program Kita Juara) have successfully won the group event in Asia Squash at Taiwan on May when they defeated India group by 2-0.

Ng Eain Yow ranks 100<sup>th</sup> in world ranking has created history when she became the 2<sup>nd</sup> Malaysia player raising the title of 2016 World Youth Squash Championship after winning the championship which was held at Bielsko-Biala, Poland. Ng Eain Yow which is the second choice, has shown a very superb performance by defeating the first choice of the championship, Saadeldin Abouaish from Egypt.

Ng Eain Yow berada di kedudukan ranking ke-100 dunia telah mencipta sejarah apabila menjadi pemain Malaysia kedua menjulang gelaran juara Kejohanan Skuasy Remaja Dunia 2016 selepas memenangi kejohanan yang berlangsung di Bielsko-Biala, Poland. Ng Eain Yow yang merupakan pilihan kedua, mempamerkan persembahan cemerlang menewaskan pemain pilihan utama kejohanan iaitu Saadeldin Abouaish dari Mesir.

Sivasangari merupakan atlet termuda yang berusia 17 tahun di dalam program Kita Juara dan kini berada di ranking terbaik dunia di kedudukan ke-51. Beliau telah membantu Pasukan Skuasy Wanita menjuarai Kejohanan Skuasy Asia Berpasukan di Taiwan, menamatkan saingan di peringkat separuh akhir pada Kejohanan Skuasy Remaja Dunia 2016, suku akhir di Kejohanan Skuasy Wanita Dunia Berpasukan di France, Juara di *Asian Junior Individual* bagi kategori umur 19 tahun dan muncul juara bagi 6 edisi Sirkit Skuasy Jelajah Malaysia (SSJM) yang dipertandingkan dalam tahun ini.

Bagi Sukan Badminton, pasangan beregu campuran kedua negara iaitu Tan Kian Meng dan Lai Pei Jing telah menunjukkan prestasi yang sangat memberangsangkan apabila telah menjuarai Terbuka Thailand GP Emas 2016 dan Terbuka Vietnam GP 2016. Selain itu, pasangan beregu campuran ini telah menduduki ranking ke-9 dunia berbanding ke-150 dunia ketika mula digandingkan.

Bagi pasangan beregu lelaki, gandingan Teo Ee Yi dan Ong Yew Sin telah berjaya menjuarai 4 kejohanan bertaraf antarabangsa iaitu Terbuka Romania Siri Antarabangsa, Terbuka Portugal Cabaran Antarabangsa, Terbuka Vietnam Cabaran Antarabangsa dan Terbuka German GP Emas seterusnya menaikkan ranking pasangan ini dari kedudukan ke-216 dunia ke kedudukan ke-27 dunia.

Atlet dari sukan tenis seperti Jawariah Nordin, Theviya Selvarajoo, Ahmad Deedat juga telah menunjukkan prestasi yang cemerlang di kejohanan *ITF 10K Pro Circuit*. Jawariah Noordin dan Theviya Selvarajoo telah muncul sebagai juara acara beregu wanita *ITF Women's Pro Circuit \$10,000 Sharm El Sheikh, Egypt* pada bulan Ogos 2016 manakala gandingan Jawariah Noordin dan Jessy Rompies (INA) telah menjuarai acara beregu wanita di Thailand *ITF \$ 10,000 Women's Pro Circuit* pada bulan November 2016. Bagi gandingan acara beregu lelaki di *ITF Vietnam F\$ Futures 10K* pada bulan September 2016, Ahmed Deedat dan Chiu Yu Hsiang (Tpe) juga telah berjaya muncul sebagai juara.

## SUKAN KEMAHIRAN

Penembak Negara, Johnathan Wong Guanjie telah muncul juara dan seterusnya menempa nama untuk layak ke Sukan Olimpik Rio 2016 dalam acara *10m Air Pistol* lelaki individu di Kejohanan Kelayakan Olimpik Zon Asia di New Delhi, India. Beliau berjaya membidik sebanyak 198.7 mata di pusingan akhir sekaligus menewaskan penembak dari Arab Saudi, Alanazi Atallah dengan 198.3 mata di kejohanan yang berlangsung daripada 20 Januari hingga 1 Februari 2016.

Pasukan boling padang negara pula menyumbang 4 pingat emas melalui acara perseorangan lelaki melalui Muhammad Fairus Abd Jabal, trio lelaki iaitu Muhamad Naufal Azmi, Mohd Amir Yusof serta Mohammad Syamil Syazwan Ramli, acara perseorangan wanita iaitu Siti Zalina Ahmad dan akhir

Sivasangari is the youngest athlete, aged 17 in "We Are the Champions" programme (Program Kita Juara) and now being placed in the world best ranking at 51<sup>st</sup> place. She has helped the Women's Squash Team to win the Asian Squash Championship at Taiwan, as well as ended the competition on semi-final stage in 2016 World Youth Squash Championship, quarter final in World Woman Team Squash Championship in France, champion in Asian Junior Individual for the 19 years old category and the champion for the 6<sup>th</sup> edition of Malaysia Squash Circuit Explore (SSJM) which is contested this year.

For badminton games, the second national mixed doubles, Tan Kian Meng and Lai Pei Jing have shown a great performance when they won the 2016 Open Thailand Gold GP and 2016 Open Vietnam GP. Other than that, the mixed doubles also being ranked 9<sup>th</sup> in the world ranking compared to the previous one which is 150<sup>th</sup> when they were being paired for the first time.

For men's doubles, Teo Ee Yi and Ong Yew Sin have successfully won 4 international level of championships which are the Open Romania International Series, Open Portugal International Challenge, Open Vietnam International Challenge and Open German Gold GP and climbing up the ranking from 216<sup>th</sup> to 27<sup>th</sup> in world ranking.

The athletes from tennis sport such as Jawariah Nordin, Theviya Selvarajoo, Ahmad Deedat also have shown a tremendous performance in *ITF 10K Pro Circuit Championship*. Jawariah Nordin and Theviya Selvarajoo have emerged as the champion on women's doubles *ITF Women's Pro Circuit \$10,000 Sharm El Sheikh, Egypt* on August 2016 meanwhile the pair that has been made by Jawariah Nordin and Jessy Rompies (INA) have won the women's doubles in Thailand *ITF \$ 10,000 Women's Pro Circuit* on November 2016. The men's doubles in *ITF Vietnam F\$ Futures 10K* on September 2016, Ahmad Deedat and Chiu Yu Hsiang (Tpe) have emerged as the champion.

## SKILLS SPORTS

National shooter, Johnathan Wong Guanjie has emerged as the champion and made a name to qualify into 2016 Rio Olympics Games in men's individual 10m Air Pistol at Olympics Qualifier Championship for Asian Zone at New Delhi, India. He managed to shoot 198.7 points in final stage, defeating the shooter from Saudi Arabia, Alanazi Atallah with 198.3 points in the championship which was held on 20<sup>th</sup> January until 1<sup>st</sup> February 2016.

National lawn bowls team also contributing 4 gold medals through men's individual through Muhammad Fairus Abd Jabal, men's trio which is Muhamad Naufal Azmi, Mohd Amir Yusof and Mohammad Syamil Syazwan Ramli, women's individual, Siti Zalina Ahmad and lastly the women's doubles which is Siti Zalina Ahmad with Nur Ain Nabilah in Asia Lawn Bowls Championship at Brunei on 22<sup>nd</sup> January until 1<sup>st</sup> February 2016.

Women's national artistic gymnastic team also has successfully drawn their name in the international level when they gained 2 gold medals and 1 silver medal in *World Cup Slovenia* on 7<sup>th</sup> until 11<sup>th</sup> April 2016. The success of the gymnast is a memorable achievement for women's national gymnastics team throughout their participation in World Cup level.

sekali dari pasangan wanita iaitu Siti Zalina Ahmad bersama Nur Ain Nabilah di Kejohanan *Lawn Bowls Asia* di Brunei pada 22 Januari hingga 1 Februari 2016.

Pasukan Gimnastik Artistik wanita negara juga telah berjaya melakarkan nama di peringkat antarabangsa apabila memperolehi 2 pingat emas dan 1 perak di *World Cup Slovenia* pada 7 hingga 11 April 2016 yang lalu. Kejayaan gimnas ini merupakan kejayaan paling manis buat pasukan gimnastik wanita negara sepanjang penyertaan pasukan gimnastik wanita di peringkat Piala Dunia.

Menuruti kejayaan seterusnya adalah dari pasukan memanah negara apabila berjaya memperolehi 2 pingat emas melalui acara perseorangan lelaki *compound* serta berpasukan wanita *compound* dan juga 4 pingat gangsa dari acara berpasukan lelaki *recurve*, individu wanita *compound*, berpasukan lelaki *compound* serta berpasukan campuran (*mixed compound*) di Kejohanan Memanah Piala Asia (Stage 2) di Taipei pada 8 hingga 13 September 2016 yang lalu.

Pasukan petanque negara juga berjaya mengharumkan nama negara dengan memperolehi 2 pingat perak melalui acara perseorangan lelaki dan beregu lelaki serta 2 pingat gangsa dari acara trio lelaki dan pasangan campuran (*mixed doubles*) di Temasya Sukan Asia Pantai, Da Nang, Vietnam pada 24 September hingga 3 Oktober 2016. Kejayaan pasukan petanque kebangsaan juga dicapai di Kejohanan Petanque Antarabangsa di Madagascar pada 1 hingga 4 Disember 2016 yang lalu dimana berjaya memperolehi 1 pingat gangsa dari trio lelaki.

Tidak ketinggalan juga pasukan tenpin boling yang berjaya memperolehi 1 pingat emas dari pasangan wanita iaitu Esther Cheah bersama Sin Li Jane serta 1 pingat perak dari berpasukan wanita iaitu Shalin Zulkifli, Syaidatul Afifah, Sin Li Jane, Nur Syazwani Sahar dan Victoria Chin di Kejohanan Tenpin Boling Asia, Hong Kong pada 18 hingga 27 September 2016.

Prestasi pemain golf wanita negara, Nur Durriyah Damian, juga amat membanggakan apabila muncul Juara di Kejohanan Golf Terbuka Taiwan (Jun 2016), Terbuka Malaysia (Ogos 2016), Terbuka Thailand (Oktober 2016) dan terbaru di Terbuka India (Disember 2016).

## SUKAN BERPASUKAN

Pasukan Bola Jaring Kebangsaan telah memenangi Kejohanan Bola Jaring Senior Asia 2016 ke-10 di Bangkok, Thailand selepas kali terakhir menjuarainya pada 31 tahun yang lalu sekitar tahun 1985.

Pasukan sepak takraw kebangsaan memenangi acara antara regu dan quadrant di Piala Raja Thai ke-31 di Bangkok, Thailand. Kali terakhir memenangi acara regu ialah di Piala Raja Thai, 2013.

Pasukan Ragbi 7's Kebangsaan mendapat tempat ke-8 di ARC Seven Series di Hong Kong, kemudian tempat ke-5 daripada 8 pasukan di ARC Seven Series ke-2 di Korea Selatan dan ARC Seven Series di Sri Lanka. Secara keseluruhan pasukan Ragbi 7's Kebangsaan menduduki tempat ke-5 di Asia pada tahun 2016 meningkat 1 tangga daripada tahun 2015.

The success does not stop there when national archery team also trailing the success by successfully bring back 2 gold medals through men's individual compound event and women's group compound event and also gained 4 bronze medals from men's group recurve, women's individual compound, men's group compound and mixed compound in Asia Archery Cup Championship (Stage 2) at Taipei on 8<sup>th</sup> until 13<sup>th</sup> September 2016.

National petanque team also has successfully brings the national's name to the eyes of the world when they bring 2 silver medals in men's individual and men's doubles and also 2 bronze medals in men's trio and mixed doubles in Asian Beach Games, Da Nang, Vietnam on 24<sup>th</sup> September until 3<sup>rd</sup> October 016. This national success also has been achieved in International Petanque Championship at Madagascar on 1<sup>st</sup> until 4<sup>th</sup> December 2016 where they successfully get 1 bronze medal by men's trio.

It is an honour to not forgetting to mention the Tenpin Bowling team where they have successfully bring 1 gold medal to national's name through women's pair which is Esther Cheah and Sin Li Jane and also 1 bronze medal through women's team which is Shalin Zulkifli, Syaidatul Afifah, Sin Li Jane, Nur Syazwani Sahar and Victoria Chin altogether in Asian Tenpin Bowling Championship, Hong Kong on 18<sup>th</sup> until 27<sup>th</sup> September 2016.

The performance by the women's national golf player, Nur Durriyah Damian also has been remarkable when she has become the champion in Taiwan's Open Golf Championship (Jun 2016), Open Malaysia (August 2016), Open Thailand (October 2016) and the latest one is Open India (December 2016).

## TEAM SPORTS

The national netball team has won the 10<sup>th</sup> Asian Senior Netball Championship on 2016 in Bangkok, Thailand after their last achievement was 31 years ago which happened around 1985.

The national "sepak takraw" team has won doubles and quadrant in the 31<sup>st</sup> King Thai Cup in Bangkok, Thailand. The last time they have won the doubles event was at King Thai Cup, 2013.

The national 7's rugby team gained the 8<sup>th</sup> place in ARC Seven Series in Hong Kong, and later being placed on 5<sup>th</sup> out of 8 teams in ARC 2<sup>nd</sup> Edition Seven Series in South Korea and ARC Seven Series in Sri Lanka. In overall, the national 7's rugby team is placed 5<sup>th</sup> in Asia on 2016 and improved by 1 spot from their last ranking from 2015.



## KEJOHANAN ANTARABANGSA

### PROGRAM PELAPIS

#### SUKAN TEMPUR

Atlet pelapis dari sukan wushu telah menunjukkan kejayaan yang amat membanggakan apabila membawa pulang 3 pingat emas, 6 pingat perak dan 7 pingat gangsa di Kejohanan Wushu Remaja Dunia yang diadakan di Burgas, Bulgaria pada bulan Oktober yang lalu. Kejayaan ini turut mengatasi pencapaian di Turki pada tahun 2014 yang hanya memungut sebanyak 2 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa.

#### SUKAN AIR

Muhamad Khairil Zahawi merupakan atlet pelapis berpotensi yang diberi kepercayaan dan sandaran untuk membantu kejayaan kelas *Optimist* muncul sebagai Juara Berpasukan (Campuran) di kejohanan *Optimist Asian* dan *Oceanian Championship* yang berlangsung pada 28 Mei hingga 5 Jun 2016 di Trincomalee, Sri Lanka.

Skuad Terjun yang ditarik oleh 6 orang atlet berumur 15 tahun dan ke bawah telah berjaya memenangi sebanyak 6 emas, 2 perak dan 1 gangsa di Kejohanan *Singapore Invitation* pada 28 Jun hingga 5 Julai 2016 di Singapura. Kumpulan atlet ini juga akan dijadikan sandaran untuk beraksi di temasya Sukan SEA, Kuala Lumpur 2017.

Seramai 2 orang atlet sukan renang iaitu Foong Wei Tze dan Nadia Adrianna Redza berjaya menyumbang 1 emas, 1 perak dan 1 gangsa dalam penyertaan di kejohanan tahunan *SEA Age Group Championship* di Bangkok, Thailand pada 9 hingga 11 Disember 2016.

#### SUKAN KEKUATAN DAN KUASA

Temasya Sukan Malaysia XVIII Sarawak 2016 telah mencatat sejarah terbaharu apabila pelari pecut remaja, Khairul Hafiz Jantan telah dinobatkan sebagai pelari terpantas negara apabila telah berjaya memperbaharui rekod kebangsaan berusia 18 tahun milik Watson Nyambek (1998, 10.30s) dengan catatan masa 10.18s dan juga rekod temasya yang juga milik Watson Nyambek (1996, 10.33s).

Atlet-atlet Olahraga Pelapis telah mencatatkan keputusan yang cemerlang menerusi penyertaan di 2 kejohanan utama peringkat remaja pada tahun 2016. Sebanyak 13 emas, 8 perak dan 8 gangsa telah berjaya diraih di Kejohanan Olahraga *SEA Youth* 2016, Bangkok, Thailand pada 23 hingga 24 April 2016. Manakala di Kejohanan Olahraga Asia (*Junior*) pada 2 hingga 6 Jun 2016 di Ho Chi Minh, Vietnam telah berjaya membawa pulang 3 emas, 3 perak dan 1 gangsa.

Berdasarkan pencapaian di Ho Chi Minh tersebut, 4 atlet olahraga remaja negara telah layak terpilih menyertai *IAAF World U20 Championship* 2016 di Bydgoszcz, Poland pada 19 hingga 24 Julai 2016 iaitu Badrul Hisham Abdul Manap

## INTERNATIONAL TOURNAMENTS

### JUNIOR PROGRAMME

#### COMBAT SPORTS

Junior athletes from "wushu" has shown a very great success when they have won 3 gold medals, 6 silver medals and 7 bronze medals in World Youth Wushu Championship which was held in Burgas, Bulgaria on previous October. This success also outperformed the achievement at Turkey in 2014 when they were only managed to bring back a total of 2 gold medals, 1 silver medal and 1 bronze medal.

#### WATER SPORTS

Muhamad Khairil Zahawi is a potential junior athlete who has been entrusted in order to win the Optimist class and emerged as the Team Champion (Mixed) in Asian Optimist Championship and Oceanian Championship which was held on 28<sup>th</sup> May until 5<sup>th</sup> June 2016 in Trincomalee, Sri Lanka.

Diving team which is lined up by 6 athletes from aged ranging from 15 years old and below has successfully won and gained a total of 6 gold medals, 2 silver medals and 1 bronze medal in Singapore Invitation Championship on 28<sup>th</sup> June until 5<sup>th</sup> July 2016 in Singapore. The athlete team also has been given responsibility to compete in SEA Games, Kuala Lumpur, 2017.

2 swimming athletes, Foong Wei Tze and Nadia Adrianna Redza have successfully contributed 1 gold, 1 silver and 1 bronze in their participation in SEA Age Group Annual Championship in Bangkok, Thailand on 9<sup>th</sup> until 11<sup>th</sup> December 2016.

#### STRENGTH AND POWER SPORTS

2016 Sarawak XVII SUKMA Games has recorded a newly-updated history when Khairul Hafiz Jantan, the youth sprinter has been crowned as the national fastest sprinter when he managed to pull a new national record which was kept by Watson Nyambek (1998, 10.30s) for 18 years with a new record which is 10.18s and games record also owned by Watson Nyambek (1996, 10.33s)

Junior Athletics athletes managed to get a tremendous results through 2 main championships for youth level in 2016. A total of 13 gold medals, 8 silver medals and 8 bronze medals has successfully gained through 2016 SEA Youth Athletics Championship, Bangkok, Thailand on 23<sup>rd</sup> until 24<sup>th</sup> April 2016. Meanwhile in Asian Athletics Championship (Junior) on 2<sup>nd</sup> until 6<sup>th</sup> June 2016 at Ho Chi Minh, Vietnam, the team has successfully won 3 gold medals, 3 silver medals and 1 bronze medal.

Based on the participation at Ho Chi Minh, 4 national youth athletics athletes have qualified to join 2016 IAAF World U20 Championship at Bydgoszcz, Poland on 19<sup>th</sup> until 24<sup>th</sup> July 2016. The athletes are Badrul Hisham Abdul Manap and Khairul Hafiz Jantan (men's 100m sprint), Mohd Rizzua Haizad Muhamad (men's 110m hurdles) and Kirthana Ramasamy (women's triple jump).

dan Khairul Hafiz Jantan (bagi acara 100m lelaki), Mohd Rizzua Haizad Muhamad (110m lari berpagar lelaki) dan Kirthana Ramasamy (lompat kijang wanita).

Seramai 2 atlet berbasikal trek Pelapis Negara turut membantu kontinjen negara meraih 1 perak dan 1 gangsa di Kejohanan Berbasikal Remaja Asia (ACC Junior) 2016 di Izu, Jepun pada 19 hingga 30 Januari 2016.

Mohd Daniel Haikal B. Edy Suhadee menerusi acara *Point Race* lelaki (Perak) dan Anis Amira Rosidi melalui acara *Scratch* wanita (gangsa). Kedua-dua atlet ini turut layak terpilih ke 2016 *UCI Junior Track Cycling World Championships* dan *Juniors Pre-Camp* di *World Cycling Centre (WCC)* Aigle, Switzerland pada 14 Jun hingga 24 Julai 2016.

## SUKAN RAKET

Gandingan atlet Kita Juara dan Pelapis Kebangsaan sukan badminton juga telah menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan di kejohanan Badminton Remaja Dunia pada November yang lalu apabila berjaya menjadi naib juara bagi acara berpasukan di belakang China. Manakala, atlet Lee Zii Jia berjaya melayakkan diri ke peringkat separuh akhir bagi acara perseorangan lelaki sebelum terkandas kepada pemain dari Indonesia.

Bagi sukan Skuasy, Aifa Azman yang berumur 14 tahun telah menjuarai Kejohanan Terbuka British 2016 bagi kategori umur bawah 15 tahun dan menjuarai Kejohanan *Asian Junior Individual* bawah 15 tahun. Selain itu, 2 lagi pemain yang juga muncul juara pada edisi Kejohanan *Asian Junior Individual* kali ini adalah Aira Azman kategori wanita umur bawah 13 tahun dan Danial Nurhaqiem kategori lelaki umur bawah 15 tahun.

Untuk sukan Tenis, atlet Pelapis Kebangsaan, Christian Didier Chin telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan menjuarai 4 kejohanan acara beregu di peringkat antarabangsa. Di kejohanan *1st ITF Terengganu International Junior Championship* pada bulan Mei 2016, Christian telah bergandingan dengan pemain Korea & *ITF Junior Colombo*, Sri Lanka pada minggu pertama dan minggu kedua pula bergandingan dengan atlet dari Jepun. Selain itu, Christian juga berjaya melayakan diri ke pusingan akhir acara individu dan juara acara beregu gandingan dari Jepun di *Melaka ITF Junior Championship* pada bulan Oktober 2016.

## SUKAN KEMAHIRAN

Pasukan remaja tenpin boling negara juga berjaya melakar kejayaan manis apabila menjuarai acara *Master* wanita melalui Natasha Roslan di Kejohanan Tenpin Boling Remaja Dunia, Amerika Syarikat pada 24 Julai hingga 2 Ogos 2016. Pasukan remaja negara juga berjaya memperoleh 1 pingat gangsa melalui trio wanita (Natasha Roslan, Nur Syazwani dan Nora Lyana) di Kejohanan yang sama.

A total of 2 national junior athletes for track cycling also managed to pull 1 silver and 1 bronze in 2016 Asian Cycling Championship Junior (ACC Junior) at Izu, Japan on 19<sup>th</sup> until 30<sup>th</sup> January 2016.

2 athletes, Mohd Daniel Haikal B. Edy Suhadee from men's *Point Race* and Anis Amira Roside with women's *Scratch* has won 1 silver medal and 1 bronze medal, respectively. They have also been qualified to the 2016 UCI Junior Track Cycling World Championships and Juniors Pre-Camp in *World Cycling Centre (WCC)* at Aigle, Switzerland on 14<sup>th</sup> of June until 24<sup>th</sup> July 2016.

## RACKET SPORTS

A combination of "We Are the Champion" and national junior for badminton also managed to show a very promising and excellent performance at the *World Youth Badminton Championship* on last November when they have successfully secured the 2<sup>nd</sup> place for team event behind China. Meanwhile, Lee Zii Jia managed to qualify to semi-final stage for men's individual before losing to Indonesia.

For squash, Aifa Azman at the age of 14 years old has won the 2016 Open British Championship for the 15 years old category and won the *Asian Junior Individual Championship* for under 15 years old. Other than that, another 2 players also emerged as the champion for this edition of *Asian Junior Individual Championship*, which is Aira Azman for women's under 13 category and Danial Nurhaqiem for men's under 15 category.

For tennis, the national junior athlete, Christian Didier Chin has shown a very encouraging performance when he won 4 doubles championships on international level. At the 1<sup>st</sup> *ITF Terengganu International Junior Championship* on May 2016, Christian has teamed up with a player from Korea & *ITF Junior Colombo*, Sri Lanka on the first week. For the second week, he teamed up with the athlete from Japan. Other than that, Christian also has successfully qualified himself to the final stage for individual event and entitled as champion for the doubles when he teamed up with the Japanese player in *Melaka ITF Junior Championship* on October 2016.

## SKILLS SPORTS

National youth team for tenpin bowling also managed to bring success when they won the women's *Master* through Natasha Roslan at *World Youth Tenpin Bowling Championship*, United States on 24<sup>th</sup> July until 2<sup>nd</sup> August 2016. National youth team also managed to bring 1 bronze medal through women's *trio* (Natasha Roslan, Nur Syazwani and Nora Lyana) from the same *Championship*.

## KEJOHANAN ANTARABANGSA ATLET PARALIMPIK

Di samping menyertai temasya Sukan Paralimpik Rio de Janeiro edisi 2016, atlet-atlet paralimpik di bawah program ini turut menyertai kejohanan-kejohanan di peringkat antarabangsa. Di antaranya adalah seperti berikut:

BIL NUM	SUKAN SPORTS	KEJOHANAN TOURNAMENTS	TEMPAT VENUE	TARIKH DATE	ATLET ATHLETES	JURULATIH / PEGAWAI TRAINERS / OFFICIALS	E G	P S	G B
1	Tenis Kerusi Roda <i>Wheelchair Tennis</i>	Queensland Open	Australia	7 - 11 Jan	2	1	-	1	-
2	Berbasisikal <i>Cycling</i>	Asian Para - Cycling Championships	Shizuoka, Japan	26 - 30 Jan	4	3	2	-	-
3	Berbasisikal <i>Cycling</i>	Asian Para - Cycling Championships	Shizuoka, Japan	26 - 30 Jan	4	3	2	-	-
4	Renang <i>Swimming</i>	INAS Asia Swimming Championship 2016	Bangkok, Thailand	26 Jan - 2 Feb	3	1	2	4	4
5	Angkat Berat <i>Powerlifting</i>	2016 IPC Powerlifting World Cup	Kuala Lumpur, Malaysia	24 - 28 Feb	10	5	1	2	2
6	Olahraga <i>Athletics</i>	IPC Asia Oceania 2016	Dubai	7 - 12 Mac	5	0	4	-	-
7	Lawan Pedang Kerusi Roda <i>Wheelchair Fencing</i>	IWAS Asian Championships 2016	Hong Kong	6 - 11 Apr	4	2	-	-	4
8	Tenpin Boling <i>Tenpin Bowling</i>	3rd APTBF Bowling Championship	Manila, Philippines	29 Mei - 3 Jun	12	6	-	3	7
9	Memanah <i>Archery</i>	Nove Mesto Nad Metuji	Czech Republic	8 - 20 Jun	8	5	-	1	-
10	Badminton <i>Badminton</i>	Carlton Irish International Para Badminton	Ireland	20 - 27 Jun	8	3	3	2	-
11	Ping Pong Table Tennis <i>Table Tennis</i>	Para Table Tennis Thailand Open 2016	Pattaya, Thailand	8 - 12 Okt	6	3	-	3	2
12	Badminton <i>Badminton</i>	Asian Para Badminton Championship	Beijing, China	21 - 26 Nov	7	3	2	1	4
13	Tenpin Bowling <i>Tenpin Bowling</i>	Hong Kong Tenpin Bowling Championship for the Disabled 2016	Hong Kong	6 - 11 Dis	12	5	2	3	5

## PENCAPAIAN PRESTASI SEPAJANG TAHUN 2016

### REKOD DUNIA, ASIA DAN SEA 2016

Atlet-atlet paralimpik negara telah menunjukkan prestasi yang amat luar biasa di sepanjang tahun 2016. Muhamad Ziyad Zolkefli atlet lontar peluru (T20) dan Abdul Latif Romly atlet lompat jauh (T20) telah berjaya memecahkan rekod dunia dan Asia dalam kategori masing-masing semasa temasya Sukan Paralimpik Rio 2016.

Siti Noor Radiah Ismail atlet lompat jauh (T20), Siti Noor Lasah Mohamad Ariffin atlet 400 meter (T20) dan Nasharudin Mohamad atlet 400 meter (T20) juga telah memecahkan rekod Asia semasa beraksi di Sukan Paralimpik Rio 2016.

## INTERNATIONAL CHAMPIONSHIPS FOR PARALYMPIC ATHLETE

Besides participating the 2016 Rio de Janeiro Paralympic Games, paralympic athletes under the program also have participating several championships at the international levels. Among them are as follows:

### THE ACHIEVEMENTS BY PERFORMANCES THROUGHOUT 2016

#### 2016 WORLD, ASIAN AND SEA RECORD

National paralympic athletes have shown an outstanding performance throughout the year of 2016. Muhamad Ziyad Zolkefli, the shot put athlete (T20) and Abdul Latif Romly, long jump athlete (T20) both has successfully breaking the world and Asian record in their respective categories during the 2016 Rio Paralympic Games.

Siti Noor Radiah Ismail, long jump athlete (T20), Siti Noor Lasah Mohamad Ariffin, 400 metre athlete (T20) and Nasharudin Mohamad, 400 metre athlete also managed to break the Asian record during their action at 2016 Rio Paralympic Games.

## REKOD KEBANGSAAN

Sepanjang tahun 2016 telah menyaksikan beberapa rekod kebangsaan telah dicipta melalui penyertaan kejohanan di dalam dan luar negara. Welson Sim dari sukan Renang telah berjaya memecahkan rekod kebangsaan dalam acara 200m dan 400m gaya bebas semasa penyertaan di kejohanan 47<sup>th</sup> Singapore National Age Group Swimming Championship pada 16 hingga 20 Mac 2016 di Singapura.

Kedua-dua catatan rekod kebangsaan ini telah berjaya melayakkan beliau secara merit ke Sukan Olimpik, Rio 2016. Welson Sim juga telah berjaya memperbaharui rekod kebangsaan beliau dalam acara 400m gaya bebas semasa bertanding di Temasya Sukan Olimpik Rio yang lalu.

Phee Jing En telah mencatat rekod baharu kebangsaan dalam acara 50m kuak dada semasa mengambil bahagian di Kejohanan Mare Nostrum Tour, Monaco pada bulan Jun yang lalu.

Rekod kebangsaan dalam acara 4x100m gaya bebas yang dicatatkan pada tahun 2013 dan sekali lagi, diperbaharui di kejohanan Asian Swimming Championship yang diadakan pada 14 hingga 20 November 2016 di Tokyo, Jepun.

Manakala Nauraj Singh telah berjaya memecahkan rekod acara lompat tinggi dengan mencatat 2.29m di Terbuka Australia dan seterusnya melayakkan diri ke Sukan Olimpik Rio 2016.

Mohammad Irfan Shamsuddin bagi acara melempar cakera telah berjaya memecahkan rekod baharu beliau sendiri semasa menyertai pertandingan di Eropah pada bulan Jun 2016.

Gandingan kuartet 4x100 meter wanita negara telah berjaya memperbaharui rekod kebangsaan apabila mencatat 45.23s di Kejohanan Terbuka Singapura yang diadakan pada bulan April 2016.

Beberapa orang atlet muda negara telah mempamerkan prestasi memberangsangkan apabila memecahkan rekod kebangsaan dalam acara masing-masing semasa bertanding di temasya Sukan Malaysia 2016 di Sarawak pada bulan Julai 2016.

Lim Ching Hwang dari sukan akuatik renang telah memadamkan rekod miliknya sendiri dalam acara 200m rampaian perseorangan lelaki. Manakala kejayaan atlet Pelapis Negeri bagi sukan memanah, Nur Aqilah Yusof yang telah berjaya memperbaharui rekod acara 70m recurve wanita milik Mon Redee Sutxi (2003, 328 mata) dan Shamini Ganeshan (2005, 328 mata) dengan catatan 331 mata amat membanggakan.

Farah Amalina Azhar juga daripada sukan memanah turut memperbaharui rekod acara recurve 30m wanita dengan catatan 350 mata. Rekod lama milik Mon Redee Sutxi (2003) dan Fairuz Hanisah Che Ibrahim dengan catatan 346 mata.

Gabungan atlet menembak Pelapis Kebangsaan dan Negeri dari Pahang iaitu Nur Aimi Hanis Abd Halim (Pelapis Negeri), Nur Fatimah Azzahra (Pelapis Negeri) dan Nur Afifah Tarmizy (Pelapis Kebangsaan) telah berjaya mencipta rekod baharu (1757 mata) dalam acara 50m Rifle Prone Berpasukan Wanita.

## NATIONAL RECORD

Throughout the year of 2016, it shown that several national records were created through the participation of the championship either domestic or international respectively. Welson Sim from swimming sports has successfully created a new national record in 200m and 400m freestyle during his participation in 47<sup>th</sup> Singapore National Age Group Swimming Championship on 16<sup>th</sup> March until 20<sup>th</sup> March 2016 at Singapore.

Both of these national records have helped him to qualify with merit into Olympic Games, Rio 2016. Welson Sim also managed to update his personal national record in 400m freestyle when he was competing during the past Rio Olympic Games.

Phee Jing En has recorded a new national record in 50m breaststroke during her participation in Mare Nostrum Tour Championship, Monaco on previous June.

4x100m freestyle's national record has been recorded in 2013 and again, being renewed in Asian Swimming Championship which was held on 14<sup>th</sup> until 20<sup>th</sup> November 2016 at Tokyo, Japan.

Meanwhile, Nauraj Singh has successfully breaking the high jump record when he managed to record 2.29m in Open Australia and directly qualify himself to 2016 Rio Olympic Games.

Mohammad Irfan Shamsuddin in discus throw also breaking his own record when participating a tournament in Europe on June 2016.

Women's national quartet for 4x100 metre has successfully renewed the national record when they pulled a record by 45.23s during Open Singapore Championship which was held on April 2016.

Several national youth athletes have shown a very promising performance when they managed to break the national record in their respective events when participating in 2016 SUKMA, Sarawak on July 2016.

Lim Ching Hwang from aquatic swimming managed to vapourise his own record in men's 200m individual medley. Meanwhile, the success by the state junior athlete for archery, Nur Aqilah Yusof whom has successfully updated the record on women's 70m recurve which were owned by Mon Redee Sutxi (2003, 328 points) and Shamini Ganeshan (2005, 328 points) with a record of 331 points.

Farah Amalina Azhar also from the archery sport managed to update the women's 30m recurve record with 350 points. The old record was owned by Mon Redee Sutxi (2003) and Fairuz Hanisah Che Ibrahim with 346 points.

The combination of national and state junior from Pahang for shooting sports, Nur Aimi Hanis Abd Halim (State Junior), Nur Fatimah Azzahra (State Junior) and Nur Afifah Tarmizy (National Junior) have successfully created a new record (1757 points) in 50m women's group for Rifle Prone.

The ace from national junior sprinter, Khairul Hafiz Jantan has successfully vaporised an 18 years old record owned by Watson Nyambek in men's 100m. He managed to record 10.18s, outperforming Watson Nyambek's record which was 10.30s in 1998.

Jaguh pecut dari program Pelapis Kebangsaan, Khairul Hafiz Jantan telah berjaya memadamkan rekod berusia 18 tahun milik Watson Nyambek dalam acara 100m lelaki. Beliau mencatatkan 10.18s mengatasi rekod Watson Nyambek 10.30s pada tahun 1998.

Mohd Fazrul Azrie Mohdad (Kita Juara) yang mewakili negeri Pahang telah mencipta 2 rekod kebangsaan milik Khairul Anuar Mohammad (140 kg) bagi acara *Snatch 85kg* lelaki dengan angkatan 150kg. Bagi acara *Clean & Jerk 85kg* lelaki pula beliau telah membuat angkatan 176kg (rekod lama 175kg milik Abd Mubin Rahim) menjadikan jumlah keseluruhan angkatan 326kg mengatasi rekod lama 315kg milik Abdul Mubin Rahim.

## KEDUDUKAN RANKING

Seramai 27 orang atlet program Kita Juara telah menduduki ranking 1 hingga 20 terbaik dunia sepanjang tahun 2016 ini manakala seramai 58 orang atlet telah menduduki ranking ke-8 terbaik Asia. Ini diikuti oleh ranking terbaik peringkat Asia Tenggara dimana seramai 98 orang atlet telah berjaya menduduki ranking 1 hingga 3 terbaik di rantau ini. Antara atlet Program Kita Juara adalah dari sukan renang, berbasikal, bola jaring, hoki, boling padang, olahraga, silat, petanque, sepak takraw, ski air dan wushu.

Mohd Fazrul Azrie Mohdad (*We Are the Champions*, Program Kita Juara) who is representing Pahang has created 2 national records owned by Khairul Anuar Mohammad (140 kg) for men's *Snatch 85kg* with 150kg lifting. For men's *Clean & Jerk 85kg* event, he managed to make 176kg lifting the old record is 175kg owned by Abd Mubin Rahim) makes it in total by 326kg lifting which is outperforming the old record owned by Abd Mubin Rahim by 315kg.

## RANKING

A total of 27 athletes from "We Are the Champions" programme (Program Kita Juara) have been ranked for the world's best 1<sup>st</sup> until 20<sup>th</sup> throughout 2016 meanwhile a total of 58 athletes managed to be ranked at 8<sup>th</sup> place as the best in Asian. This is also followed by the best ranking for South-East level when a total of 98 athletes has successfully being ranked from the best 1<sup>st</sup> until 3<sup>rd</sup> in the region. Among the athletes from "We Are the Champions" programme (Program Kita Juara) are swimming, cycling, netball, hockey, lawn bowls, athletics, silat, petanque, sepak takraw, waterskiing and wushu.





# HAL EHWAL DAN KEBAJIKAN ATLET

## ATHLETE'S AFFAIR AND WELFARE

## HAL EHWAL DAN KEBAJIKAN ATLET

## ATHLETE'S AFFAIR AND WELFARE

**“ Majlis Sukan Negara menyediakan perkhidmatan sokongan secara berterusan seperti pendidikan, kerjaya, hal ehwal kebajikan atlet, kaunseling serta penganjuran program binaan atlet. ”**

**“ National Sports Council has provided an ongoing supporting services such as education, career, the athlete's welfare, counseling and organizing the athlete's build program. ”**

## PENDIDIKAN

Sebanyak 66 orang atlet atau pelajar telah mendaftar masuk di Sekolah Sukan Malaysia, Sekolah Sukan Bukit Jalil. Pecahan kemasukan adalah seperti berikut:

BIL NUM	TINGKATAN FORM	JUMLAH TOTAL
1	Tingkatan 1 Form 1	12
2	Tingkatan 2 Form 2	7
3	Tingkatan 3 Form 3	10
4	Tingkatan 4 Form 4	19
5	Tingkatan 5 Form 5	9
6	Pra U Pre University	9
JUMLAH OVERALL		66

Bagi pendidikan di peringkat Universiti pula seramai 23 orang atlet atau pelajar telah mendaftar masuk di dalam pelbagai jurusan pada September 2016 yang lalu. Pecahan kemasukan adalah seperti berikut:

BIL NUM	UNIVERSITI UNIVERSITY	JUMLAH TOTAL
1	Universiti Putra Malaysia (UPM) Universiti Putra Malaysia (UPM)	14
2	Universiti Malaya (UM) Universiti Malaya (UM)	9
JUMLAH TOTAL		23

## BIASISWA

Bagi tahun 2016, sebanyak 43 orang atlet telah ditawarkan biasiswa di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) dan 9 orang atlet telah ditawarkan menerima biasiswa di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

## EDUCATION

A total of 66 athletes or students were registered into Malaysia Sports School, Bukit Jalil Sports School. The fraction for the admissions are as follows:

For the education in university level, a total of 23 athletes or students were registered in various types of courses in September 2016. The fraction of the admissions are as follows:

## SCHOLARSHIP

For 2016, a total of 43 athletes were offered scholarships under the Malaysia's Ministry of Higher Level Education (KPT) and a total of 9 athletes were offered to receive scholarships under the Ministry of Youth and Sports.

## “MALAYSIAN ATHLETE CAREER AND EDUCATION (MACE)”

Pada 29 Mac 2016 Program “Malaysian Athlete Career And Education (MACE)” telah dilancarkan oleh YB Menteri Belia dan Sukan untuk dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara sebagai platform untuk mencari peluang-peluang dan program yang dijadikan asas dalam memberi keyakinan dan jaminan kepada atlet-atlet negara dari segi jaminan masa depan mereka.

## “ MALAYSIAN ATHLETE CAREER AND EDUCATION (MACE)”

On 29<sup>th</sup> March 2016, “Malaysian Athlete Career and Education (MACE)” programme was launched by The Honorable (YB) Ministry of Youth and Sports to be executed and implemented by National Sports Council as a platform to search for the opportunities and the program will be a foundation in order to give confidence and security to the national athletes for their future.



Ia turut menjadi pemangkin kepada MSN supaya program-program pembangunan atlet negara tidak mengenepikan kebajikan dan kepentingan atlet semasa di dalam program mahupun selepas mereka bersara sebagai seorang atlet.

Pelaksanaan MACE meliputi 3 komponen utama iaitu pendidikan, kerjaya dan kebajikan. Beberapa inisiatif telah dilakukan oleh Majlis Sukan Negara untuk menyediakan peluang, menambahbaik dan melestarikan kualiti dibawah teras pendidikan, kerjaya dan kebajikan. Diantaranya ialah:

### A. PENDIDIKAN

#### 1) UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK (UNITAR)

Pada 29 Mac 2016, Majlis Sukan Negara telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan sebuah universiti swasta, Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) yang menawarkan 50 biasiswa pengajian program BTEC (*Business and Technology Education Council*) khusus untuk atlet-atlet dalam program Majlis yang berjumlah sebanyak RM 400,000.00.

*It also will become the catalyst to National Sports Council so that the development of the national athlete's programmes will not disregard the welfare and the importance of the athletes in the programme even when they retired as an athlete.*

*The implementation of MACE will be covering 3 main components which is education, career and welfare. Several initiatives have been done by National Sports Council to provide opportunities, upgrading and conserving the qualities under the core of education, career and welfare. Among them are as follows:*

### A. EDUCATION

#### 1) UNIVERSITY TUN ABDUL RAZAK (UNITAR)

On 29<sup>th</sup> March 2016, National Sports Council has signed an understanding agreement with a private university, University Tun Abdul Razak (UNITAR) which the party has offered 50 scholarships for BTEC programme studies (*Business and Technology Education Council*) especially for the athletes in the Council's programme amounting RM400,000.00.

Sesi pembelajaran pengambilan pertama pengajian program BTEC *Diploma in Business* dimulakan pada awal November 2016 dengan enrolmen seramai 17 orang atlet daripada 5 jenis sukan iaitu, akuatik, angkat berat, gimnastik, silat dan tenis. Kelas diadakan di Casa 1, Majlis Sukan Negara pada setiap hari Isnin hingga Khamis mulai jam 8.30 malam hingga 10.30 malam.

## 2) UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

Majlis Sukan Negara telah mengadakan jaringan kerjasama dengan Universiti Selangor (UNISEL) untuk mewujudkan “One State One University One Centre” di negeri Selangor sebagai pusat latihan negeri khususnya kepada atlet-atlet pelapis di negeri dan juga atlet-atlet negeri agar lebih ramai atlet dari pelbagai sukan dapat ditempatkan di universiti dengan tujuan supaya mereka dapat menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan pada masa yang sama boleh meneruskan kerjaya sukan.

Pada dasarnya UNISEL telah ditawarkan menjadi “One State One University One Centre” bagi negeri Selangor berdasarkan kesesuaian UNISEL yang diletak di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor sepenuhnya. UNISEL telah menawarkan pelbagai keistimewaan dan kemudahan-kemudahan kepada bakal-bakal atlet dan pelajar yang akan diserapkan dalam program ini, iaitu;

- Fleksibiliti dari segi syarat kemasukan,
- Fleksibiliti pelan pengajian
- Pindahan jam kredit
- Pengurangan jam kredit mengikut kemampuan atlet pelajar
- Fokus kepada 19 sukan teras seperti cadangan MSN
- Fleksibiliti penilaian pemarkahan
- “*Embedded Program*” seperti Program Smart Tahfiz UNISEL
- Mengambil kira latihan atlet dalam pemarkahan
- Menawarkan tasik di Unisel sebagai pusat latihan mendayung MSN
- Menawarkan 2000 tempat di asrama UNISEL untuk atlet-atlet program MSNegeri/Negara
- Pengecualian atau pengurangan yuran pengajian bagi kursus-kursus tertentu.

## 3) INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP) KUALA LUMPUR

Selain program akademik, Majlis Sukan Negara melalui inisiatif program MACE turut menerokai jaringan kerjasama strategik dengan ILP Kuala Lumpur yang menawarkan program pendidikan kemahiran khusus kepada atlet-atlet yang tidak mempunyai kelulusan akademik yang tinggi. ILP Kuala Lumpur menyediakan program latihan teknikal secara sepenuh masa, separuh masa & kursus khas (*customise programme*) prapekerjaan. Secara dasar, ILP KL bersetuju bekerjasama dengan Majlis Sukan Negara untuk menerima dan akan menyediakan kursus khas bagi disesuaikan dengan atlet-atlet negara.

The learning session for the first intake of BTEC programme studies Diploma in Business started on the early November of 2016 with the enrolment of a total of 17 athletes from 5 types of sports which is aquatics, powerlifting, gymnastic, silat and tennis. The class will be held at Casa 1, National Sports Council from 8.30 p.m. until 10.30 p.m. every Monday until Thursday.

## 2) UNIVERSITY SELANGOR (UNISEL)

National Sports Council has held a cooperative network with University Selangor (UNISEL) to create “One State One University One Centre” in Selangor as the state training centre especially for the junior athletes in the state and also the state athletes so that it will be more athletes from different types of sports managed to be placed in the university with the purpose of continuing studies to the higher level and at the same time, continuing the sports career respectively.

Basically, UNISEL has been offered to be “One State One University One Centre” for Selangor based on the suitability of UNISEL which has been placed fully under the administration of the government of Selangor State. UNISEL has offered a various kind of specialities and facilities for the prospective athletes and students which will be absorbed into the program, which is:

- Flexibility regarding admission requirements
- Flexibility of the studies plan.
- Credit exemption
- Reduction of credit hours based on the abilities of the student’ athletes.
- Focussing on 19 sports cores such as the National Sports Council’s suggestions
- Flexibility regarding scoring assessment and evaluation.
- “*Embedded Program*” such as UNISEL Smart Tahfiz programme.
- Credit in the athlete’s training into the marking and score.
- Offering a lake in UNISEL as the National Sports Council rowing training centre
- Offering 2000 places in UNISEL’s hostel for the athletes under the program of State Sports Council/National Sports Council.
- Exclusion or reduction of tuition fees for certain courses.

## 3) INDUSTRIAL TRAINING INSTITUTE (ILP) KUALA LUMPUR

Other than academic programme, through MACE programme’s initiatives, the National Sports Council also exploring a strategic cooperative network with ILP Kuala Lumpur which has offering an educational programme for specific skills to the athletes with a moderate academic qualification. ILP Kuala Lumpur provides technical training programme in full time, part time and customised programme for pre-employment. Basically, ILP KL agreed to cooperate with National Sports Council to accept and to provide the specific courses to suit the national athletes.

## B. KERJAYA

### 1) PROGRAM KHAS BEKAS ATLET MENJADI JURULATIH

Majlis Sukan Negara telah mengadakan kerjasama dengan Yayasan Kebajikan Bekas Atlet (YAKEB) untuk melaksanakan satu program khas khusus kepada bekas-bekas atlet untuk menjadi jurulatih. Objektif program ini adalah untuk melahirkan jurulatih-jurulatih dari kalangan bekas-bekas atlet supaya bakal jurulatih-jurulatih ini dapat berkhidmat di universiti-universiti yang dijadikan sebagai “One State One University One Center”, pusat latihan negeri, sekolah, kelab atau lain-lain pertubuhan sukan. Disamping membantu kebajikan bekas-bekas atlet agar mempunyai kerjaya untuk kelangsungan hidup tetapi lebih penting pengalaman mereka sebagai atlet dahulu tidak boleh disia-siakan yang boleh ditambah nilai dengan ilmu kejurulatihan untuk membantu negara bagi melahirkan lebih ramai atlet-atlet muda atau pelapis.

### 2) KERJASAMA DENGAN MAJLIS SUKAN ANGKATAN TENTERA (MSAT)

Majlis Sukan Negara dan MSAT secara dasarnya telah mempunyai jaringan persefahaman dan kerjasama yang cukup baik dan malah telah melaksanakan kerjasama dalam memberi peluang pekerjaan kepada atlet-atlet yang berminat untuk berkhidmat dengan angkatan tentera sama ada tentera darat atau tentera laut atau tentera udara. Ramai atlet negara yang telah berkhidmat dengan angkatan tentera laut, tentera udara dan tentera darat.

## B. CAREER

### 1) SPECIAL PROGRAMME FOR FORMER ATHLETE TO BE A COACH

National Sports Council cooperated with Yayasan Kebajikan Bekas Atlet (YAKEB) to implement one specific programme for former athletes to become a coach. The objectives of the programme is to produce coaches among the former athletes so that the coaches can serve in universities which were made for “One State One University One Center”, the state training centres, schools, clubs and other sports organisations. Besides helping the former athlete's welfare to have a career, their experiences on being an athlete are valuable and important which would give a handy to the coaching knowledge and directly, serving the country to produce more athletes or juniors.

### 2) JOINT VENTURE WITH MILITARY FORCE SPORTS COUNCIL (MSAT)

Basically, National Sports Council and MSAT already has a highly understanding network and cooperation and also already implemented together in order to provide job opportunities to the athlete who is interested to serve in military either for the army or navy and air force. A lot of athletes already served for navy, air force and army force.

BIL NUM	PERKHIDMATAN SERVICES	SUKAN SPORTS	JUMLAH QUANTITY
1	Tentera Laut Navy	Olahraga Athletics	21
		Tinju Boxing	3
		Menembak Shooting	1
		Berbasisikal Cycling	1
2	Tentera Darat Army	Pencak Silat Silat	1
		Tinju Boxing	1
		Olahraga Athletics	6
3	Tentera Udara Air Force	Tinju Boxing	1
		Kriket Cricket	10
		Skuasy Squash	1
JUMLAH TOTAL		7	46

### 3) FORUM DAN BENGKEL ATLET

Majlis Sukan Negara selaku pengangur bersama dengan Majlis Olimpik Malaysia (MOM), KBS, MSN, ISN, Pejabat Pesuruhjaya Sukan, KPM dan ADECCO Malaysia telah mengelolakan forum dan bengkel atlet pada 6 hingga 7 Disember 2016 yang bertempat di Arena Tan Sri Hamzah, Kompleks Sukan Tertutup MOM, Kuala Lumpur.

### 3) ATHLETE WORKSHOP AND FORUM

National Sports Council as the cooperating organiser with Malaysia Olympic Council (MOM), KBS, MSN, ISN, the Commissioners of Sports, KPM and ADECCO Malaysia have been organising forum and workshop on 6<sup>th</sup> until 7<sup>th</sup> December 2016 at Arena Tan Sri Hamzah, Kompleks Sukan Tertutup MOM, Kuala Lumpur.

Forum yang bertemakan *Athletes Voice Matters* tersebut dirasmikan oleh Presiden Majlis Olimpik Malaysia, Y.A.M Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar. Seramai lebih kurang 100 orang atlet termasuk atlet normal dan atlet paralimpik daripada Program Kita Juara terlibat dalam forum dan bengkel ini. Objektif penganjuran adalah untuk memberi informasi sukan dan perkongsian pengalaman bekas-bekas atlet negara serta persediaan atlet untuk mempunyai kerjaya bagi meneruskan kelangsungan hidup selepas bersara sebagai atlet.

Panel-panel jemputan untuk sesi forum adalah Encik Muhammad Amyzaddin Haji Raya (Ketua Komunikasi Korporat, Kementerian Belia dan Sukan), Encik Abdul Rashid Yaakub (Pengarah Bahagian Korporat Dan Antarabangsa, Majlis Sukan Negara), Encik Rohan Ganason (Ketua Pusat Prestasi Tinggi, Institut Sukan Negara), Encik Salleh Haji Ghazali (Timbalan Pengarah, Pesuruhjaya Sukan) dan Encik Zainal Abas (Timbalan Pengarah Bahagian Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia).

Encik Patrick Glennon, Naib Presiden *International Olympic Committee (IOC) Athlete Career Programme* dari Kumpulan ADECCO telah mengendalikan sesi bengkel kerjaya atlet. Secara keseluruhan, para atlet telah memberikan kerjasama dan maklumbalas yang baik.

By using "Athletes Voice Matters" as the theme of the forum, it has been inaugurated by Malaysia Olympic Council President, Y.A.M Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar. A total of around 100 athletes including normal athletes and also the Paralympic athletes from "We Are The Champions" programme (Program Kita Juara) were involved in the forum and the workshop. The objectives of this event is to spread the info regarding sports and a sharing session by the former national athletes and also to prepare the athletes in terms of having career to keep living after the retirement.

The invited panels for the forum session are Encik Muhammad Amyzaddin Haji raya (Chief of Communication Corporation, Ministry of Youth and Sports, (KBS) ), Encik Abdul Rashid Yaakub (Director of International and Corporate Division, National Sports Council (MSN) ), Encik Rohan Ganason (Chief of High Performance Centre, National Sports Institute (ISN) ), Encik Salleh Haji Ghazali (Deputy Director, Sports Commissioner) and Encik Zainal Abas (Deputy Director of Sports Division, Ministry of Education Malaysia (KPM) ).

Mr. Patrick Glennon, Vice President of International Olympic Committee (IOC) Athlete Career Programme from ADECCO Group handled the workshop session regarding career of the athlete. Overall, the athlete has given a very positive cooperation and feedbacks.

## INSENTIF DAN KEBAJIKAN

### SKIM HADIAH KEMENANGAN SUKAN (SHAKAM)

Pada 20 Jun 2016, seramai 41 atlet negara yang cemerlang di kejohanan peringkat antarabangsa telah menerima Skim Insentif Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM). Kejohanan tersebut meliputi kejohanan peringkat Dunia, Asia atau Komanwel dari bulan September 2015 hingga Jun 2016. Majlis Anugerah Shakam telah disempurnakan oleh YB Menteri Belia dan Sukan pada Majlis Berbuka Puasa peringkat Majlis Sukan Negara (MSN).

## INCENTIVES AND WELFARE

### SPORTS ACHIEVEMENT AWARDS SCHEME (SHAKAM)

On 20<sup>th</sup> June 2016, a total of 41 national athletes who has excel through the championships in international levels has accepted the Sports Achievement Awards Scheme (SHAKAM). The championship covered the championships in World level, Asia level or Commonwealth from September 2015 until June 2016. SHAKAM Awards Ceremony has been implemented by YB Minister of Youth and Sports on breakfasting event in National Sports Council (MSN).



Atlet bina badan negara, Mohd Syarul Azman Mahen muncul penerima ganjaran tertinggi dengan jumlah insentif sebanyak RM15,000 selepas meraih 1 pingat emas dan 1 pingat perak. Manakala atlet olahraga remaja, Khairul Hafiz menerima RM12,500 selepas memenangi 1 emas dan 2 perak. Atlet lain yang turut menerima SHAKAM termasuklah atlet dari sukan karate, menembak, ragbi, skuasy, taekwondo, pelayaran, berbasikal (Paralimpik) dan lawan pedang kerusi roda. Bekas pemain golf profesional negara, Shaaban Hussien turut menerima sumbangan khas dari Majlis Sukan Negara selepas terlibat dengan kemalangan jalanraya.

Pada 8 Oktober 2016, telah berlangsung Anugerah SHAKAM di Hotel St. Regis, Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah diadakan khas untuk pemenang pingat di Sukan Olimpik dan Paralimpik Rio 2016. Anugerah telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan turut dihadiri oleh YB Menteri Belia dan Sukan. Muhammad Ziyad Zolkefli dan Abdul Latif Romly menjadi penerima tertinggi dalam majlis ini iaitu sebanyak RM1.05 juta atas kejayaan memecahkan rekod dunia manakala seorang lagi pemenang pingat emas Mohamad Ridzuan Mohamad Puзи menerima RM1.02 juta selepas memperbaharui rekod Sukan Paralimpik. Senarai pemenang insentif adalah seperti berikut:

BIL NUM	NAMA PEMENANG LIST OF WINNERS	INSENTIF (RM) INCENTIVE (RM)	SUKAN SPORTS
1	Muhammad Ziyad Zolkefli	1.05 juta 1.05 million	Olahraga (Para) Athletics (Para)
2	Abdul Latif Romly	1.05 juta 1.05 million	Olahraga (Para) Athletics (Para)
3	Mohamad Ridzuan Bin Mohamad Puзи	1.02 juta 1.02 million	Olahraga (Para) Athletics (Para)
4	Datuk Lee Chong Wei	500 ribu 500 thousand	Badminton Badminton
5	Goh Liu Ying	350 ribu 350 thousand	Badminton Badminton
6	Chan Peng Soon	350 ribu 350 thousand	Badminton Badminton
7	Tan Wee Kiong	350 ribu 350 thousand	Badminton Badminton
8	Goh Wei Shem	350 ribu 350 thousand	Badminton Badminton
9	Pandeleta Rinong Pamg	350 ribu 350 thousand	Renang Swimming
10	Cheong Jun Hoong	350 ribu 350 thousand	Renang Swimming
11	Azizulhasni Awang	300 ribu 300 thousand	Berbasikal Cycling
12	Siti Noor Radiah Ismail	300 ribu 300 thousand	Olahraga (Para) Athletics (Para)

Menerusi Skim Galakan Jurulatih (SGAR), setiap jurulatih yang membantu atlet meraih pingat turut menerima tiga puluh peratus daripada nilai insentif SHAKAM yang menyaksikan tambahan sepuluh peratus adalah terkandung di bawah skim insentif khas untuk temasya kali ini sahaja.

National powerlifting athlete, Mohd Syarul Azman Mahen is appeared to be the first highest reward receiver with a total of incentives amounted RM15,000 after successfully gain 1 gold medal and 1 silver medal. Meanwhile the junior athletics athlete, Khairul Hafiz received RM12,500 after winning a total of 1 gold medal and 2 silver medals. The other athletes who also received SHAKAM including the athlete from karate sports, shooting, rugby, squash, taekwondo, sailing, cycling (Paralympic) and wheelchair fencing. The professional national former golfer, Shaaban Hussien also received a special sponsorship from National Sports Council after involving in a road accident.

On 8<sup>th</sup> October 2016, SHAKAM Awards was held at Hotel St.Regis, Kuala Lumpur. The council has held especially for the medal winners from Olympic Games and 2016 Rio Paralympic. The awards were handed by YAB Malaysia's Prime Minister and also been associated by YB Minister of Youth and Sports. Muhammad Ziyad Zolkefli and Abdul Latif Romly become the highest receivers from the council which amounted RM1.05 million from their success on breaking the world record while another gold medal's winner, Mohamad Ridzuan Mohamad Puзи received RM1.02 million after renewing the Paralympic Games record. The list of incentives winners are as follows:

Through the National Coach Encouragement Scheme (SGAR), every coach who helped the athletes in winning medals also received thirty percent from the SHAKAM incentives value which saw an additional ten percent has been included under the special incentives scheme for this Games only.

## STATISTIK INSENTIF SHAKAM 2016

Jumlah keseluruhan untuk pemberian Skim Insentif Hadiah Kemenangan bagi tahun 2016 adalah sebanyak **RM9,637,488.75**. Di bawah SHAKAM ini juga turut tersenarai Skim Hadiah Kemenangan Atlet Remaja (SHAKAR), Skim Galakan Jurulatih (SGAR) dan Skim Kecemerlangan Pengurusan Sukan (SIKAP). Pecahan untuk skim-skim yang tersenarai di bawah SHAKAM adalah seperti berikut:

BIL NUM	JENIS SKIM TYPE OF SCHEMES	ATLET NORMAL NORMAL ATHLETES	ATLET PARALIMPIK PARALYMPIC ATHLETES
1	SHAKAM	RM 2,149,000.00	RM 3,350,000.00
2	SGAR	RM 613,267.50	RM 980,000.00
3	SHAKAR	RM 385,837.50	-
4	SIKAP	RM 239,383.75	-
5	Rekod Baru New Record	-	RM 60,000.00
6	Insentif Khas Special Incentive	RM 1,600,000.00	RM 260,000.00
Jumlah Total		<b>RM 4,987,488.75</b>	<b>RM 4,650,000.00</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN GRAND TOTAL</b>		<b>RM 9,637,488.75</b>	


Berikut adalah carta pai pecahan insentif untuk tahun 2016:

## STATISTICS OF INCENTIVES FOR SHAKAM IN 2016

The total of Sports Achievement Awards Scheme in 2016 is amounted a total of **RM9,637,488.75**. Under SHAKAM, it has also been enlisted the Junior Athletes Achievement Awards (SHAKAR), National Coach Encouragement Scheme (SGAR) and Excellence in Sports and Management Scheme (SIKAP). A fraction for the listed schemes under SHAKAM are as follows:

The following is the pie chart of the fraction of the incentives in 2016:

PECAHAN INSENTIF TAHUN 2016  
2016 INCENTIVE BREAKDOWN



Seramai 3 atlet olahraga paralimpik yang memecahkan rekod temasya dalam Sukan Paralimpik diberi Insentif Rekod Baru berjumlah RM20,000 seorang. Bagi 2 atlet olahraga paralimpik yang telah memecahkan rekod dunia diberi insentif khas yang berjumlah RM30,000 seorang.


YAB Perdana Menteri turut mengumumkan penambahan RM200,000 di bawah Skim Insentif Khas untuk semua pemenang pingat perak dan gangsa sebagai penghargaan kepada wira wirawati negara di Temasya Olimpik dan Paralimpik.

A total of 3 paralympic athletes for athletics sports have been given New Record Incentives amounted RM20,000.00 each when they managed to break the record during Paralympic Games. A total of 2 paralympic athletes for athletics sports have broken the world record and been given special incentives amounted RM30,000 each.

YAB Prime Minister also announced an additional RM200,000 under Special Incentives Scheme for all the silver and bronze medal's winner as a token of appreciation to all the national heroes during the Olympics and Paralympic Games.

Berikut adalah pecahan 5 sukan yang menerima jumlah insentif tertinggi 2016:

The following are the division of 5 sports which received the highest incentives in 2016:




Merujuk carta di atas, sukan para olahraga menerima insentif yang tertinggi iaitu sebanyak RM4,482,000 sepanjang tahun 2016. Pertandingan yang dimenangi adalah di Sukan Paralimpik 2016 dan *IPC Athletic Championship*.

By referring the chart above, paralympics' athletics sports has received the highest incentives which amounted RM4,482,000 throughout the year of 2016. The championships won are at 2016 Paralympic Games and *IPC Athletic Championship*.

Sukan Badminton merupakan sukan kedua yang tertinggi menerima insentif SHAKAM. Antara pertandingan yang disertai bagi sukan badminton ialah di Temasya Sukan Olimpik 2016, *Piala Thomas* dan *Junior World Championship*.

Badminton also the second highest sports which received the SHAKAM incentives. Among the championships that has been participated is the 2016 Olympic Games, Thomas Cup and Junior World Championship.



Carta di atas menunjukkan perbandingan pemberian insentif sukan dari tahun 2014 hingga 2016.  
The chart above represents the comparison of the distribution of sports incentives from 2014 until 2016.

Pada tahun 2014, jumlah insentif sukan adalah RM7,562,834.93 juta. Jumlah besar ini disebabkan oleh kontinjen negara telah meraih 6 pingat emas, 7 pingat perak dan 6 pingat gangsa di Temasya Sukan Komanwel Glasgow, Scotland serta Temasya Sukan Asia, Incheon yang memperolehi 5 pingat emas, 14 pingat perak dan 14 pingat gangsa.

Pada tahun 2015, pemberian insentif adalah sebanyak RM5,014,076.25 juta. Pemberian insentif banyak diberikan kepada atlet yang telah mengharumkan nama Malaysia di Kejohanan Sukan SEA apabila kontinjen Malaysia berjaya membawa pulang 62 pingat emas, 58 pingat perak dan 66 pingat gangsa.

#### **SKIM HADIAH KEMENANGAN ATLET REMAJA (SHAKAR)**


Jumlah keseluruhan pemberian insentif Skim Hadiah Kemenangan Atlet Remaja (SHAKAR) pada tahun 2016 ialah sebanyak RM 385,837.50. Penerima sukan tertinggi ialah Wushu dengan jumlah sebanyak RM 195,000.00, boling (RM 110,000.00), diikuti dengan olahraga (RM 35,562.50), skuasy (RM 20,300.00) dan badminton (RM 15,000.00).

On 2014, the total of sports incentives is RM7,562,834.93 million. The amount created was influenced when the national contingent won 6 gold medals 7 silver medals and 6 bronze medals in Commonwealth Games in Glasgow, Scotland and Asian Sports Games, Incheon which it gained 5 gold medals, 14 silver medals and 14 bronze medals from it.

On 2015, the distribution of incentives is RM5,014,076.25 million. A lot of incentives were distributed to the athlete who managed to give Malaysia a very strong name in SEA Games when Malaysian contingent has successfully won and bring back a total of 62 gold medals, 58 silver medals and 66 bronze medals.

#### **JUNIOR ATHLETE ACHIEVEMENT AWARDS (SHAKAR)**

The total for the distribution of Junior Athlete Achievement Awards (SHAKAR) in 2016 is amounted RM385,837.50. The sports that received the highest amount is Wushu with a total of RM195,000.00, bowling (RM110,000.00), followed by athletics (RM35,562.50), squash (RM20,300.00) and badminton (RM15,000.00).



Graf di atas memaparkan peningkatan dari segi jumlah (RM) pemberian insentif kepada atlet remaja negara dari tahun 2014 ke 2016. Peratus menunjukkan peningkatan sebanyak 71.6% peratus peningkatan dari tahun 2015 kepada tahun 2016.

The graph above shown an increase in terms of amount (RM) of the distribution of incentives to the national junior athletes from 2014 until 2016. The percentage also shown an increase about 71.6% from 2015 to 2016.

**SKIM GALAKAN JURULATIH (SGAR)****NATIONAL COACH ENCOURAGEMENT SCHEME (SGAR)**

BIL NUM	TAHUN YEAR	JURULATIH PARA PARA COACH	JURULATIH COACH	JUMLAH TOTAL
1	2014	RM334,000.00	RM482,110.00	RM816,110.00
2	2015	RM188,000.00	RM476,367.50	RM664,367.50
<b>3</b>	<b>2016</b>	<b>RM980,000.00</b>	<b>RM613,267.50</b>	<b>RM1,593,267.50</b>

Berdasarkan jadual di atas, tahun 2016, SGAR telah menunjukkan peningkatan lebih 100% berbanding tahun 2015. Antara faktor penyumbang kepada peningkatan ini ialah kejayaan gemilang atlet pada temasya Olimpik dan Paralimpik Rio, Brazil. Selain itu, kerajaan Malaysia juga telah mengumumkan kenaikan incentif dari 20% kepada 30% pemberian SGAR berdasarkan jumlah incentif SHAKAM.

Based on the table above, in 2016, SGAR has shown an increase of more than 100% compared to 2015. Among the factors that influenced the increasing of the improvement is the excellent success by the athlete throughout the Olympics and Rio Paralympic, Brazil. Besides that, the government of Malaysia has also announced the increase of incentives from 20% to 30% SGAR distribution based on the amount of SHAKAM incentives.

**SKIM KEBAJIKAN ATLET KEBANGSAAN (SKAK)**

Bagi tahun 2016, Majlis Sukan Negara telah menguruskan pampasan atas kematian juara pecut Sukan Para Asia iaitu arwah Mohd Azlan Bin Mat Lazin yang berjumlah sebanyak RM77,000.00. Penyerahan cek telah dilakukan oleh Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, YBhg. Dato' Ahmad Shapawi Ismail pada 12 November 2016 di rumah arwah di Terengganu.

**NATIONAL ATHLETE'S WELFARE SCHEME (SKAK)**

For 2016, National Sports Council has managed the compensation on the death of Asian Para Sports sprinter champion, Mohd Azlan Bin Mat Lazin with a total of RM77,000.00. The cheque was handed by the Head of Director for National Sports Council, The Honourable (YBhg) Dato' Ahmad Shapawi Ismail on 12<sup>th</sup> November 2016 at the deceased's house in Terengganu.

JUMLAH KESELURUHAN NILAI INSENTIF SHAKAM BAGI TEMPOH 4 TAHUN (2013 – 2016) THE OVERALL TOTAL OF SHAKAM'S INCENTIVES VALUE FOR THE PERIOD OF 4 YEARS (2013-2016)							
TAHUN Year	SHAKAM	SHAKAR	REKOD BARU New Record	SGAR	SIKAP	INSENTIF KHAS Special Incentive	JUMLAH Total
2013	RM2,009,700.00	RM131,610.96	RM1,000.00	RM379,850.00	-	RM611,000.00	RM3,133,160.96
2014	RM6,326,624.99	RM69,749.98	RM79,000.00	RM816,110.00	RM220,050.00	RM51,299.96	RM7,562,834.93
2015	RM3,628,375.00	RM276,337.50	RM15,000.00	RM852,367.50	RM241,996.25	-	RM5,014,076.25
<b>2016</b>	<b>RM5,534,562.50</b>	<b>RM155,275.00</b>	<b>RM60,000.00</b>	<b>RM1,554,267.50</b>	<b>RM219,883.75</b>	<b>RM1,860,000.00</b>	<b>RM9,383,988.75</b>
<b>JUMLAH Total</b>	<b>RM17,499,262.49</b>	<b>RM632,973.44</b>	<b>RM155,000.00</b>	<b>RM3,602,595.00</b>	<b>RM681,930.00</b>	<b>RM2,522,299.96</b>	<b>RM25,094,060.89</b>

**BANTUAN KHAIRAT KEMATIAN  
DEATH CHARITY AID AND ASSISTANCE**

21	Silat Silat	60	15 - 20 Mac 15 <sup>th</sup> - 20 <sup>th</sup> March	Kejuaraan Silat Kebangsaan Ke-18, 2016 18 <sup>th</sup> National Silat Championship, 2016	Dewan Jubli Intan, Pontian, Johor Dewan Jubli Intan, Pontian, Johor
22	Ski Air Water-Skiing	61	13 - 14 Ogos 13 <sup>th</sup> - 14 <sup>th</sup> August	Kejohanan Kebangsaan Waterski & Wakeboard Waterski & Wakeboard National Championship	Tasik Putrajaya, Presint 6 Tasik Putrajaya, Presint 6
23	Skuasy Squash	62	23 - 27 Februari 23 <sup>rd</sup> - 27 <sup>th</sup> February	Kejohanan 11th National Junior Championships 2016 11 <sup>th</sup> National Junior Championship 2016	Pusat Skuasy Nasional, Bukit Jaiil Pusat Skuasy Nasional, Bukit Jaiil
		63	7 - 9 Oktober 7 <sup>th</sup> - 9 <sup>th</sup> October	Kejohanan Skuasy Remaja Sempena Hari Sukan Negara Youth Squash Championship for National Sports Day	Petra Jaya, Kuching, Sarawak Petra Jaya, Kuching, Sarawak
		64	15 - 20 November 15 <sup>th</sup> - 20 <sup>th</sup> November	Ohana 32 <sup>nd</sup> Malaysian Nationals Squash Championship 2016 Ohana 32 <sup>nd</sup> Malaysian Nationals Squash Championship 2016	Pusat Skuasy Nasional, Bukit Jaiil Pusat Skuasy Nasional, Bukit Jaiil
24	Sofbol Softball	65	27 - 31 Ogos 27 <sup>th</sup> - 31 <sup>st</sup> August	Kejohanan Sofbol Terbuka Kebangsaan Ke-42 42 <sup>nd</sup> National Open Softball Championship	UPM Serdang, Selangor UPM Serdang, Selangor
		66	19 - 21 November 19 <sup>th</sup> - 21 <sup>st</sup> November	Kejohanan Sofbol Kebangsaan Bawah 16 Tahun Ke-13 13 <sup>th</sup> Under 16 Years Old National Softball Championship	Johor Johor
25	Taekwondo Taekwondo	67	6 - 8 Mei 6 <sup>th</sup> - 8 <sup>th</sup> May	Kejohanan Taekwondo Kebangsaan TM (WTF) - MSN - Milo Ke-7, 2016 2016 7 <sup>th</sup> National TM (WTF)-MSN-Milo Taekwondo Championship	Kuching, Sarawak Kuching, Sarawak
26	Tenis Tennis	68	20 Januari - 27 November 20 <sup>th</sup> January - 27 <sup>th</sup> November	Kejohanan Tenis Sirkit Kebangsaan 2016 2916 National Circuit Tennis Championship	9 Tempat / Sirkit 9 Places / Circuits
27	Tenpin Boling Tenpin Bowling	69	11 - 19 Mac 11 <sup>th</sup> - 19 <sup>th</sup> March	40 <sup>th</sup> Malaysian National Bowling Championship & 29 <sup>th</sup> Malaysia Interstate Bowling Championship 40 <sup>th</sup> Malaysian National Bowling Championship & 29 <sup>th</sup> Interstate Bowling Championship	Sunway Pyramid, PJ Sunway Pyramid, PJ
		70	8 Oktober 8 <sup>th</sup> October	Team Bakers Challenge Sempena Hari Sukan Negara Team Bakers Challenge for National Sports Day	Wangsa Bowl, IOI City Mall, Putrajaya Wangsa Bowl, IOI City Mall, Putrajaya
28	Tinju Boxing	71	27 September - 1 Oktober 2016 27 <sup>th</sup> September - 1 <sup>st</sup> October 2016	Kejohanan Tinju Golden Gloves Kebangsaan National Golden Gloves Boxing Championship	Kubah Ria, Medan Niaga Satok, Kuching Kubah Ria, Medan Niaga Satok, Kuching
		72	8 - 13 Oktober 8 <sup>th</sup> - 13 <sup>th</sup> October	Kejohanan Tinju Piala Malaysia Bagi Tahun 2016 Malaysia Cup Boxing Championship 2016	Dataran Lawin, Pekan Lawin, Grik, Perak Dataran Lawin, Pekan Lawin, Grik, Perak
29	Wushu Wushu	73	18 - 20 November 18 <sup>th</sup> - 20 <sup>th</sup> November	Kejohanan Wushu KPM 2016 KPM Wushu Championship 2016	Han Chiang High School, Pulau Pinang Han Chiang High School, Pulau Pinang

30	Lain-lain - MSN Perlis Etc - MSN Perlis	74	9 - 10 April 9 <sup>th</sup> - 10 <sup>th</sup> April	Kejohanan Olahraga Terbuka Perlis Open Perlis Athletics Championship	Stadium Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis Stadium Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis
		75	9 - 11 Disember 9 <sup>th</sup> - 11 <sup>th</sup> December	Kejohanan Young Lion Sports Festival 2016 Young Lion Sports Festival 2016 Championship	Stadium Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis Stadium Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis
31	Lain-lain - Sportsunite Etc - Sportsunite	76	20 Mac 20 <sup>th</sup> March	Karnival Samba Bola Sepak Perpaduan Sportunite B12 Ke-5, Piala Datuk Santokh Singh. 5 <sup>th</sup> U12 Sportsunite Football Samba Carnival, Datuk Santokh Singh Cup	Petaling Jaya, KL Petaling Jaya, KL
		77	29 Mei 29 <sup>th</sup> May	Karnival Samba Bola Sepak Perpaduan Sportunite B12 Ke-5, Piala Dato' Soh Chin Aun 5 <sup>th</sup> U12 Sportsunite Football Samba Carnival, Dato' Soh Chin Aun Cup	Melaka Melaka
		78	1 Oktober 1 <sup>st</sup> October	Karnival Samba Bola Sepak Perpaduan Sportunite B12 Ke-3, Piala Dato' Shukor Salleh. 3 <sup>rd</sup> U12 Sportsunite Football Samba Pulau Pinang Carnival, Dato' Shukor Salleh Cup	Pulau Pinang Pulau Pinang
		79	13 November 13 <sup>th</sup> November	Karnival Hoki Perpaduan 6/7 Sebelah B12 Piala Dato' Mirnawan Ke-6, 2016 6 <sup>th</sup> 6/7 a-side Sportsunite Hockey Carnival, Dato' Mirnawan Cup 2016	Stadium Hoki, Kuala Lumpur Hockey Stadium, Kuala Lumpur
32	Lain-lain - Olahraga Master Others - Master Athletics	80	4 - 8 Mei 4 <sup>th</sup> - 8 <sup>th</sup> May	Kejohanan Olahraga Masters Asia Ke-19, 2016 19 <sup>th</sup> Asian Masters Athletics Championship, 2016	Singapura Singapore
		81	26 Oktober - 6 November 26 <sup>th</sup> October - 6 <sup>th</sup> November	Kejohanan Olahraga Masters Dunia World Masters Athletics Championship	Perth, Australia Perth, Australia
		82	26 - 27 November 26 <sup>th</sup> - 27 <sup>th</sup> November	Kejohanan Olahraga Masters Antarabangsa Malaysia Ke-30 30 <sup>th</sup> Malaysia International Masters Athletics Championship	Universiti Malaya University Malaya
33	Lain-lain – UCI Others – UCI	83	2014 2014	Tuntutan Kalender UCI dan Sewa Pejabat Sekolah Jelajah Malaysia 2014 UCI Calendar Claim and 2014 Malaysia Explore School's Office Rent	Kuala Lumpur Kuala Lumpur



# PERKHIDMATAN SOKONGAN

## SUPPORT SERVICES



## PENGURUSAN BADAN SUKAN KEBANGSAAN

Bagi tahun 2016, Majlis Sukan Negara (MSN) telah mengadakan beberapa aktiviti pengukuhan tadbir urus Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) termasuk mesyuarat bersama dengan Setiausaha Eksekutif (SUE) Persatuan Kebangsaan sebanyak 2 kali iaitu pada 27 April 2016 dan pada 30 September 2016 yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai laporan urusan pentadbiran meliputi kedudukan pejabat, aktiviti dan struktur terkini PSK daripada 18 orang SUE yang dilantik. Di samping itu, objektif lain mesyuarat ini adalah bagi memberi penekanan kepada semua SUE supaya patuh dan akur dengan garis panduan serta peraturan yang ditetapkan apabila berurusan dengan MSN.

Kursus Microsoft Powerpoint - penyediaan persempahan menggunakan 'Advanced Features' juga telah dilaksanakan melibatkan semua Setiausaha Eksekutif pada 11 Ogos 2016. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan sehingga ke peringkat pertengahan dalam menggunakan perisian Microsoft Power Point. Ia dikendalikan oleh pegawai teknologi maklumat dalaman MSN.

Sepanjang tahun 2016 jumlah bantuan Setiausaha Eksekutif (SUE), bantuan emolumen pegawai PSK, bantuan pentadbiran pejabat dan bantuan menghadiri forum / seminar / konferen / persidangan / mesyuarat antarabangsa telah disalurkan kepada PSK seperti maklumat di dalam jadual di bawah:

BIL NUM	PERKARA SUBJECT	JUMLAH AMOUNT	CATATAN NOTE
1	Bantuan Elaun Setiausaha Eksekutif (SUE) <i>Executive Secretary Allowances Aid (SUE)</i>	329,800.00	25 PSK
2	Bantuan Emolumen Pegawai PSK <i>Emolument Aid for PSK Officers</i>	354,000.00	7 PSK
3	Bantuan Pentadbiran Pejabat <i>Office Management Aid</i>	75,000.00	15 PSK
4	Bantuan Forum / Seminar / Konferen / Persidangan / Mesyuarat Antarabangsa <i>International Meeting / Conferences / Seminar / Forum Aid</i>	77,269.60	14 PSK

Pada tahun 2016 Majlis Sukan Negara hanya melaksanakan 1 Kursus Pengurusan Sukan Kebangsaan (KPSK) iaitu pada 25 hingga 29 Januari 2016 di Miri Sarawak dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Sarawak.

Ia merupakan inisiatif daripada Kerajaan Negeri Sarawak sebagai persediaan untuk pengelolaan Sukan Malaysia di Sarawak pada 22 hingga 30 Julai 2016. Seramai 41 orang telah mengikuti kursus ini yang terdiri daripada pengurus sukan, jurulatih dan penggiat sukan di pelbagai peringkat. 29 orang peserta telah lulus dan layak ke tahap 2, 10 orang peserta lulus dan hanya 2 orang peserta gagal.

Semenjak kursus ini mula diperkenalkan pada tahun 2011, sebanyak 23 kursus telah dijalankan dengan melibatkan penyertaan seramai 685 orang peserta. Bagi memberi nilai

## MANAGEMENT OF NATIONAL SPORTS ASSOCIATIONS

For the year of 2016, National Sports Council (MSN) has held several activities in order to strengthen and enhance the governance of National Sports Associations (PSK) including meetings with the Executive Secretary (SUE) of National Associations with a total of 2 times which is on 27<sup>th</sup> April 2016 and also on 30<sup>th</sup> September 2016 with a mission to obtain information regarding the administration affairs reports which covered the location of the office, activities and recent PSK structure from 18 SUE who have been appointed. Besides that, the other objectives of the meeting is to emphasise to all of the SUE to obey and follow the guidelines and the laws which has been set up when dealing with MSN.

Microsoft PowerPoint Course – a showmanship preparation using 'Advanced Features' also has been executed involving all of the Executive Secretaries on 11<sup>th</sup> August 2016. This course outline is to improve the knowledge, skills and efficiency to reach the middle level of using the Microsoft Power Point software. It will be managed by the internal information technology officer from MSN.

Throughout 2016, the amount of Executive Secretary supporting aid (SUE), emolument supporting aid for PSK officer, office management supporting aid and assistance on attending the forum/seminar/conference/international meetings were channelled to PSK as the information in the table below:

On 2016, National Sports Council has executed 1 National Sports Management Course (KPSK) which is on 25<sup>th</sup> until 29<sup>th</sup> January 2016 at Miri Sarawak with the cooperation by State Sports Council of Sarawak.

It is an initiative by the government of Sarawak as a preparation to manage the Malaysian Games in Sarawak on 22<sup>nd</sup> until 30<sup>th</sup> July 2016. A total of 41 persons have followed the course which consists of the sports manager, coaches and the sports activists in various levels. A total of 29 participants have passed and qualified to level 2, 10 participants have passed and only 2 participants failed.


Since the course started to be introduced in 2011, a total of 23 courses has been run by involving the participation of 685 participants. In order to add on more values to the KPSK module,

tambah kepada modul KPSK ini, Majlis Sukan Negara telah melakukan usaha penambahbaikan dengan melaksanakan 3 Siri Bengkel Pemurniaan pada tahun 2016 daripada 5 siri bengkel yang dirancang di mana bengkel siri 1 telah diadakan pada 10 hingga 12 Ogos 2016 di Hotel Seri Petaling, Kuala Lumpur.

National Sports Council has performed an upgrading effort by implementing 3 series of Purification Workshop on 2016 out of 5 workshop series which have been planned where the 1st workshop series was held on 10<sup>th</sup> until 12<sup>th</sup> August 2016 at Seri Petaling Hotel, Kuala Lumpur.

### PECAHAN KURSUS PENGURUSAN SUKAN KEBANGSAAN (KPSK)

NATIONAL SPORTS MANAGEMENT COURSE (KPSK) BREAKDOWN



Manakala siri 2 pada 4 hingga 5 Oktober 2016 di Pearl International Hotel, Kuala Lumpur dan siri 3 pada 29 hingga 30 November 2016 di Hotel Sri Petaling, Kuala Lumpur. Pemurniaan modul KPSK ini dikendalikan oleh kumpulan panel baharu yang dilantik oleh MSN secara rasmi pada bulan Mac 2016.

Ahli panel terdiri daripada pensyarah-pensyarah Universiti dan wakil agensi sukan yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang baik dalam bidang pengurusan sukan. Sebanyak 2 siri bengkel lagi akan dilaksanakan pada awal tahun 2017 bagi melengkapkan proses penambahbaikan tersebut. Usaha ini diharapkan dapat menghasilkan modul KPSK yang lebih komprehensif dan mantap seiring dengan Malaysian Qualification Accreditation (MQA) yang mengikut perkembangan teknologi serta maklumat sukan terkini secara keseluruhannya.

Meanwhile, the 2<sup>nd</sup> series was held on 4<sup>th</sup> until 5<sup>th</sup> October 2016 at Pearl International Hotel, Kuala Lumpur and the 3<sup>rd</sup> series was held on 29<sup>th</sup> until 30<sup>th</sup> November 2016 at Sri Petaling Hotel, Kuala Lumpur. The purification module by KPSK was managed by a new panels appointed officially by MSN on March 2016.

The panel consists of the lecturers from universities and sports agencies representatives who have a very well expertise and experience regarding the sports management field. A total of 2 workshop series will be executed on the early 2016 in order to complete the upgrading process. This effort has a high hope on it in order to produce a very comprehensive and stable KPSK modules, parallel to Malaysian Qualification Accreditation (MQA) which followed the progress of the technology and the recent sports information as a whole.

### PEMBANGUNAN MAJLIS SUKAN NEGERI

Mesyuarat Bersama Pengarah-pengarah Majlis Sukan Negeri telah diadakan pada 21 April 2016 di Hotel Hilton, Kuching, Sarawak. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) telah membangkitkan isu-isu Sukan Malaysia 2016, pengenalan program Malaysian Athlete's Career and Education (MACE) dan cadangan pindaan Akta Majlis Sukan Negara.

Lawatan kerja secara berkala ke Majlis Sukan Negeri di seluruh negeri telah dirancang sebagai inisiatif yang menjurus kepada peningkatan hubungan dan kerjasama yang sedia terjalin. Perjumpaan secara bersemuka itu menyediakan ruang berkomunikasi secara dekat dengan pegawai-pegawai pengurusan dan pelaksana peringkat negeri.

### DEVELOPMENT OF STATE SPORTS COUNCIL

The meeting with the Board of Directors of State Sports Council was held on 21<sup>st</sup> April 2016 in Hilton Hotel, Kuching, Sarawak. The meeting was chaired by the Head Director of National Sports Council (MSN) has risen up the issues of 2016 Malaysian Games, the introduction of Malaysian Athlete's Career and Education (MACE) and suggestion of the amendment for National Sports Council Act.

A regular working visit to State Sports Council in all of the states were planned as initiatives which lead to the improvement of relationship and cooperation. The face-to-face meeting provided the space to communicate closely with the management officers and executives for state level.

Perbincangan dalam pelbagai aspek pentadbiran dan aktiviti turut memberi impak positif yang lebih besar. Kerjasama yang erat di antara MSN dan Majlis Sukan Negeri akan terus dipupuk melalui program-program yang dijalankan sepanjang tahun untuk pembangunan Majlis Sukan Negeri.

## KERJASAMA DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

Program Kerjasama Dan Hubungan Antarabangsa yang telah dicatat sepanjang tahun 2016 adalah lawatan daripada negara luar melalui penyertaan mesyuarat dan bengkel di peringkat negara ASEAN. Tujuan lawatan dan majlis berkenaan adalah untuk melihat dengan lebih dekat perkembangan dan kemudahan sukan di negara ini di samping untuk mengeratkan hubungan kerjasama dua hala antara kedua-dua buah negara.

The discussion in the various aspect of management and activities also gives a very huge positive impact. A very tight cooperation between MSN and State Sports Council will continue to be nurtured through the programmes which has been done throughout the year to developing State Sports Council.

## INTERNATIONAL COOPERATION AND RELATIONS

The International Cooperation and Relations programme has been recorded throughout 2016 is the site visit from the foreign country through the participation in meeting and workshop in ASEAN country level. The objectives of the visit is to see it closer about the progress and the sports facilities in the country and besides that, to improve and strengthen the two-way relationship between both countries.

### MESYUARAT DAN BENGKEL PERINGKAT NEGARA ASEAN MEETINGS AND WORKSHOPS IN ASEAN LEVEL

BIL NUM	PERKARA SUBJECT	CATATAN NOTE
1	"Building Leadership Capacity of Women in Sport" by The Malaysian Gymnastics Federation & Gymnastics Australia "Building Leadership Capacity of Women in Sport" by The Malaysian Gymnastics Federation & Gymnastics Australia	15 - 18 September 2016, Kuala Lumpur 15 <sup>th</sup> - 18 <sup>th</sup> September 2016, Kuala Lumpur
2	ASEAN Work Plan on Sports ASEAN Work Plan on Sports	17 - 18 Mac 2016, Hotel Federal Kuala Lumpur 17 <sup>th</sup> - 18 <sup>th</sup> March 2016, Federal Hotel Kuala Lumpur
3	The 6 <sup>th</sup> Senior Officials Meeting on Sports (SOMs-6) The 6 <sup>th</sup> Senior Officials Meeting on Sports (SOMs-6)	27 September 2016, Sheraton Imperial Hotel, Kuala Lumpur 27 <sup>th</sup> September 2016, Sheraton Imperial Hotel, Kuala Lumpur
4	ASEAN Tribute and Recognition for ASEAN Athletes And Participants of RIO 2016 Olympic & Paralympic Games ASEAN Tribute and Recognition for ASEAN Athletes And Participants of RIO 2016 Olympic & Paralympic Games	30 November 2016, JW Marriott Hotel Jakarta, Indonesia 30 <sup>th</sup> November 2016, JW Marriott Hotel Jakarta, Indonesia

## PERSIDANGAN SPORTS PITCH 2016

Persidangan ini telah diadakan pada 25 Mei 2016 dengan menghimpunkan kira-kira seramai 250 individu korporat berpengaruh dalam pelbagai sektor.

Persidangan ini telah berlangsung di The Grand Hyatt, Kuala Lumpur yang turut dihadiri oleh YB Menteri Belia dan Sukan yang merupakan pembentang utama dalam persidangan ini.

Beliau telah mengupas secara mendalam peluang-peluang yang boleh diterjemahkan oleh pihak korporat dengan menjadikan platform sukan sebagai media baharu pemasaran produk dan perkhidmatan mereka.

YB Menteri Belia dan Sukan turut mengetengahkan inspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan, apabila sukan merupakan antara budaya sihat

## 2016 SPORTS PITCH CONFERENCES

The conference was held on 25<sup>th</sup> May 2016 by gathering almost 250 influenced corporate individuals in various sectors.

The conference was held at The Grand Hyatt, Kuala Lumpur which also been attended by YB Minister of Youth and Sports which is the main speaker in this conference.

He shared a very great depth about the opportunities that can be translated by the corporate members and also by making it as a sports platform as a new medium for their marketing product and services.

YB Minister of Youth and Sports also emphasised the inspiration to make Malaysia as a sports country, when sport is the healthy culture which everyone should practice it in every levels. Other than that, he also shared some statistics regarding the sponsorship market in United States around the year of 2013 until 2016.

yang diamalkan di setiap peringkat masyarakat. Selain itu, beliau turut berkongsi beberapa statistik mengenai pasaran penajaan di Amerika Syarikat sekitar tahun 2013 hingga 2016.

Persidangan ini juga turut mengetengahkan beberapa individu daripada pihak korporat untuk berkongsi pengalaman dan strategi bagi mengukuhkan lagi potensi pemasaran melalui kerjasama yang dijalankan dengan entiti sukan tertentu.

Berdasarkan kepada penganjuran persidangan tersebut didapati bahawa beberapa syarikat korporat telah mula melibatkan diri dalam penajaan untuk beberapa program MSN seperti Junior Cycling Malaysia (JCM), Program Pembangunan Bolasepak Negara (PPBN) dan Anugerah Sukan Negara (ASN). Diantara syarikat korporat yang telah memberi tajaan adalah Telekom Malaysia, Yayasan Sime Darby, Khazanah Nasional dan Adidas.

Secara dasarnya, melalui penganjuran Persidangan Sports Pitch 2016 ini telah menjadi titik permulaan kepada pendekatan baharu dalam penjanaan ekonomi melalui sektor sukan dan lebih daripada itu kesedaran akan kepentingan pembinaan negara bersukan dapat dizahirkan kepada pihak berkepentingan.

The conference also emphasising a few individuals from the corporate members to share their experiences and strategies in order to strengthen the potential of marketing through the cooperation with certain sports entities.

Based on the organisations of the conference, it is shown that there is a few corporate companies started to get involved in sponsoring some of the MSN programmes such as Junior Cycling Malaysia (JCM), National Football Development Programme (PPBN) and National Sports Award (ASN). Among the corporate companies which have given their sponsorship are Telekom Malaysia, Sime Darby Foundation and Khazanah Nasional and Adidas.

Basically, through the organisation of 2016 Sports Pitch Conference, it has become a starting point towards a new approach in the economic growth through the sports sector and moreover, the awareness regarding the importance of developing a sports country has to be exploited to the stakeholders.







SAUVA

# KEMUDAHAN SUKAN SPORTS FACILITIES

MAJLIS SUKAN NEGARA  
MALAYSIA

MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA  
جامعة الملاهي

## NAIKTARAF CASA 1, 2, 3 dan 4

Majlis Sukan Negara Malaysia mempunyai 3 bangunan penginapan yang telah lama dibina iaitu Casa 1, Casa 2 dan Casa 3 yang didiami oleh atlet-atlet negara. Memandangkan bilangan atlet yang semakin bertambah, pihak Majlis telah menaiktaraf ketiga-tiga casa tersebut bagi tujuan keselesaan atlet ketika menginap di asrama termasuk membina asrama baharu iaitu Casa 4.

kerja-kerja naiktaraf ini melibatkan tambahan dan perubahan kepada blok-blok atlet yang sedia ada seperti berikut:

- a. Casa 1 setinggi lapan (8) tingkat
- b. Casa 2 setinggi tiga (3) tingkat
- c. Casa 3 setinggi empat (4) tingkat
- d. Casa 4 setinggi empat belas (14) tingkat
- e. Bangunan Pentadbiran setinggi enam (6) tingkat

kerja-kerja naiktaraf Casa 1, Casa 2 dan Casa 3 ini mengambil masa selama 12 bulan bermula pada 1 Ogos 2016 dan dijangka siap pada 31 Julai 2017. Casa 4 pula dijangka siap pada Februari 2018.

## NAIKTARAF KEMUDAHAN DI PUSAT LATIHAN PERAHU LAYAR KEBANGSAAN LANGKAWI, KEDAH

Pusat Latihan Perahu Layar Kebangsaan Langkawi, Kedah telah dikenalpasti sebagai venue Sukan SEA 2017 bagi Sukan Pelayaran. Naiktaraf pusat ini adalah persediaan bagi menghadapi Temasya Sukan SEA 2017 yang dijadualkan bakal berlangsung pada Ogos 2017. Kerja-kerja naiktaraf ini mengambil masa selama 9 bulan bermula pada 30 Ogos 2016 dan dijangka siap pada 29 Mei 2017.

## VENUE-VENUE MAJLIS

Majlis Sukan Negara Malaysia juga bertanggungjawab mengurus dan menyelenggara sebanyak 11 venue seperti berikut:

- Kompleks MSN Bukit Jalil, Kuala Lumpur
- Kompleks MSN Taman Keramat, Kuala Lumpur
- Pusat Kecemerlangan Paralimpik Kg Pandan, Kuala Lumpur
- Kompleks MSN Saujana Asahan, Melaka
- Kompleks MSN Pagoh, Johor
- Kompleks MSN Kuala Rompin, Pahang
- Kompleks MSN Dungun, Terengganu
- Pusat Latihan Perahu Layar Kebangsaan Langkawi (MSN), Kedah
- Akademi Serantau Pulau Pinang
- Pusat Latihan Serantau, Perak (Berbasikal)
- Pusat Latihan Serantau, Kota Bharu (Angkat Berat)

## UPGRADING CASA 1, 2, 3 AND 4

National Sports Council has 3 accommodation buildings which has been built long ago. It is Casa 1, Casa 2 and Casa 3 which are accommodated by the national athletes. Due to the increase of the amount of athletes, the Council has upgraded all of the casa in order to improve the comfort for the athletes when they accommodate at the hostel including building a new hostel which is Casa 4.

The upgrading works involving the addition and transformation to the existing athlete's block are as follows:

- a. Casa 1 with a total of 8 floors
- b. Casa 2 with a total of 3 floors
- c. Casa 3 with a total of 4 floors
- d. Casa 4 with a total of 14 floors
- e. Administration Building with a total of 6 floors

The time taken in upgrading works of Casa 1, Casa 2 and Casa 3 around 12 months which started from 1<sup>st</sup> August 2016 and expected to finish on 31<sup>st</sup> July 2017. Casa 4 is expected to be done on February 2018.

## UPGRADING THE FACILITIES AT NATIONAL YACHT TRAINING CENTRE, LANGKAWI KEDAH

The National Yacht Training Centre Langkawi, Kedah has been identified as the venue of SEA Games 2017 for sailing games. In order to prepare for the SEA Games 2017 which expected to take part here on August 2017, this centre has to be upgraded. The time taken in upgrading works around 9 months which started from 30<sup>th</sup> August 2016 and expected to finish on 29<sup>th</sup> May 2017.

## THE COUNCIL'S VENUES

Malaysia's National Sports Council also responsible to manage and maintain a total of 11 venues as follows:


- MSN Bukit Jalil Complex, Kuala Lumpur
- MSN Taman Keramat Complex, Kuala Lumpur
- Centre of Paralympic Excellence Kg Pandan, Kuala Lumpur
- MSN Saujana Asahan Complex, Melaka
- MSN Pagoh Complex, Johor
- MSN Kuala Rompin Complex, Pahang
- MSN Dungun Complex, Terengganu
- The National Yacht Training Centre Langkawi, Kedah
- Regional Academy Pulau Pinang
- Regional Training Centre, Perak (Cycling)
- Regional Training Centre, Kota Bharu (Powerlifting)

Venue-venue yang sedia ada adalah bagi memenuhi keperluan program atlet yang dirancang oleh Majlis Sukan Negara Malaysia. Venue-venue ini bukan sahaja menjadi pusat latihan tetapi turut digunakan bagi tujuan pertandingan dan kejohanan sukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.


Selain itu, kemudahan sukan yang terdapat di venue-venue juga turut disewa kepada orang awam sebagai hasil tambahan Majlis Sukan Negara Malaysia. Berikut adalah carta bilangan penggunaan venue mengikut statistik di 8 buah venue Majlis Sukan Negara Malaysia yang terpilih.

The existing venues in order to fulfil the need for the athlete's programme as suggested by Malaysia's National Sports Council. The venues are not only to be the training centre, it is also to be used as for the purposes of competition and sports championships in national and international level.

Other than that, the sports facilities which already at the venues being rented to the public as an addition for National Sports Council. The following is the chart representing the amount of the venue used based on the statistics at 8 chosen National Sports Council's venues.







# PENYATA KEWANGAN 2016

## 2016 FINANCIAL STATEMENT



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat Berteguran**

Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada Penyata Kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 26.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Sukan Negara Malaysia pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

**Asas Kepada Pendapat Berteguran**

i. **Perbelanjaan bagi Program Pembangunan Bola Sepak Negara**

Saya tidak dapat mengesahkan ketepatan bagi perbelanjaan di bawah Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) disebabkan oleh jenis urus niaga yang dilakukan secara tunai yang tidak disokong oleh dokumen yang lengkap. Kaedah perbelanjaan pendahuluan secara tunai tambahan pula perbelanjaan ini tidak disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab bahawa perkhidmatan telah diberikan untuk membuktikan perbelanjaan yang ditanggung adalah benar mendedahkan MSN kepada risiko berlakunya fraud. Jumlah perbelanjaan yang terlibat untuk PPBN bagi tahun 2016 adalah sejumlah RM18 juta. Perlantikan Syarikat Pengurusan bagi Program Pembangunan Bola Sepak ini juga tidak melalui proses perolehan dan polisi kewangan yang telah ditetapkan.

## **ii. Pendahuluan Belum Diselaraskan/Diselesaikan**

Setakat 31 Disember 2016, pihak Audit mendapati sejumlah RM4.04 juta pendahuluan yang diberikan dalam tempoh April sehingga Disember 2016 masih belum diselaraskan/diselesaikan dan telah melebihi tempoh yang ditetapkan. Sebahagian besar jumlah ini adalah perbelanjaan yang masih belum dicajkan kepada perbelanjaan tahun 2016. Ini menyebabkan keuntungan pada tahun tersebut telah terlebih nyata. Terdapat beberapa penerima pendahuluan yang merekodkan pendahuluan tertunggak yang tinggi dan kesemua mereka adalah pegawai kontrak MSN.

## **iii. Baki Lejar Aset Tidak Sama Dengan Daftar Aset**

Terdapat perbezaan di antara baki pada Lejar Aset dan Daftar Aset yang berjumlah RM3.6 juta menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan kewujudan, kesempurnaan dan ketepatan aset tersebut.

## **iv. Ketidakpatuhan kepada Polisi Kewangan – RM11.09 juta**

Berdasarkan keanggotaan Lembaga Pengurus Majlis, operasi MSN adalah terdedah kepada isu tadbir urus di mana berlaku ketidakpatuhan kepada polisi kewangan. Ini disebabkan terdapat pelbagai arahan yang diterima daripada Kementerian Belia dan Sukan untuk membuat bayaran kepada pelbagai organisasi untuk aktiviti/program KBS tanpa dokumen sokongan yang mencukupi sejumlah RM5.84 juta. Selain itu, terdapat Dana Program KBS yang disalurkan kepada Majlis Sukan Negara berjumlah RM5.25 juta.

## **v. Kelemahan Kawalan Dalaman**

Terdapat kelemahan dalam kawalan dalaman proses gaji di mana hanya seorang pegawai yang melaksanakan tugas pengemaskinian data induk untuk gaji dan pemprosesan gaji bulanan. Selain itu, terdapat perbelanjaan di mana Pesanan Jabatan dibuat selepas sesuatu kejohanan atau kerja/bekalan berlangsung bagi program Kejohanan Supermokh berjumlah RM197,120, Program TV Planet Bola berjumlah RM475,200 serta Majlis 1 Year Countdown berjumlah RM288,343. Terdapat juga isu di mana kelulusan pertambahan kos hanya diperoleh selepas pembelian aset atau pembayaran perkhidmatan dilakukan iaitu bagi pembelian Jentera Kubota berjumlah RM172,613 dan perkhidmatan naik taraf tandas di ASZU Pulau Pinang berjumlah RM260,000.

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Sukan Negara Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Majlis Sukan Negara Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Sukan Negara Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan Penyata Kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara Malaysia, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Sukan Negara Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Sukan Negara Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.


#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta

untuk disimpan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

#### Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 4 (a) kepada Penyata Kewangan, Majlis Sukan Negara Malaysia telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)* mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam Penyata Kewangan ini, termasuk Lembaran Imbangan Majlis Sukan Negara Malaysia pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(YBHG. TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA

30 Ogos 2017



**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA****PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Kami, **BRIG JEN KHAIRY JAMALUDDIN** dan **DATO' LOKMAN HAKIM BIN ALI** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah, **MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA** pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,




NAMA : BRIG JEN KHAIRY JAMALUDDIN

GELARAN : Pengurus  
Majlis Sukan Negara Malaysia

Tarikh : .. 22 · 08 · 2017 .....

Kuala Lumpur

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : DATO' LOKMAN HAKIM BIN ALI

GELARAN : Ahli Lembaga Pengarah  
Majlis Sukan Negara Malaysia

Tarikh : .. 22 · 08 · 2017 .....

Kuala Lumpur

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

**AKUAN BERKANUN**

Saya **DATO' AHMAD SHAPAWI ISMAIL** No. K/P **630928-10-7267** Alamat **MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA, KOMPLEKS SUKAN NEGARA, 57000 BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR** dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul.

Dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut didalamnya adalah benar, serta menurut Akta Berkanun 1960. Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut nama diatas iaitu:-

- SDA -

Di Putrajaya **PUTRAJAYA** .....  
WILAYAH PERSEKUTUAN  
Di **Negeri** .....

Pada 22 haribulan Ogos 2017)

Di hadapan saya,



  
**DATO' AHMAD SHAPAWI ISMAIL**

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**  
**LEMBARAN IMBANGAN**  
**PADA 31 DISEMBER 2016**

	<u>Nota</u>	2016 RM	2015 (Dinyatakan semula) RM	2015 (1.1.2015) RM
<b>ASET</b>				
<b>Aset Bukan Semasa</b>				
Hartanah, Iloji dan peralatan	5	341,073,627	347,549,670	350,819,924
Kerja Dalam Kemajuan	6	10,657,210	791,850	2,476,115
Pinjaman Kenderaan dan Komputer	7	1,146,905	-	-
		<b>352,877,742</b>	<b>348,341,520</b>	<b>353,296,039</b>
<b>Aset Semasa</b>				
Penghutang, Cagaran dan Pendahuluan	8	78,659,117	37,808,839	39,394,881
Pinjaman Kenderaan dan Komputer	7	22,599	986,067	1,094,029
Simpanan Tetap	9	85,918,048	2,664,710	14,940,321
Tunai dan Baki di Bank	10	11,699,820	2,311,574	3,858,972
		<b>176,299,584</b>	<b>43,771,190</b>	<b>59,288,203</b>
<b>Jumlah Aset</b>		<b>529,177,326</b>	<b>392,112,710</b>	<b>412,584,242</b>
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>				
Lebihan Pendapatan Terkumpul		158,053,146	156,164,773	168,494,623
Rezab Harta Modal		123,817	123,817	123,817
		<b>158,176,963</b>	<b>156,288,590</b>	<b>168,618,440</b>
<b>Liabiliti Jangka Panjang</b>				
Geran Pembangunan	12	230,385,257	205,391,777	204,056,662
Geran Pinjaman Kenderaan		1,500,000	1,500,000	1,500,000
Geran Pinjaman Komputer		500,000	500,000	500,000
		<b>232,385,257</b>	<b>207,391,777</b>	<b>206,056,662</b>
<b>Liabiliti Semasa</b>				
Pelbagai Pembiutan & Cagaran Diterima	11	33,902,553	15,742,852	11,971,197
Sumbangan Melalui Majlis	13	10,295,274	12,689,341	19,357,695
Sea Games 2017	14	93,900,251	-	-
Tabung Pembangunan Bola Sepak		-	-	6,146,309
Le Tour De Langkawi		-	-	433,939
Wang Jaminan Perlaksanaan	15	462,830	-	-
Hasil Terdahulu		150	150	-
GST (output tax)		54,048	-	-
		<b>138,615,106</b>	<b>28,432,343</b>	<b>37,909,140</b>
<b>Jumlah ekuiti dan liabiliti</b>		<b>529,177,326</b>	<b>392,112,710</b>	<b>412,584,242</b>

Nota-nota yang dibentangkan adalah sebahagian asasi penyata ini.

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**  
**PENYATA PENDAPATAN KOMPRENHENSIF**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	NOTA	2016 RM	2015 RM
<b>PENDAPATAN</b>	16	216,426,193	171,311,741
<b><u>PERBELANJAAN</u></b>			
Emolumen	17	11,238,636	11,522,702
Belanja Pentadbiran		43,329,334	38,836,366
Belanja Kewangan		15,089,266	12,456,886
Belanja Skim Insentif Atlet (SHAKAM)		14,380,032	4,679,422
Program Penyediaan Atlet		91,805,592	84,736,528
Pembangunan Majlis Sukan Negeri		15,426,398	9,144,234
Skim Jawatan Kumpulan Ahli Sukan		2,298,321	2,650,181
Program Pentadbiran Sukan		20,970,241	25,053,182
		<hr/> <u>214,537,820</u>	<hr/> <u>189,079,501</u>
<b>Lebihan/(Kurangan) Pendapatan</b>		<hr/> <b><u>1,888,373</u></b>	<hr/> <b><u>(17,767,760)</u></b>

Nota-nota yang dibentangkan adalah sebahagian asasi penyata ini.

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA  
PENYATA PERUBAHAN EKUTI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

<u>Nota</u>	Lebihan Terkumpul	Rezab Harta Modal	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan/ Komputer	Jumlah
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Pada 1 Januari 2016:					
Lebihan/(Kurangan) untuk tahun semasa	156,164,773	123,817	-	-	156,288,590
Kumpulan Wang Naiktaraf Venue Sukan SEA/Para ASEAN 2017	1,888,373	-	-	-	1,888,373
Baki 31 Disember 2016	<b>158,053,146</b>	<b>123,817</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>158,176,963</b>
<hr/>					
Pada 1 Januari 2015:					
Peralihan ke MPERS:					
Peralihan dari ekuiti ke liabiliti	21.1 (5,437,910)	-	(204,056,662)	(2,000,000)	(211,494,572)
Baki 1 Januari 2015 (dinyatakan semula)	168,494,623	123,817	-	-	168,618,440
<hr/>					
(Kurangan) untuk tahun					
Kumpulan Wang Naiktaraf Kompleks MSN	(17,767,760)	-	(5,004,885)	-	(22,772,645)
Kumpulan Wang Naiktaraf Venue Sukan SEA/Para ASEAN 2017	-	-	3,520,000	-	3,520,000
Peralihan ke MPERS	-	-	2,820,000	-	2,820,000
Baki 31 Disember 2015	21.2 5,437,910	-	(1,335,115)	-	4,102,795
<hr/>					
	<b>156,164,773</b>	<b>123,817</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>156,288,590</b>

Pada 1 Januari 2016:  
Lebihan/(Kurangan) untuk tahun semasa  
Kumpulan Wang Naiktaraf Venue Sukan SEA/Para ASEAN 2017  
Baki 31 Disember 2016

Pada 1 Januari 2015:  
Peralihan ke MPERS:  
Peralihan dari ekuiti ke liabiliti  
Baki 1 Januari 2015 (dinyatakan semula)

(Kurangan) untuk tahun  
Kumpulan Wang Naiktaraf Kompleks MSN  
Kumpulan Wang Naiktaraf Venue Sukan SEA/Para ASEAN 2017  
Peralihan ke MPERS  
Baki 31 Disember 2015

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	<u>Nota</u>	2016 RM	2015 RM
<b>Aliran tunai dari aktiviti operasi :</b>			
Lebihan/(kurangan) pendapatan dari perbelanjaan		1,888,373	(17,767,760)
Pelarasan untuk :			
Hutang rugu		-	12,160
Susut nilai		10,884,883	11,518,863
Faedah diterima dari simpanan dan pinjaman kenderaan & komputer		(315,569)	(304,157)
Kerugian atas pelupusan harta tetap		6	-
Keuntungan atas harta tanah, loji dan peralatan		(15,075)	-
Pelunasan Geran Pembangunan		<u>(5,006,520)</u>	<u>(5,004,885)</u>
Pendapatan dari aktiviti operasi sebelum perubahan kepada modal kerja		7,436,098	(11,545,779)
(Penambahan)/Pengurangan kerja dalam kemajuan		(9,865,360)	1,684,264
(Penambahan) pinjaman kenderaan/komputer		(183,437)	-
(Penambahan)/Pengurangan penghutang		(40,850,278)	1,681,843
Penambahan/(Pengurangan) pembiutang	13,14	<u>110,182,763</u>	<u>(4,038,887)</u>
Tunai dari aktiviti operasi		66,719,786	(12,218,559)
<b>Tunai bersih dari aktiviti operasi</b>		<u>66,719,786</u>	<u>(12,218,559)</u>
<b>Aliran tunai dari aktiviti pelaburan :</b>			
Faedah diterima dari simpanan dan pinjaman kenderaan & komputer		315,569	304,157
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan		(4,408,847)	(8,248,607)
Jualan harta tanah, loji dan peralatan		15,076	-
<b>Tunai bersih digunakan oleh aktiviti pelaburan</b>		<u>(4,078,202)</u>	<u>(7,944,450)</u>
<b>Aliran tunai dari aktiviti kewangan :</b>			
Geran Kerajaan Malaysia untuk pembangunan		30,000,000	6,340,000
Tunai dari aktiviti kewangan		30,000,000	6,340,000
Kurangan bersih tunai dan kesetaraan tunai		92,641,584	(13,823,009)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari		4,976,284	18,799,293
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember		<u>97,617,868</u>	<u>4,976,284</u>
<b>Tunai dan kesetaraan tunai:</b>			
Simpanan tetap		85,918,048	2,664,710
Tunai dan baki di bank		11,699,820	2,311,574
		<u>97,617,868</u>	<u>4,976,284</u>

Nota-nota yang dibentangkan adalah sebahagian asasi penyata ini.

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA  
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**1. MAJLIS DAN KEGIATAN-KEGIATANNYA**

MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA (Majlis) ditubuhkan pada tahun 1972 di bawah Akta Majlis Sukan Negara Malaysia, 1971. Objektif utamanya adalah bertanggungjawab dari segi perancangan, pembangunan dan penggalakan sukan keseluruhannya di negara ini.

Tugas utama ialah untuk bekerjasama dengan Kementerian Belia Dan Sukan dalam menyelaras, memperbaiki dan meningkatkan taraf sukan negara. Bagi tahun kewangan ini, tidak terdapat pertukaran-pertukaran yang penting dalam objektif-objektif dan aktiviti-aktiviti utama Majlis.

**2. KELULUSAN LEMBAGA PENGURUS MAJLIS SUKAN NEGARA (MSN)**

Penyata Kewangan Majlis bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 telah diluluskan oleh Lembaga Pengurus Majlis pada 23 Ogos 2017.

**3. INSTRUMEN KEWANGAN**

**Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan**

Objektif pengurusan risiko kewangan Majlis adalah bertujuan memastikan Majlis menerbitkan nilai dan memaksimumkan ganjaran kepada Majlis. Polisi pengurusan risiko kewangan Majlis bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi-operasi dengan lancar. Pihak Majlis membayai operasi-operasinya dengan sumbangan korporat, dana dalaman dan dana Kerajaan. Oleh itu, Majlis tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank.

**a. Risiko kredit**

Risiko kredit bagi peniaga yang gagal melaksanakan kerja mengikut kontrak yang dikawal dengan menggunakan had kredit dan prosedur memantau yang berterusan.

**b. Risiko mudah tunai**

Pihak Majlis mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang hemat untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan bersamaan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**c. Nilai saksama**

Nilai dibawa tunai dan bersamaan tunai, pelbagai dan lain-lain belum terima, pelbagai dan lain-lain belum bayar menghampiri nilai saksama kerana sifat instrumen kewangan yang jangka pendek.

**4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING**

**a. Asas Perakaunan**

Penyata kewangan Majlis telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi Piawaian pelaporan bagi Entiti Persendirian Malaysia (*Malaysian Private Entities Reporting Standard - MPERS*).

Kesan kewangan kepada peralihan ini dipersembahkan pada nota 21.

**b. Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut nilai**

Hartanah, loji dan peralatan disusut nilai mengikut kaedah garis lurus di sepanjang jangka hayat penggunaan harta tersebut. Ia dinyatakan pada kos sejarah setelah ditolak susut nilai dan kerugian kemerosotan nilai aset. Kadar susut nilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut :-

i)	Bangunan (termasuk gelanggang)	- 2%
ii)	Lengkapan	- 20%
iii)	Komputer	- 25%
iv)	Kenderaan	- 20%
v)	Ubahsuai	- 20%

Susut nilai bagi tanah pajakan adalah dikira mengikut tahun pajakan tanah tersebut iaitu selama 99 tahun.

Semua perolehan harta yang bernilai RM2,000 dan keatas bagi setiap unit adalah dikira sebagai Harta Modal. Aset Alih bernilai rendah adalah kurang daripada RM2,000. Peralatan seperti perabot, hamparan, hiasan, langsir dan pinggan manguk tanpa mengira harga perolehan asal adalah dikira sebagai aset bernilai rendah.

**c. Kemerosotan Nilai Aset**

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh lembaran imbangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda kemerosotan. Jika wujud tanda-tanda demikian, nilai aset dijangka dapat diperoleh dianggarkan. Nilai dijangka dapat diperoleh merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka yang didiskaunkan.

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA  
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**c. Kemerosotan Nilai Aset (sambungan)**

Kerugian kemerosotan dicajkan terus kepada Penyata Pendapatan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperoleh diiktiraf sebagai pembalikan kepada kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktiraf setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susut nilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktiraf sebelum ini.

**d. Tunai dan Tunai Di Bank**

Tunai merangkumi wang tunai di tangan dan di bank. Pihak Majlis telah menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan penyata aliran tunai.

**e. Pengiktirafan Pendapatan**

**i. Faedah Simpanan Tetap dan Faedah Atas Pinjaman**

Faedah simpanan tetap dan faedah atas pinjaman diiktiraf mengikut asas akruan.

**ii. Sumbangan Sports Toto**

Hasil pendapatan adalah diambil kira secara progresif selama bertahun tahun. Sports Toto memberikan sumbangan tahunan sebanyak 10% daripada keuntungan sebelum cukai syarikat itu bagi satu-satu tahun kepada Majlis.

**iii. Bantuan Kerajaan**

Pendapatan yang diterima daripada Kerajaan untuk pembiayaan belanja operasi diakaunkan dalam Penyata Pendapatan pada tahun ia diterima. Pemberian daripada Kerajaan bagi maksud pembangunan yang berbentuk modal diakaunkan sebagai Geran Tertunda dalam Kumpulan Wang Pembangunan dan akan dilunaskan mengikut belanja susut nilai harta.

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA  
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**f. Manfaat Pekerja**

**i. Faedah Persaraan**

Pihak Majlis memperuntukkan faedah persaraan tidak berdana kepada kakitangan yang layak berdasarkan sesuatu peratus atas gaji kasar. Caruman yang diambil kira di dalam Penyata Pendapatan tahunan merujuk kepada caruman yang terhutang kepada kakitangan yang layak untuk tahun tersebut.

**ii. Faedah Jangka Pendek**

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Majlis. Ketidakhadiran terimbuh terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka bagi ketidakhadiran terimbuh masa depan dan apabila berlakunya ketidakhadiran itu.

**iii. Faedah Jangka Panjang**

Manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif tahun kewangan semasa sebagai Perbelanjaan Manfaat Pekerja dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis yang diiktiraf secara akruan adalah bagi bayaran gantian cuti rehat untuk tempoh melebihi setahun dan bayaran pampasan pekerja kontrak yang akan tamat melebihi tempoh setahun. Gantian cuti rehat yang diambil kira ialah untuk pekerja yang telah mencapai umur maksimum 60 tahun dengan andaian seseorang pekerja akan mengumpulkan cuti tahunannya sebanyak 15 hari setahun sehingga mencapai maksima 150 hari semasa ianya bersara tertakluk kepada pilihan opsyen.

**g. Caruman Wajib**

Majlis membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan seperti yang ditanggung.

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA  
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**h. Hutang Ragu dan Hutang Lapuk**

Hutang-hutang lapuk dimansuhkan apabila iaanya diiktiraf sebagai tidak boleh dikutip. Peruntukan juga dibuat bagi hutang-hutang tertentu yang lama tidak berbayar yang mana kutipannya adalah meragukan.

**i. Sumbangan Kewangan**

Bermula dari tahun 1988, sumbangan yang diterima dari Kerajaan Persekutuan dan sumber-sumber lain bagi pembelian dan pembangunan harta-harta jangka panjang tertentu akan dipermodalkan didalam kumpulanwang-kumpulanwang tertentu.

**j. Mempermodalkan Sebagai Aset Bagi Kerja Dalam Kemajuan**

Kesemua projek di bawah Majlis yang telah mendapat Sijil Perakuan Siap (CPC), dianggap sebagai projek yang telah siap dan boleh dipermodalkan menjadi aset. Nilai susut nilai aset tersebut diambilkira mulai tarikh CPC dikeluarkan bagi projek tersebut.

**k. Keuntungan Daripada Pinjaman Kenderaan dan Komputer**

Hasil keuntungan daripada pinjaman kenderaan dan pinjaman komputer dikira berdasarkan baki pokok pinjaman setiap bulan.

**l. Aset Kewangan**

Aset kewangan diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak berkepentingan dalam kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama.

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA  
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**I. Aset Kewangan (bersambung)**

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan ekuiti diukur pada kos ditolak rosot nilai.

**i. Aset Kewangan terdiri daripada penghutang pinjaman komputer dan kenderaan merupakan Instrumen Hutang yang Diukur pada Kos Dilunaskan**

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif digunakan untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dengan memperuntukkan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kaedah ini adalah kadar diskauan ke atas anggaran penerimaan tunai masa depan yang disesuaikan berasaskan jangka hayat aset kewangan, yang mana lebih singkat dengan amaun bawaan aset kewangan.

**ii. Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosot Nilai**

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan dimana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut jika dilaksanakan akan meyebabkan penghantaran instrumen tersebut diukur pada kos ditolak rosot nilai.

**iii. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan**

Nilai bawaan aset akan dikaji untuk rosot nilai apabila terdapat petunjuk bahawa keadaan rosot nilai mungkin berlaku. Rosot nilai diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan amaun yang boleh diperolehi. Apabila amaun bawaan aset melebihi amaun boleh diperoleh, aset tersebut akan dikurangkan kepada amaun boleh diperoleh dan kerugian rosot nilai akan diiktiraf. Amaun boleh diperoleh aset tersebut adalah amaun yang lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos untuk menjual dan nilai boleh guna yang diukur dengan merujuk kepada aliran tunai masa depan terdiskaun. Jumlah yang boleh diperoleh adalah dianggarkan untuk aset individu, atau bagi unit penjanaan tunai.

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA  
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Kerugian daripada rosot nilai dicaj kepada keuntungan atau kerugian dengan serta-merta, melainkan aset dibawa pada amaun yang dinilai semula. Sebarang kerugian rosot nilai bagi aset yang dinilai semula diambil kira sebagai pengurangan penilaian semula sehingga ke tahap lebihan penilaian semula yang diiktiraf terdahulu bagi aset yang sama. Peningkatan selanjutnya dalam amaun boleh diperolehi semula aset dianggap sebagai keterbalikan kerugian rosot nilai terdahulu dan diiktiraf sehingga ke tahap amaun bawaan aset tersebut yang sepatutnya ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susut nilai) jika ada kerugian rosot nilai diiktiraf.

- iv. Penerbalikan amaun penilaian semula diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta-merta, melainkan aset dibawa pada amaun penilaian semula. Pembalikan kerugian rosot nilai pada aset yang dinilai semula dikreditkan secara langsung ke rizab penilaian semula. Walau bagaimanapun, penerbalikan kerugian rosot nilai akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam keuntungan atau kerugian. Setakat kerugian rosot nilai atas aset penilaian semula yang sama dimana sebelum ini akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi.

**v. Penyahiktirafan Aset Kewangan**

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunakan rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunakan rangka kerja MPERS. Jika sesuatu aset kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah MPERS, maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

**m. Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan simpanan tetap di dalam institusi kewangan.

**n. Liabiliti Kewangan.**

**i. Liabiliti Kewangan**

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan.

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosot nilai.

**ii. Liabiliti Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian**

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaan kos ini ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti bagi nilai saksama boleh didapati.

**iii. Liabiliti Kewangan Diukur pada Kos Dilunaskan**

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaan bawaan liabiliti kewangan.

**iv. Komitmen Pinjaman Diukur pada Kos Ditolak Rosot Nilai**

Komitmen berkaitan pinjaman sewa beli yang memenuhi syarat-syarat Seksyen 11 MPERS diukur pada kos ditolak rosot nilai.

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA  
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**v. Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan**

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunakanapakai rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunakanapakai rangka kerja MPERS. Jika sesuatu liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf dibawah MPERS, maka Majlis memilih untuk mengiktiraf liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**5 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

**2016**

**KOS**

	<b>Bangunan</b> <b>RM</b>	<b>Ubahsuai Pejabat</b> <b>RM</b>	<b>Alat Kelengkapan</b> <b>RM</b>	<b>Gelanggang- Gelanggang</b> <b>RM</b>	<b>Kenderaan Bermotor</b> <b>RM</b>	<b>Tanah Pegangan Pajak</b> <b>RM</b>	<b>Tanah Pegangan Bebas</b> <b>RM</b>	<b>Jumlah</b> <b>RM</b>
						<b>Pajak</b> <b>RM</b>	<b>Bebas</b> <b>RM</b>	<b>Jumlah</b> <b>RM</b>
Pada 1 Januari 2016	433,419,938	11,218,229	15,885,113	2,377,358	7,555,438	4,882,266	442,473	475,780,815
Tambahan	1,426,886	746,806	1,538,549	-	696,607	-	-	4,408,848
Pindahan	-	-	(562,294)	-	-	-	-	(562,294)
Hapus Kira	-	-	-	-	(195,744)	-	-	(195,744)
Pada 31 Disember 2016	434,846,824	11,965,035	16,861,368	2,377,358	8,056,301	4,882,266	442,473	479,431,625

**SUSUT NILAI TERKUMPUL**

	<b>Bangunan</b> <b>RM</b>	<b>Ubahsuai Pejabat</b> <b>RM</b>	<b>Alat Kelengkapan</b> <b>RM</b>	<b>Gelanggang- Gelanggang</b> <b>RM</b>	<b>Kenderaan Bermotor</b> <b>RM</b>	<b>Tanah Pegangan Pajak</b> <b>RM</b>	<b>Tanah Pegangan Bebas</b> <b>RM</b>	<b>Jumlah</b> <b>RM</b>
						<b>Pajak</b> <b>RM</b>	<b>Bebas</b> <b>RM</b>	<b>Jumlah</b> <b>RM</b>
Pada 1 Januari 2016	97,611,523	10,410,186	13,043,419	1,692,266	4,897,328	576,423	-	128,231,145
Tambahan	8,659,782	375,161	943,044	23,866	833,719	49,311	-	10,884,883
Pindahan	-	-	(562,288)	-	-	-	-	(562,288)
Hapus Kira	-	-	-	-	(195,742)	-	-	(195,742)
Pada 31 Disember 2016	106,271,305	10,785,347	13,424,175	1,716,132	5,535,305	625,734	-	138,357,998
<b>NILAI BUKU BERSIH</b>	<b>328,575,519</b>	<b>1,179,688</b>	<b>3,437,193</b>	<b>661,226</b>	<b>2,520,996</b>	<b>4,256,532</b>	<b>442,473</b>	<b>341,073,627</b>

Jumlah kos aset yang telah disusut nilai sepenuhnya dan aset masih digunakan adalah seperti berikut:-

	<b>2016</b> <b>RM</b>	<b>2015</b> <b>RM</b>
Ubahsuai Pejabat	8,637,937	9,297,533
Alat Lengkap	9,503,293	11,160,958
Kenderaan	3,613,512	3,370,008
	<b>21,754,742</b>	<b>23,828,499</b>

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**5 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN****2015****KOS**

	Bangunan	Ubahsuai Pejabat	Alat Kelengkapan	Gelanggang-Gelanggang	Kenderaan Bermotor	Tanah Pegangan Pajak	Tanah Pegangan Bebas	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2015	429,061,937	11,218,229	14,102,009	2,377,358	5,580,414 (132,478)	4,882,266	442,473	467,664,686 (132,478)
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki dinyatakan semula	429,061,937	11,218,229	14,102,009	2,377,358	5,447,936	4,882,266	442,473	467,532,208
Tambahan	4,358,001	-	1,783,104	-	2,107,502	-	-	8,248,607
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-	-
Hapus Kira	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2015	433,419,938	11,218,229	15,885,113	2,377,358	7,555,438	4,882,266	442,473	475,780,815

**SUSUT NILAI TERKUMPUL**

	Bangunan	Ubahsuai Pejabat	Alat Kelengkapan	Gelanggang-Gelanggang	Kenderaan Bermotor	Tanah Pegangan Pajak	Tanah Pegangan Bebas	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2015	88,953,246	9,754,008	11,829,972	1,668,363	4,112,061 (132,478)	527,112	-	116,844,762 (132,478)
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki dinyatakan semula	88,953,246	9,754,008	11,829,972	1,668,363	3,979,583	527,112	-	116,712,284
Tambahan	8,658,277	656,178	1,213,447	23,903	917,745	49,311	-	11,518,861
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-	-
Hapus Kira	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2015	97,611,523	10,410,186	13,043,419	1,692,266	4,897,328	576,423	-	128,231,145
<b>NILAI BUKU BERSIH</b>	<b>335,808,415</b>	<b>808,043</b>	<b>2,841,694</b>	<b>685,092</b>	<b>2,658,110</b>	<b>4,305,843</b>	<b>442,473</b>	<b>347,549,670</b>

Jumlah kos aset yang telah disusut nilai sepenuhnya dan aset masih digunakan adalah seperti berikut:-

	2015	2014
	RM	RM
Ubahsuai Pejabat	9,297,533	6,348,808
Alat Lengkap	11,160,958	10,155,977
Kenderaan	3,370,008	2,689,311
	<b>23,828,499</b>	<b>19,194,096</b>

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA  
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)**

Termasuk dalam harta tanah, loji dan peralatan Majlis, adalah sebidang tanah pajakan selama 99 tahun yang diterima percuma daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan rekreasi dan pembinaan kompleks sukan. Kos tanah tersebut yang bernilai RM272,000 diakaunkan mengikut nilai yang diberikan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berdasarkan cukai yang dikenakan.

Termasuk dalam harta tanah, loji dan peralatan ialah tanah pegangan bebas yang bernilai RM 442,773 iaitu Tanah Sungai Baru Melaka.

Susut nilai tidak diperuntukkan ke atas tanah milik bebas. Harta tanah, loji dan peralatan yang dibeli akan diambil kira sebagai aset tetap apabila perbelanjaan telah dibuat.

Setiap unit harta tanah, loji dan peralatan yang memenuhi kriteria-kriteria harta tanah, loji dan peralatan dari segi kos dan usia guna melebihi satu tahun akan diambil kira sebagai aset tetap. Harta tanah, loji dan peralatan yang tidak memenuhi kriteria-kriteria harta tanah, loji dan peralatan akan diambil kira sebagai perbelanjaan tahun kewangan semasa.

Susut nilai bagi harta tanah, loji dan peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran usia guna harta tanah, loji dan peralatan. Susut nilai dikira secara bulanan dalam tahun perolehan atau pembelian.

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, hayat berguna atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susut nilai dan hayat berguna aset yang boleh disusut nilai disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Apabila loji dan peralatan dilupuskan, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai bawaan bersih dicaj atau dikreditkan ke penyata pendapatan, dan lebihan penilaian semula dibawa terus ke keuntungan terkumpul.

Aset hadiah yang diterima pada tahun semasa dan memberi manfaat lebih dari satu tahun kewangan, kos perlu diukur dengan merujuk kepada nilai saksama aset dan disusut nilaikan mengikut kadar susut nilai tahunan harta tanah, loji dan peralatan yang telah ditetapkan.

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**6. Kerja dalam kemajuan**

	<u>Nota</u>	2016 RM	2015 RM
Naiktaraf MSN (Casa 4)		791,851	791,851
Naiktaraf MSN (Bangunan)		5,402,667	-
Naiktaraf Prasarana Sukan Sea 2017		4,462,692	-
		<u>10,657,210</u>	<u>791,851</u>

**7. Pinjaman Kenderaan dan Komputer**

	2016 RM	2015 RM
<b>Bukan Semasa</b>		
Pinjaman kenderaan	901,597	-
Pinjaman komputer	<u>245,308</u>	-
	<u>1,146,905</u>	-
<b>Semasa</b>		
Pinjaman kenderaan	7,093	751,327
Pinjaman komputer	<u>15,506</u>	<u>234,740</u>
	<u>22,599</u>	<u>986,067</u>
7.1	<u>1,169,504</u>	<u>986,067</u>

7.1 Kedua-dua pinjaman diberikan kepada kakitangan tetap tertakluk kepada faedah 4% setahun (2015:4% setahun) ke atas baki berkurangan.

**8. Penghutang, cagaran dan pendahuluan**

	2016 RM	2015 RM
Penghutang	233,245	326,081
Hasil Terakru	59,204,288	30,708,115
Cagaran	93,446	51,349
Pendahuluan	8.1      19,172,815	6,905,487
Jumlah	<u>78,703,794</u>	<u>37,991,032</u>
Tolak : Peruntukan hutang ragu	<u>(44,677)</u>	<u>(182,193)</u>
	<u>78,659,117</u>	<u>37,808,839</u>

8.1 Pendahuluan yang diberikan kepada pegawai/anggota Majlis bagi tujuan menjalankan program program Majlis tidak dikenakan faedah ke atas jumlah amaun pendahuluan tersebut.

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**9 Simpanan Tetap**

	<u>Nota</u>	<b>2016</b> <b>RM</b>	<b>2015</b> <b>RM</b>
Simpanan tetap Majlis terdiri daripada:			
<b>Bank</b>			
Bank Rakyat (BTR)	9.1	611,054	591,140
Bank Rakyat (SR)	9.1	306,994	2,073,570
CIMB Islamic Bank (SP)	9.2	50,000,000	-
Affin Islamic Bank (SP)	9.2	15,000,000	-
Affin Islamic Bank (SP)	9.2	20,000,000	-
		85,918,048	2,664,710

- 9.1 Deposit tetap membawa faedah pada kadar iaitu 3.18 % sehingga 3.6% setahun (2015: 3.3% ke 3.9% setahun) dan mempunyai tempoh matang 93 hari.
- 9.2 Pegangan bagi simpanan tetap ini adalah bagi pihak MASOC dan penggunaan adalah bukan bukan di bawah kawalan Majlis. Tiada angka perbandingan simpanan tetap MASOC bagi tahun tahun 2015.

**10. Tunai dan baki di bank**

	<b>2016</b> <b>RM</b>	<b>2015</b> <b>RM</b>
Tunai di tangan	33,000	33,000
Tunai di bank	11,666,820	2,278,574
	11,699,820	2,311,574

**11. Pelbagai Pemiutang dan Cagaran Diterima**

	<b>2016</b> <b>RM</b>	<b>2015</b> <b>RM</b>
Pelbagai Pemiutang	32,982,463	14,843,449
Cagaran diterima	96,620	63,020
Penyelesaian Cek Batal	59,857	104,449
Lain-lain pemiutang	756,540	96,449
Belanja Terakru	6,473	629,905
Akaun Kontra Pendahuluan	600	-
Akaun Kontra Gaji	-	5,580
	33,902,553	15,742,852

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**12. Geran Pembangunan**

	<b>Baki 1/1/16</b>	<b>Terimaan</b>	<b>Pelunasan</b>	<b>Baki 31/12/16</b>
Kompleks Majlis Sukan Negara	81,847,838	-	(2,402,811)	79,445,027
Hostel II & Gim II	15,983,470	-	(400,286)	15,583,184
Kompleks Skuasy Bukit Jalil	17,474,516	-	(470,343)	17,004,173
Pusat Latihan Khas	36,123,427	-	(532,907)	35,590,520
Pusat Pertandingan Rakan Sukan	15,267,289	-	(229,910)	15,037,379
Stadium Jalan Raja Muda	8,948,781	-	(323,733)	8,625,048
Mini Stadium Tenis	4,743,123	-	(266,282)	4,476,841
Akademi Bolasepak Negara	18,663,333	-	(380,248)	18,283,085
Naiktaraf Kompleks MSNM	3,520,000	-	-	3,520,000
Naiktaraf Venue Sukan Seal Para Asean 2017	2,820,000	30,000,000	-	32,820,000
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>205,391,777</b>	<b>30,000,000</b>	<b>(5,006,520)</b>	<b>230,385,257</b>

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**13. Sumbangan Melalui Majlis**

	<u>Nota</u> <b>13.1</b>	<u>Baki 1/1/16</u>	<u>Terimaan</u>	<u>Pelarasan</u>	<u>Bayaran</u>	<u>Baki 31/12/16</u>
<b>i) Program-Program KBS</b>						
KBS (Pelbagai)	200,280	250,000		(450,280)	-	
Belia Akar Umbi	562,245	-		(443,820)	(118,425)	
Le Tour De Langkawi	233,928	1,520,000		(233,928)	(1,520,000)	
ESPN	3,563,957	-		(906,497)	(2,657,460)	
Tabung Industri Sukan	1,682,909	-		(1,682,909)		
Himpunan Sejuta Belia	132,216			(49,216)	(83,000)	
Program Malaysia Cergas-JBSN	1,660,007	393,140		(1,608,147)	(445,000)	
Jelajah Malaysia	34,353	-		(34,353)	-	
Hari Sukan Negara	445,000	90,000		(520,400)	(14,600)	
Sports Spin	-	3,000,000		-	(1,000,000)	2,000,000
<b>ii) Program-Program MSN</b>	<b>13.2</b>					
Insurans Ahli Sukan	2,989	179,000		-	(179,000)	
Tabung Kebajikan Atlet Negara	83,504	-		-	-	
Anugerah Sukan Negara	124,000	10,000		-	-	
Akaun Sukan Komانwel	360,626	-		-	-	
Buletin Jurulatih	57,346	-		-	-	
Buletin Sukan Malaysia	9,352	-		-	-	
SUKMA	134,813	-		-	-	
Hari Keluarga MSNM	53,739	-		-	-	
Konvensyen Sukan Kebangsaan	20,500	-		-	-	
Sports Golf	58,665	-		-	-	
Sukan Sea XXI	639,963	905,542		-	(373,518)	
Persatuan Golf Professional (PGA)	170,746	215,221		-	(255,357)	
NSC Cycling Team	-	700,000		-	(479,500)	220,500
<b>iii) Pegangan Amanah</b>	<b>13.3</b>					
Abdul Latif Romly	-	1,050,000		-	-	1,050,000
Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi	-	1,020,000		-	(9,110)	1,010,890
Muhammad Ziyad Zolkefli	-	1,050,000		-	(9,110)	1,040,890

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA  
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**13. Sumbangan Melalui Majlis (sambungan)**

		13.4						
<b>iv) Persatuan Sukan Kebangsaan</b>								
Persatuan Silat Cekak Malaysia		8,200	3,003	-	(11,003)	200		
Persatuan Pelajaran Malaysia		1,000,000	1,200,000	-	(2,200,000)	-		
Persatuan Bolasepak Angkatan Tentera		-	2,126,000	-	(2,120,000)	6,000		
<b>v) Persatuan Sukan Negeri</b>								
Persatuan Bolasepak Negeri Johor		1,000,008	21,420,000	-	(22,420,000)	-		
MSN Kelantan/Persatuan Bolasepak Kelantan		419,670	6,000,000	-	(6,000,000)	419,670		
Persatuan Bolasepak Perak/MSN Perak		-	7,809,103	-	(5,738,753)	2,070,350		
<b>vi) Pelbagai Individu dan Korporat</b>								
Zulkifli Yaakup		4,153	-	-	-	4,153		
Milo/MM/Interschool Golf Championship		844	-	-	-	844		
YYSC/Cemerlang Sukan Malaysia		8,568	-	-	-	8,568		
Pelbagai		16,760	8,997,730	-	(8,769,420)	245,070		
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>12,689,341</b>	<b>57,938,739</b>	<b>(5,929,549)</b>	<b>(54,403,257)</b>	<b>10,295,274</b>		

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

- 13.1 Majlis bertanggungjawab membayar sebahagian perbelanjaan KBS melalui peruntukan yang diberikan oleh KBS.
- 13.2 Perbelanjaan MSN yang menggunakan duit penajaan tetapi tiada bajet diperuntukkan untuk perbelanjaan tersebut.
- 13.3 Majlis menjadi pemegang amanah bagi wang hadiah kemenangan Sukan Paralimpik Rio 2016 bagi atlet-atlet paralimpik.
- 13.4 Majlis dipertanggungjawabkan untuk menerima penajaan bagi pihak persatuan atau pertubuhan sukan bagi tujuan pengecualian cukai di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan.

14. Sea Games 2017 (MASOC)	Nota	RM
Baki pada 1 Januari 2016		(733,553)
(+) Penerimaan daripada Kerajaan	14.1	99,905,000
(-) Perbelanjaan yang berkaitan		(5,271,196)
Baki pada 31 Disember 2016		<u>93,900,251</u>

14.1 Majlis dipertanggungjawab oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk menguruskan dana bagi pihak MASOC dan penggunaan dana ini adalah di luar kawalan Majlis.

**15. Wang Jaminan Perlaksanaan (WJP)**

Wang jaminan perlaksanaan adalah sejumlah wang tahanan yang dikira sebanyak 10% dari bayaran disyorkan sehingga 5% dari harga kontrak.

**16. PENDAPATAN**

	2016	2015
	RM	RM
Geran Kerajaan	124,215,160	98,165,860
Sumbangan Sports Toto	70,581,765	53,024,404
Pelbagai penerimaan	13,243,545	11,585,114
Pelunasan Geran Pembangunan	5,006,520	5,004,885
Hasil kutipan	1,856,121	2,836,763
Pulangan balik tahun-tahun lalu	1,165,259	383,329
Faedah simpanan	276,434	267,005
Faedah pinjaman kenderaan/komputer	39,136	37,152
Jualan dokumen tender	26,499	450
Keuntungan Pelupusan Harta Tetap	15,075	-
Hasil yuran kursus & seminar	679	6,300
Penyelesaian hutang rugu	-	479
	<u>216,426,193</u>	<u>171,311,741</u>

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**17. Emolumen**

Pada 31 Disember 2016, Majlis mempunyai kakitangan tetap seramai 213 orang (2015:213). Kos untuk pegawai dan anggota tetap adalah seperti berikut:-

	<b>2016</b> <b>RM</b>	<b>2015</b> <b>RM</b>
Gaji dan upahan	7,580,466	7,903,626
Elaun tetap	1,354,088	1,265,651
Lain-lain elaun	782,076	836,196
KWSP dan PERKESO	77,004	134,629
Caruman pencen	1,190,996	1,197,983
Elaun lebih masa	254,006	184,617
	11,238,636	11,522,702

**18. Penglibatan Modal**

Majlis terlibat dengan pihak ketiga dalam penglibatan modal dan pada 31 Disember 2016 ianya adalah seperti berikut:-

	<b>2016</b> <b>RM</b>	<b>2015</b> <b>RM</b>
Naiktaraf MSN (Casa 4)	18,754,309	-
Naiktaraf MSN (Bangunan)	36,049,490	49,251,490
Naiktaraf Prasarana Sukan Sea 2017	6,797,920	-
	61,601,719	49,251,490

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA  
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**19. PERCUKAIAN**

Majlis Sukan Negara Malaysia adalah berada dibawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan sumbangan untuk pembangunan sukan melalui Majlis akan mendapat pengecualian cukai.

**20. PELABURAN HARTANAH**

Majlis mengiktiraf tanah, bangunan (termasuk lantai bangunan), atau kedua-duanya tanah dan bangunan, termasuk harta yang masih dalam pembinaan sebagai pelaburan harta tanah jika ia merupakan objektif Majlis. Harta dipegang adalah bagi tujuan peningkatan modal, pendapatan sewa atau kedua-duanya. Suatu pelaburan harta tanah dinyatakan pada kos pada pengiktirafan awal. Kos pelaburan harta tanah terdiri daripada harga pembelian ditambah semua kos langsung yang ditanggung untuk membawa harta itu ke lokasi pada masa kini dengan tujuan untuk digunakan sebagai pelaburan harta tanah. Kos pelaburan bagi harta tanah yang dibina sendiri terdiri daripada semua kos pembinaan langsung dan tidak langsung tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Untuk tujuan pengukuran berikutnya, barang-barang kelengkapan yang tidak dapat dipindahkan dan barang-barang yang secara fizikalnya melekat pada bangunan, seperti lif, sistem elektrik dan sistem penyaman udara, dianggap sebagai sebahagian daripada harta. Majlis menggunakan model nilai kos boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

**21. Penyataan kepada perpindahan kepada MPERS**

Merujuk kepada nota 4(a), penyediaan penyata kewangan Majlis tahun ini adalah pertama kali mengikut MPERS.

Polisi perakaunan pada nota 4 telah digunakan dalam penyediaan penyata Kewangan Majlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dan maklumat perbandingan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan ini adalah untuk tahun berakhir 31 Disember 2015. Justeru itu, baki awal 1 Januari 2015 telah dinyatakan semula.

Peralihan kepada MPERS ini memberi kesan kepada Penyata Kewangan Majlis seperti dinyatakan pada nota 21.1 dan nota 21.2.

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA  
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**21.1 Pelarasan kepada ekuiti**

<b><u>Ekuiti</u></b>	<b>Dinyatakan semula 1.1.2015</b>	<b>Dinyatakan pada pelaporan lepas 1.1.2015</b>
	<b><u>RM</u></b>	<b><u>RM</u></b>
Lebihan terkumpul	168,494,623	173,932,533
Kumpulan Wang Pembangunan	-	204,056,662
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan/Komputer	-	2,000,000

**21.2 Pelarasan kepada ekuiti**

<b><u>Ekuiti</u></b>	<b>Dinyatakan semula 31.12.2015</b>	<b>Dinyatakan pada pelaporan lepas 31.12.2015</b>
	<b><u>RM</u></b>	<b><u>RM</u></b>
Kumpulan Wang Pembangunan	-	1,335,115

**NATIONAL HEAD AUDIT REPORT  
REGARDING FINANCIAL STATEMENT  
NATIONAL SPORTS COUNCIL MALAYSIA  
FOR THE YEAR ENDED ON 31<sup>ST</sup> DECEMBER 2016**

**Report Regarding Financial Statement**

**REPRIMANDING OPINION AND FEEDBACK**

The financial statement of Malaysia's National Sports Council has been audited by my representative which includes the Sheet of Balance on 31st December 2016 and Income Statement, Statement of Changing Equity and Cash Flow Statement for the year ended on the referred date, a significant summary of accounting policies and notes to Financial Statement as stated on page 2 until 26.

In my opinion, this Financial Statement has portrayed the realistic and justified picture regarding the financial status of Malaysia's National Sports Council on 31st December 2016 and financial performance and also cash flow for the year ended on the date stated in accordance to the standard of the financial reports which has been authorised by Malaysia and 1971 Malaysia National Sports Council Act excluding the matters stated in the Basic of Reprimanding Opinion paragraph.

**BASIC OF REPRIMANDING OPINION**

**i. EXPENSES FOR NATIONAL FOOTBALL DEVELOPMENT PROGRAMME**

I could not verify the precision for the expenses under the National Football Development Programme (PBBN) because of the model of transaction made by cash is not supported by complete documents. Meanwhile, the down payment method by extra cash payment also is not verified by any responsible officers for which the services given to prove the covered expenses is true and has exposed National Sports Council (MSN) towards the risk of fraud. The total of expenses involved in PBBN in 2016 is as much as RM 18 million. The appointment of management company for Football Development Programme is also did not going through the designated earning process and financial policies.

**ii. UNSYNCHRONISED/UNRESOLVED DEPOSIT**

As on 31st December 2016, the auditor has found a total of RM 4.04 million down payment has been given in the period from April until December 2016 has not been resolved/synchronised yet and already overdue. A partially big amount of it is the expenses which has not been charged and credited into the 2016 expenses yet. This has caused the profit for the respective year becomes more transparent. There are a few down payment receivers recorded their high outstanding down payment and all of them are the MSN contract officers.

**iii. THE BALANCE IN ASSET LEDGER IS NOT TALLY WITH THE REGISTER ASSET**

There is an obvious difference between the asset ledger and the register asset which amounted RM 3.6 million which has caused the auditor cannot verify the existence, the transparency and the precision of the asset stated.

**iv. DISOBEDIENCE TOWARDS THE FINANCIAL POLICY – RM11.09 MILLION**

Based on the membership of the Council's management board, the MSN operation is exposed to the administration issues where it happens that there is a disobedience detected in the financial policies. This is caused by the multiple and different orders received from the Ministry of Youth and Sports to make the payment to a various type of organisations for the KBS programme/activities without enough supported documents amounted RM 5.84 million. Other than that, there is a KBS Programme Fund that has been channelled to National Sports Council with a total of RM 5.25 million.

**v. INTERNAL CONTROL WEAKNESS**

There are internal control weaknesses in salary processing where there is only one officer who has been handed the updating job of the main data for salary and monthly salary processing. Other than that, there are expenses where the department orders have been made after any championship done or work/source held for Supermokh Championship programme costs RM197,120, a TV programme called "Planet Bola" costs RM475,200 and 1 Year Countdown ceremony costs RM288,343. There is also an issue where the approval of additional costs can only be earned after purchasing assets or services reimbursement made which is for the purchase of Kubota Machine costs RM 172,613 and the upgrading toilet services and facilities at ASZU Pulau Pinang costs RM260,000.

I have executed the auditing based on the 1957 Audit Act and The International Standards of Supreme Audit Institutions. My responsibilities will then be elaborated more on the Auditor Responsibility Regarding Financial Statement Auditing paragraph in this report. I believe that the evidence of the audit earned is sufficient and appropriate to be as the basic of my reprimanding opinion and feedback.

## **THE FREEDOM AND THE OTHER ETHICS RESPONSIBILITIES**

I am free from Malaysia National Sports Council and already fulfilling my other ethics responsibilities based on The International Standard of Supreme Audit Institutions.

## **THE OTHER INFORMATION OTHER THAN THE FINANCIAL STATEMENT AND AUDITOR REPORT REGARDING IT**

The Director Board of Malaysian National Sports Council is responsible towards the other information in the annual report. My opinion regarding the financial statement of Malaysia National Sports Council is not enclosed with the other information other than financial statement and the auditor report regarding it and I do not state any type of guarantee conclusion regarding it.

## **THE RESPONSIBILITES OF THE BOARD OF DIRECTORS TOWARDS THE FINANCIAL STATEMENT**

The Board of Directors is responsible towards the financial statement preparation for Malaysia National Sports Council which portrayed the realistic and justified picture in accordance to the standard of the financial reports which has been authorised by Malaysia and 1971 Malaysia National Sports Council Act. The Board of Directors also has to be responsible towards the setting of the necessary internal control in order to make a transparent and zero-error from fraud and mistakes regarding the financial statement preparation of Malaysia National Sports Council.

During the preparation of the financial statement, the Board of Directors is responsible to test the ability of Malaysia National Sports Council to operate as an ongoing effort, exposing it if related and using it as the basic of accounting.

## **THE AUDITOR RESPONSIBILITIES TOWARDS THE FINANCIAL STATEMENT AUDITING**

My objective is to earn a reasonable amount of confidence whether the financial statement of Malaysia National Sports Council in overall is free and clear from obvious faulty and mistakes, whether it is caused by fraud or mistakes, and producing the auditor report which enclosed all of my opinions and feedbacks. A reasonable guarantee is a high level of guarantee, but it is not a guarantee that the audit done by following The International Standards of Supreme Audit Institutions will always detect the obvious faulty and mistakes when it appeared. Obvious mistakes and faulty can exist from fraud and mistakes and can be considered as obvious either by individuals or aggregate if it can be predicted reasonably to influence the economical decision made by the users based on this financial statement.

As a part of the auditing which followed The International Standards of Supreme Audit Institutions, I have used my professional considerations and maintaining my professional doubts during auditing. I also:

- a. Identifying and evaluating the risk of obvious faulty and mistakes in the financial statement of Malaysia National Sports Council, whether it is caused by fraud or mistakes, drafting and executing a responsive auditing procedure towards countable risks and also to earn a sufficient and appropriate auditing evidence to give a basic to my opinions and feedbacks. The risks of not detecting the obvious faulty and mistakes due to fraud is higher than the mistakes and it is because the fraud might be involving agreement, forgery, missed on purpose, wrong representation or overcoming the internal control.
- b. To comprehend a relevant internal control to draft an appropriate auditing procedure but not for stating an opinion regarding the efficiency of internal control of Malaysia National Sports Council.
- c. To evaluate the uses of the appropriate basic of accounting and a reasonable accounting estimation and exposures related to the Board of Directors.
- d. To make a conclusion and summary regarding the proper use of the basic of accounting for the ongoing efforts by the Board of Directors and based on the auditing evidences earned, whether there is any existence of obvious uncertainty which related to any events or any event that can create any significant doubts towards Malaysia National Sports Council as an ongoing effort. If I were to make a conclusion that the uncertainty exists, I have to report in the auditor report against related exposure in the financial statement of National Sports Council or, if the exposure is insufficient, my opinions and feedbacks will be amended. My conclusion made based on the auditing evidence earned until the date of the auditing report.
- e. To evaluate whether the overall presentation including the exposure of the financial statement of Malaysia National Sports Council is portraying a justified picture.

I have been communicating with the Board of Directors, such as regarding the scope and the duration of the planned auditing and also any significant auditing discovery including the weaknesses of internal control which has been identified during the auditing process.

## **REPORT REGARDING LEGAL REQUIREMENTS AND RULES**

Based on the requirements of 1971 Malaysia National Sports Council Act, I am also reporting that in my opinion, the accounting record and the other records needed by the Act to be kept by the National Sports Council has been perfectly kept unless the matter that has been stated in Basic of Reprimanding Opinions and Feedbacks paragraph.

### **OTHERS**

- a. As stated in Note 4 (a) to the financial statement, Malaysia National Sports Council has been adopted the accounting standards of Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) started since 1st January 2016 with a transition date on 1st January 2015. This standard has been adopted retrospectively by the Board of Directors against the comparing numbers in this financial statement, including the Sheet of Balance of Malaysia National Sports Council on 31st December 2015 and 1st January 2015, and the Statement of Income, Statement of Changing Equity and also the Statement of Cash Flow for the year ended 31st December 2015 and the related exposures. I am not attached to report any comparing numbers which restated and has not been audited. My responsibility as a part of the auditing of financial statement of Malaysia National Sports Council for the year ended 31st December 2016, in this situation, including to earn a sufficient and appropriate evidence of auditing regarding the early balance on 1st January 2016 does not contain any obvious faulty and mistakes which can caused an obvious effect towards the financial status on 31st December 2016 and the financial performance and the cash flow for the year ended on the date stated.
- b. This report is made for the Board of Directors and not meant for other purposes. I will not be responsible towards the other parties for the content of this report respectively.



(YBHG. TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)  
HEAD OF NATIONAL AUDIT  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
30 AUGUST 2017

**NATIONAL SPORTS COUNCIL****STATEMENT BY THE CHAIRMAN AND A MEMBER OF BOARD OF DIRECTORS**

We, **BRIG JEN KHAIRY JAMALUDDIN** and **DATO' LOKMAN HAKIM BIN ALI** which is the chairman and a member of Board of Directors respectively for, **NATIONAL SPORTS COUNCIL MALAYSIA**, stated here that, in the opinion of the Board of Directors, the Financial Statement which contained the Sheet of Balance, Statement of Income, Statement of Changing Equity and Statement of Cash Flow as followed together with the notes of Statement of Financial inside, are prepared to show the realistic and justified view regarding the position of **NATIONAL SPORTS COUNCIL MALAYSIA** on 31st December 2016 and the operating revenue and also the changing of the financial status for the year which ended as stated.

For the Board,

